

DN.12.5.99

PARLIMEN KESEMBILAN

PENGGAL KELIMA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid V

Bil. 7

Rabu

12 Mei 1999

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Ruangan)
- Urusan Mesyuarat (Ruangan)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan)

USUL:

- Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh
-*Y.A.B Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad* (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,
P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum
(Dilantik)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T.,
J.P. (Melaka)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten
(Sabah)

“ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

“ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)

“ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

“ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Puan Jaya Partiban (Dilantik)

“ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)

“ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)

“ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N.,
P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

“ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

“ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N.,
P.J.K. (Perak)

“ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)

“ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Abas (Melaka)

“ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

“ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

“ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)

“ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

“ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)

“ Puan Tan Ah Eng (Johor)

“ Tuan Tan Ek Huat (Perak)

“ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)

“ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)

“ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

“ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)

“ Dato' Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

“ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)

“ Datuk Zainudin bin Maidi n (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad

Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan
--------------	---	---------------------

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamarudin bin Abdullah A.M.N., Psc TUDM
-------------------	---	--

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Rabu, 12 Mei 1999**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[*Setiausaha membacakan Perutusan*]

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT KEPADA
DEWAN NEGARA**

“12 Mei 1999

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998;
2. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1999;
3. Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah (Pindaan) 1999;
4. Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 1999;

5. Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1999;
6. Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 1999;
7. Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1999;
8. Rang Undang-undang Pelesenan Kenderaan Pelancongan
1999;
9. Rang Undang-undang Penyemakan Undang-undang (Pindaan)
1999; dan
10. Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 1999.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato’ Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin.

1. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany [Di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan atas asas apakah kerajaan meletakkan keyakinan bahawa tidak lebih US\$5 bilion yang akan keluar dari negara ini pada September depan iaitu apabila kerajaan membenarkan penanam modal luar memindahkan tabung mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, angka US\$5 bilion adalah satu anggaran yang berdasarkan kepada pegangan asing saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) serta baki dalam akaun luaran.

Kita yakin bahawa pengeluaran keluar dana portfolio secara besar-besaran tidak akan berlaku kerana sebahagian besar dana tersebut telah pun keluar sebelum September 1998 yang menyebabkan indeks komposit BSKL menurun hingga ke paras terbawah. Ekonomi Malaysia telah mula pulih dan pulangan kepada pelaburan oleh pelabur-pelabur asing bertambah baik.

Pasaran modal tempatan telah pulih dan indeks komposit BSKL meningkat daripada tahap 262 mata sejak 1 September 1998 ke tahap lebih 723 mata pada kelmarin 11 Mei 1999 dan prestasinya adalah memuaskan berbanding dengan pasaran serantau.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui dari pihak kerajaan dalam peningkatan indeks daripada 262 kepada 723 kelmarin, berapa banyakkah dana kewangan dari luar negara yang memainkan peranan untuk melabur di dalam saham-saham kita di BSKL dan berapa banyak pula dana-dana tempatan?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa dana tempatan adalah merupakan dana yang lebih 70% daripada dana luaran dan dana institusi adalah merupakan dana lebih daripada dana runcit. Dan statistiknya pada semalam, saya tidak ada di sini, saya akan berikan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Di sini saya ingin menegaskan bahawa mengikut anggaran kita, ekonomi kita akan berkembang pada tahun ini, konvensionalnya ialah pada 1% tetapi banyak penganalisa ekonomi luaran mengatakan kita akan mencapai 1.5% hingga 2.5% dan kita melihat indeks BSKL ini sebagai satu petunjuk selain daripada rizab kita, selain dari indeks pengeluaran kita dan selain dari indeks megawatt yang digunakan untuk mengeluarkan produk-produk untuk dihantar ke luar negara.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya berkenaan dengan anggaran dijangkakan penarikan US\$5 bilion ini melalui pelaburan modal asing, apakah pelaburan ini telah dijangka oleh kerajaan sebagai pelaburan jangka pendek ataupun pelaburan yang mempunyai orientasi sentimen

politik ataupun apakah kedudukan sebenar pelaburan modal asing yang dilihat dibentuk dalam jangka panjang. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan itu kita kena melihat kepada dasar secara keseluruhan, pertamanya, kita telah pun mengeluarkan satu dasar yang kita katakan dasar baru sistem levi yang telah dikuatkuasakan pada 15 Februari 1999.

Dasar ini secara ringkasnya di bawah Peraturan 2 Levi, dikenakan dalam dua cara, satu ialah pengenaan levi ke atas jumlah dana pokok yang dibawa masuk ke Malaysia sebelum 15 Februari 1999 dan yang kedua caranya ialah pengguna levi ke atas keuntungan.

Yang pertama tadi, pokok sebelum 15 Februari 1999 dan yang keduanya, ke atas keuntungan dari jumlah dana pokok yang dibawa masuk ke Malaysia pada atau selepas 15 Februari 1999. Jadi, apabila levi ini dikemukakan, banyak dana asing ini telah mengeluarkan wang sebelum perkara ini berlaku dan itu telah menyebabkan bahawa indeks BSKL kita menurun hingga ke terbawah. Dan kita merasakan dengan angka US\$5 bilion ini apabila datangnya September, kita melihat bahawa aliran masuk dana asing dengan aliran keluarnya adalah seperti berikut:

Selepas kerajaan memperkenalkan levi pada 15 Februari 1999 ke atas modal asing portfolio, pasaran modal tempatan negara kita masih pada tahap yang berpuas hati terutamanya tahap pengaliran masuk bersih (net inflow) dana baru sebanyak RM1.08 bilion dalam tempoh 15 Februari 1999 sehingga 5 Mei 1999. Jadi, dalam masa sepuluh hari April, basis kita sampai sekarang ini kita telah menjangkau RM1.08 bilion.

Rizab kita adalah tinggi dan kita rasakan kalau import tertunggak sekarang ini telah naik 6.1 bulan, jadi kita lihat bahawa indeks-indeks ini menunjukkan negara kita akan menuju kestabilan ekonomi menjelang alaf baru nanti.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya sejak kejatuhan pasaran saham akibat dari kegawatan ekonomi, ramai di antara pelabur-pelabur runcit yang baru hendak masuk dalam pasaran

saham ini mengalami kerugian dan masalah sama ada kerajaan mempunyai satu program untuk membimbing dan menyelamatkan sekurang-kurangnya membantu pelabur-pelabur ini supaya mereka tidak mengalami kerugian, sebab mereka membuat pelaburan secara terus ataupun melalui pihak-pihak tertentu yang mungkin secara tidak sah. Ini menjejaskan ekonomi pelabur-pelabur runcit ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin kalau boleh soalan ini dijawab pada soalan nombor 7 nanti, kerana ia ada berkaitan.

2. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kerajaan berpuas hati dengan pembelajaran Kesusasteraan Melayu di peringkat persekolahan dan adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu atau Malaysia sebagai mata pelajaran yang dituntut untuk dipelajari oleh pelajar-pelajar SPM.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pendidikan berpuas hati dengan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di peringkat persekolahan. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ditawarkan kepada pelajar-pelajar Tingkatan 4, 5 dan 6 sebagai mata pelajaran elektif di peringkat menengah atas.

Pelajar-pelajar yang berminat digalakkan mengambil mata pelajaran ini dan seterusnya menduduki peperiksaan SPM. Walau bagaimanapun, unsur-unsur kesusasteraan adalah juga salah satu komponen yang diajar di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat menengah rendah.

Kementerian sedang merancang untuk meningkatkan pembelajaran kesusasteraan di sekolah sehingga ke peringkat SPM sebagai komponen wajib.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, 'Bahasa Jiwa Bangsa'. Saya ingin dapat tahu dari pihak kementerian, dalam kerajaan melaksanakan dasar liberalisasi pendidikan dengan banyaknya penggunaan bahasa Inggeris, apakah tindakan kerajaan untuk memastikan Bahasa Malaysia atau Bahasa

Melayu kekal sebagai bahasa rasmi dan juga bahasa pengantaraan rasmi di sekolah-sekolah?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masalah itu tidak timbul kerana Kementerian Pendidikan selalu berpegang teguh kepada kepentingan Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan kita dan dalam konteks ini bahasa pengantar di sekolah-sekolah pelajaran menengah adalah Bahasa Kebangsaan dan selain dari itu, kita sudah mewajibkan bahawa mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang wajib untuk semua pelajar di semua sekolah di negara ini sama ada sekolah kerajaan, sekolah Cina rendah, sekolah Tamil rendah dan sekolah swasta.

Kita sekarang sudah merancang seperti yang saya terangkan bahawa untuk mempertingkatkan lagi Bahasa Melayu di peringkat SPM supaya dalam kursus Bahasa Melayu di peringkat SPM juga mempunyai satu komponen kesusasteraan dan dengan itu kita bolehlah dengan lebih berkesan mempertingkatkan taraf bahasa dengan adanya komponen kesusasteraan.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sebenarnya mata pelajaran Kesusasteraan Melayu merupakan satu mata pelajaran yang dapat mendekatkan pelajar-pelajar kita kepada peradaban budaya dan bangsa Melayu sendiri. Tetapi sebagaimana yang kita maklum, bahawa dari segi pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan di sekolah-sekolah menghilangkan minat pelajar-pelajar kerana cara penyampaiannya.

Jadi, kalaulah pendekatan yang lebih efektif tidak difikirkan oleh Kementerian Pendidikan, kita yakin anak-anak kita tidak berminat terhadap Kesusasteraan Melayu khususnya, maka ini akan menghilangkan budi dan budaya kita kerana mereka tidak kenal kesusasteraan dan peradaban kita.

Jadi, kita berharaplah Kementerian Pendidikan dapat mengambil langkah yang wajar supaya mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini dapat dipertingkatkan lagi supaya ianya boleh menimbulkan minat kepada pelajar-pelajar.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan menerima dengan sukacitanya cadangan Ahli Yang Berhormat dan kita akan terus mengkaji cara-cara yang lebih berkesan untuk mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini, ini termasuklah menggunakan cara-cara multimedia dan sebagainya supaya kita boleh mempertingkatkan minat di kalangan pelajar-pelajar.

3. Tuan Tan Ek Huat minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab utama berlakunya banjir kilat di Bandaraya Kuala Lumpur baru-baru ini; dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh DBKL untuk mengurangkan masalah ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan 17 Mei 1999 daripada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

Kerajaan Pusat telah mewujudkan Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur dengan tujuan mengatasi banjir di Kuala Lumpur. Projek ini yang berharga RM972 juta telah dirancang dan dilaksanakan dan dijangka siap dalam tahun 2005.

Sehingga penghujung tahun 1998 sebanyak RM415 juta telah dibelanjakan dengan kemajuan pelaksanaan fizikalnya lebih kurang 50%.

Sebanyak RM380 juta telah dijangka akan digunakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Semenjak pelaksanaan projek ini kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir di Kuala Lumpur seperti Taman Kok Lian, Brickfield dan Kampung Delima telah dapat diatasi.

Selain daripada Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur, Kerajaan Pusat juga telah memperuntukkan gran kepada DBKL bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan sungai-sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kejadian banjir di Kuala Lumpur boleh dibahagikan kepada dua iaitu banjir kilat dan banjir besar. Banjir kilat adalah disebabkan oleh peningkatan intensiti hujan dalam jangka masa yang singkat yang mengakibatkan kadar aliran yang deras melalui saluran-saluran yang mana kapasiti semasanya tidak mencukupi. Manakala banjir besar

pula berlaku akibat hujan yang turun lebat secara meluas di kawasan tadahan bahagian hulu sungai utama atau sungai besar seperti Sungai Klang, Sungai Batu, Sungai Gombak dan Sungai Kerayong. Keadaan ini akan menyebabkan paras air di sungai-sungai tersebut meningkat tinggi serta melimpahi tebingnya.

Keadaan banjir kilat yang berlaku di Kampung Baru baru-baru ini adalah disebabkan oleh hujan yang berintensiti tinggi dengan jangka masa yang lama telah turun secara meluas di bahagian hulu kawasan tadahan Sungai Klang. Air yang deras serta sekatan daripada kerja-kerja pembinaan Confor Dam [*Disampuk*] di dalam Sungai Klang, saya Melayukan tadi, [*Ketawa*] oleh projek lebuh raya telah mengakibatkan paras air Sungai Klang melimpahi tebingnya dan turut memecahkan beberapa bahagian ban ataupun batas sementara sungai tersebut. Ini mengakibatkan beberapa kawasan telah dilanda banjir besar.

Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di bawah Kementerian Pertanian adalah merupakan dua agensi yang telah dipertanggungjawabkan di dalam menyelesaikan masalah banjir yang berlaku baru-baru ini. Satu pasukan khas yang diketuai oleh JPS telah ditubuh bagi menangani masalah ini. Di antara tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengurang dan mengelakkan perkara ini berulang ialah mencabut semua 'sheet pile' yang telah disediakan, [*Disampuk*] s.h.e.e.t pile, bukan buku itu. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: S.H.I.T.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Ha, S.H.I.T.- sheet pile yang telah disediakan, membersihkan serta memperbaiki gate empangan supaya dapat berfungsi dengan baik, mencabut perkara-perkara yang menghalang aliran sungai dan ini merupakan tindakan-tindakan yang diambil segera bagi menentukan supaya banjir kilat itu tidak berlaku.

Di samping usaha tersebut DBKL juga telah mengambil tindakan dalam usaha menebat banjir kilat setempat. DBKL telah menyediakan peruntukan dalam belanjawan tahunan untuk melaksanakan projek-projek perparitan yang merangkumi pelebaran dan penyaluran konkrit parit induk yang sedia serta pembinaan yang baru. Ini adalah merupakan tindakan untuk mengatasi banjir kilat dan banjir besar berlaku di Kuala Lumpur.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memahami bahawa pihak kerajaan dan DBKL juga sedang mengatasi masalah banjir kilat. Banjir besar itu tidak dapat kita elak, Tuan Yang di-Pertua. Banjir kilat yang selalu berlaku ini, adakah pihak kerajaan tahu dan membuat kajian yang terperinci, yang khusus-khusus, longkang-longkang, parit...perkataan 'khusus' ini saya terbaca semalam dalam 'SHIT' – Shahnnon hanya intelektual...tidak payah sebutlah. Itu sendiri fikirkan. Jadi, saya baca sedikit sahaja, tidak dapat hendak teruskan sebab perkataan-perkataannya tidak serasi dengan jiwa saya. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, adakah buat kajian? Longkang-longkang ini kecil dan hendak dibesarkan tidak boleh disebabkan bangunan-bangunan di tepi-tepi longkang ini. Jadi, bagaimana kerajaan hendak mengatasi ini? Longkang-longkang yang kecil, parit-parit yang kecil hendak perbesarkan tetapi di tepi-tepinya ada bangunan-bangunan tinggi. Tuan Yang di-Pertua, masalah ini tidak dapat diatasi melainkan kerajaan membuat satu Kertas Putih pula untuk mengatasi banjir kilat di Kuala Lumpur khususnya, di Pahang tidak ada masalah, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, banjir ini berlaku boleh dikatakan di seluruh negara kita, bahkan di negeri Pahang pun terlibat dengan banjir. Ada yang banjir kilat dan ada banjir besar. Saya percaya Yang Berhormat pun tahu perkara ini tetapi sengaja membuat tidak tahu. *[Ketawa]*

Memang kita membuat perparitan dan lain-lain perkara untuk mengatasi banjir ini mestilah menjalankan kajian. Saya percaya kalau tidak buat berdasarkan kepada kajian yang dibuat, mungkin Kuala Lumpur ini lagi teruk banjir yang kita hadapi. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa Kuala Lumpur ini merupakan lembah – Lembah Kelang, ia apabila merupakan lembah ataupun besen, air itu apabila turun ia menumpu kepada satu lembah yang akan menakung air, inilah sebabnya selalu berlaku di Kuala Lumpur ini. Memang banyak sungai di sekitar Kuala Lumpur – Sungai Klang, Sungai Batu dan pelbagai sungai lagi. Jadi longkang yang kita buat bukanlah sebesar sebagaimana sungai tersebut. Jadi, apabila air semua datang ke Kuala Lumpur, maka longkang yang kita buat itu tidak mampu untuk menampung air yang datang begitu banyak. Kemudian, seperkara lagi apabila longkang kita buat tambah pula apabila air itu masuk juga membawa sampah-sarap dan dipenuhi oleh sampah-sampah, maka akan berlakulah banjir itu lebih cepat daripada biasa.

Walau bagaimanapun, sebagaimana saya nyatakan tadi mengenai Tebatan Kuala Lumpur ini merupakan satu kajian yang lama yang mana sejak tahun 1973 perkara ini telah dilaksanakan. Inilah merupakan perkara yang dilaksanakan setelah membuat kajian yang mendalam, maka kita percaya, insya-Allah, pada tahun 2005 apabila siap Tebatan Banjir Kuala Lumpur ini kita percaya kalau tidak mengatasi seratus peratus tetapi banyak mengurangkan masalah banjir kilat dan juga banjir besar.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah saya amat bersimpati dengan penduduk-penduduk di kawasan Kuala Lumpur ini yang kata Dato' Haji Muhamad dalam besen ataupun valley Kuala Lumpur itu yang sering mengalami masalah banjir kilat yang sudah tentu dipenuhi dengan lumpur-lumpur. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada kerajaan ataupun pihak DBKL telah mengenal pasti tempat-tempat yang berisiko tinggi untuk menghadapi banjir kilat.

Banjir besar kita terima sebagai hakikat bencana alam tetapi banjir kilat yang dibuat oleh manusia yang rakus dengan pembangunan dan dengan kekayaan semata-mata kerana hendak buat duit, dia tidak ambil kisah, tidak mahu belanja lebih sedikit untuk hendak atasi masalah ini. Sama ada DBKL

telah mengenal pasti tempat-tempat ini sebab selalu kita tengok tempat-tempat yang sering dilanda banjir kilat ini bukan banyak, tempat-tempat tertentu sahaja. Lebih baik kerajaan kenal pasti dan buat perancangan jangka panjang untuk memindahkan penempatan ini, belanja duit sedikit, tempatkan lain. Hendak bina parit bangunan sudah banyak, hendak buat itu atau ini sudah susah. Dalam masa yang sama berapakah pihak pemaju ataupun syarikat-syarikat besar yang telah dihukum kerana mengakibatkan berlakunya banjir kilat ini kerana cuai, orang kata dalam masa menguruskan kerja-kerja itu tidak mengambil kira masalah banjir kilat ini.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memanglah sebelum mana-mana projek dibuat di Kuala Lumpur, pihak berkuasa memberitahu supaya mengikut peraturan-peraturan tertentu membuat bangunan-bangunan yang terlibat, terutama kita mengelakkan supaya tidak menyebabkan kemalangan. Yang kedua, mengelakkan supaya tidak menahan ataupun menyebabkan banjir kilat. Ini memang dipastikan sebab perkara banjir kilat di Kuala Lumpur bukan perkara baru, perkara lama dan sebab-sebab di antaranya ialah kerana pembangunan yang kita buat. Memanglah sukar bagi kita hendak dapat perkara yang baik dalam satu masa. Kalau kita hendak pembangunan beberapa perkara lain mestilah kita menerima keadaan dan cuba mencari jalan untuk mengatasinya. Ini memang dasar kita di mana-mana sekalipun. Dalam hal ini apabila kita membuat pembangunan, kita juga mengenal pasti tempat-tempat yang biasa berlaku banjir kilat di Kuala Lumpur ini sebab itulah di antara projek yang kita buat membersihkan sungai dan sebagainya, semua sungai di kawasan yang selalunya dilanda banjir kilat tetapi satu perkara yang mesti kita akui ialah mengenai dengan setinggan di mana orang duduk tanpa diluluskan memang berlaku di Kuala Lumpur. Apabila ini berlaku sudah tentu menyukarkan pihak bandaraya untuk membersihkan sungai dan sebagainya kerana perumahan mereka ini kadangkala dibuat di tepi sungai. Jadi, ini juga merupakan satu perkara yang kita sentiasa menghadapi dan cuba mengatasi bersama untuk memastikan perkara-perkara ini tidak berlaku dan memudahkan kita bagi membersihkan keadaan-keadaan di tempat tertentu yang selalu berlaku banjir kilat di Kuala Lumpur ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita bercakap soal banjir, banjir diakibatkan oleh air. Dalam masa yang sama kita dapati penduduk-penduduk di Kuala Lumpur ada ketikanya tidak mendapat bekalan air kerana kekurangan air di empangan. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, semasa pihak kerajaan mengkaji masalah banjir adakah kajian ini dibuat bersama dengan masalah keperluan air supaya air ini dapat kita salurkan, dapat kita bendung ataupun dapat kita kumpulkan untuk kegunaan sewaktu berlakunya kemarau dengan membina dam-dam ataupun membina pusat pengumpulan air untuk kegunaan rakyat di Kuala Lumpur itu sendiri.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana memberi hujan kepada kita. Apabila ini berlaku sudah menjadi kebiasaan kepada manusia, kalau tidak hujan dia gaduh terlalu panas, kalau ada banjir dia kata air terlalu banyak. Ini lumrah manusia tetapi kita manusia hanya berikhtiar. Memanglah menjadi matlamat kita supaya kita dapat membekalkan air kepada penduduk kita

dengan secara mencukupi tetapi perkara ini memakan masa yang panjang. Walaupun soalan ini bekalan air dengan banjir tetapi makna saya membayangkan bahawa kita menggunakan keadaan ini. Kalau sekiranya banjir, kita memastikan supaya banjir itu tidak berlaku sehingga menjadi bencana kepada kita di samping itu kita membuat dam-dam tertentu, takungan air yang tertentu untuk mendapatkan air ini kita takungkan kepada manusia. Jadi, pada hakikatnya perkara ini mestilah kita buat dengan paling baik supaya kita tidak kena bencana banjir di samping itu hujan dapat kita gunakan bagi faedah manusia terutama di Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga soalan baru sudah memakan masa setengah jam lebih. Sekarang pendekkanlah. Soalan No. 4 dan jawab pun pendeklah sedikit, kalau boleh.

4. **Tuan Janggu Anak Banyang** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah sebabnya kekurangan guru yang mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah menengah kerajaan di seluruh negara dan beri jumlah guru yang sedia ada bagi mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik di seluruh negeri Sarawak.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan menyedari masih terdapat keperluan bagi guru-guru Sains dan Matematik di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara. Kementerian Pendidikan telah pun mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah ini, antaranya:

- (i) menambah unjuran pengambilan di bawah Program Diploma Perguruan Malaysia, Kursus Perguruan Lepas Ijazah dan Kursus Perguruan Lepas Diploma;
- (ii) menyediakan Program Kursus Diploma Perguruan Khas sebagai laluan guru-guru bukan siswazah melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Pertama di universiti-universiti tempatan.

Sehingga 1 Januari 1999 terdapat 890 orang guru yang mengajar mata pelajaran Matematik dan 947 orang guru yang mengajar mata pelajaran Sains di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Baguslah tidak ada soalan tambahan.

5. **Tuan Tee Thiong Hock** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan :-

- (a) memandangkan harga getah asli yang begitu rendah adakah kerajaan anggap pertumbuhan-pertumbuhan di peringkat antarabangsa untuk menstabilkan pasaran getah asli memainkan peranannya; dan
- (b) jika tidak, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk menjamin harapan perindustrian ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah pun memberikan notis untuk keluar daripada Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) dan akan meninggalkan pertubuhan itu secara rasmi mulai 15 Oktober tahun ini. Tindakan ini adalah kerana kerajaan berpendapat bahawa INRO telah tidak lagi berkesan dalam peranannya untuk menstabilkan harga getah pada tahap yang berpatutan.

Walau bagaimanapun, masih terdapat pertubuhan antarabangsa dan serantau lain yang boleh sama membantu dalam usaha menstabilkan harga getah. Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak mungkin Malaysia boleh bertindak bersendirian dalam menangani masalah ini. Oleh itu, kementerian sedang dan akan menggunakan forum-forum antarabangsa seperti Pertubuhan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) dan juga ASEAN serta perbincangan dua hala dengan negara-negara pengeluar dalam menstabilkan harga getah. Di peringkat negara, kementerian akan mengambil beberapa langkah untuk menangani masalah harga getah khususnya kadar harga yang diterima oleh pekebun-pekebun kecil. Dalam hubungan ini kementerian saya sedang menyediakan dua skim iaitu skim pembelian getah yang bertujuan untuk menyediakan outlet kepada getah keluaran pekebun kecil, di samping memberikan harga ladang yang secara perbandingannya lebih berpatutan khususnya kepada pekebun-pekebun kecil dan skim kedua iaitu skim rasionalisasi stock latex tempatan yang akan mengawal kedudukan stock latex di pasaran tempatan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan getah ini pada suatu ketika dahulu merupakan komoditi utama negara tetapi kebelakangan ini kita nampak getah merupakan satu komoditi yang tidak bermaya lagi. Jadi, dari segi, dengan izin, opportunity cost, adakah lebih baik kita tidak payah lagi tanam getah, lepas itu getah ini kita gantikan dengan kelapa sawit yang kini mendapat harga yang begitu tinggi dan kelapa sawit merupakan bahan makanan seluruh dunia yang tidak mempunyai kolesterol ataupun gunakan tanah yang sedia ada ini untuk tanaman-tanaman lain yang boleh mendatangkan lebih banyak return atau pulangan modal.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz di atas memahami bahawa industri kelapa sawit merupakan satu industri dan sektor yang amat memberangsangkan tetapi pada masa yang sama industri getah melibatkan 400,000 pekebun kecil dan sektor ini melibatkan 85% mereka yang terlibat secara kecil-kecilan. Suka atau tidak suka kerajaan mesti memastikan bahawa pekebun-pekebun kecil ini dibela dan usaha sekarang ini dilakukan supaya industri getah ini bukanlah merupakan satu industri sunset, dengan izin, di mana ada ruang-ruang dan peluang-peluang kita untuk mempertingkatkan lagi dan memperkukuhkan lagi industri ini. Contohnya, di bawah industri-industri hiliran dari segi industri produk-produk getah, dari segi perabot menggunakan kayu getah tetapi ini dengan syarat pekebun-pekebun kecil dan mereka yang terlibat dengan industri ini menggunakan klon-klon baru, menggunakan teknologi-teknologi baru dan pada masa yang sama harga getah dapat kita stabilkan melalui skim-skim jangka masa yang pendek ini.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Soalan tambahan. Kita berterima kasih kepada kementerian dan kerajaan yang melihat secara izin paksa sebagai tanggungjawab kerajaan untuk memastikan golongan yang pekebun kecil dilihat sebagai golongan paling daif di negara kita melebihi 400,000 orang. Jadi dalam konteks ini apakah kementerian dan kerajaan untuk menetapkan satu harga minimum yang munasabah dengan tidak mengikut harga pasaran. Maknanya harga minimum supaya faedah secara langsung untuk cukup membantu keluarga 400,000 ini mendapat pendapatan mereka secara bulanan dengan memberi subsidi ataupun apa-apa bentuk dan pendekatan yang harus dilaksanakan oleh kerajaan. Terima kasih.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, menerusi skim khas sokongan harga yang telah diumumkan baru-baru ini paras harga harian peringkat pekebun kecil akan ditentukan setiap hari oleh Jawatankuasa Skim Khas

Pembelian Getah yang akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama. Pembiayaannya akan dibuat menerusi kira-kira 1,000 wakil perniaga MARDEC dan pengawalseliaannya dikendalikan oleh Lembaga Getah Malaysia. Insya-Allah dengan skim yang diadakan, ini dengan pengawalseliaan dan pengendalian melalui outlet-outlet di bawah MARDEC kita dapat memastikan bahawa harga yang diterima oleh pekebun-pekebun kecil ini boleh dimanfaatkan secara langsung dan berpatutan. Terima kasih.

6. Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: minta Menteri Kesihatan menyatakan secara umumnya kebanyakan ladang ternakan, gerai makanan dan longkang amat kotor dan menjijikkan. Mengapa pihak kementerian masih gagal untuk memeriksa kawasan ini sebelum ia menjadi tempat pembiakan penyakit berjangkit.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap isu-isu yang berkaitan kebersihan persekitaran kerana kesannya kepada kesihatan. Oleh itu semua ladang ternakan dan gerai makanan perlu mendapat lesen terlebih dahulu. Lesen-lesen hanya dikeluarkan oleh pihak majlis daerah atau pihak kerajaan tempatan sekiranya pihak pengusaha mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan termasuklah dari aspek kebersihan.

Bagi memastikan pihak pengusaha mematuhi syarat-syarat ini aktiviti lawatan dan pemeriksaan menjejut ke ladang-ladang ternakan dan gerai-gerai makanan oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta lawatan pemeriksaan yang dilakukan sendiri oleh Yang di-Pertua Majlis atau pegawai di peringkat pihak berkuasa tempatan seringkali dijalankan. Di masa yang sama juga pihak Kementerian Kesihatan memantau dan menguat kuasa aktiviti kawalan mutu makanan seperti mengambil contoh makanan untuk diuji tahap keselamatannya dan mengawasi tahap kebersihan premis serta pengendali-pengendali makanan.

Aktiviti semburan kabus bagi kawalan vektor juga dilaksanakan di kawasan luar bandar. Pihak berkuasa tempatan bertanggungjawab ke atas kebersihan peparitan, kawalan vektor di kawasan pihak berkuasa tempatan sendiri dan Kementerian Kesihatan ada memberi bantuan dan sokongan ke atas aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan.

Masalah utama yang dihadapi oleh pihak Kementerian Kesihatan dan kerajaan tempatan untuk mengendalikan kebersihan dengan sempurna di sekitar kawasan dan tempat awam adalah sikap dan tingkah laku orang awam yang tidak bertanggungjawab dan kurang prihatin terhadap isu kebersihan yang sering menimbulkan masalah kepada pihak berkuasa tempatan untuk menyelenggarakan kawasan tersebut dengan baik.

Bagi memupuk amalan dan budaya yang sihat pihak kementerian dengan kerjasama pihak berkuasa negeri dan tempatan mengadakan 'Kempen Bersih dan Indah' dengan tujuan khusus meningkatkan kesedaran di kalangan orang awam melalui penyertaan dan penglibatan mereka secara terus. Di samping itu juga pertandingan-pertandingan kebersihan seperti tandas awam, pusat penjaja, kebersihan parit, longkang dan lain-lain. Peruntukan-peruntukan khas bagi menaikkan kemudahan-kemudahan tersebut serta projek-projek berkaitan kebersihan turut disediakan.

Pada 20 April tahun ini satu kempen kebersihan dan menghapuskan nyamuk peringkat kebangsaan telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan keprihatinan masyarakat terhadap kepentingan untuk menjaga kebersihan agar kesihatan masyarakat sentiasa dipelihara. Saya mengharapkan agar semua Ahli Yang Berhormat dapat turut sama memimpin rakyat dalam kempen ini agar negara kita sentiasa bersih dan rakyat kita sihat.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita sedia maklum tempat-tempat ternakan ayam menjadi pusat

atau tempat membiak lalat. Dengan adanya wabak JE ini nampaknya orang ramai pergi pula kepada daging ayam. Kita bimbang kalau sekiranya tempat-tempat ternakan ayam ini tidak dikawal maka akan tercetus lagi satu masalah kepada negara kita. Jadi kita ingin tahu apa langkah-langkah keselamatan untuk mengawal keadaan ini.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua semua masalah kebersihan dan sanitasi ladang juga adalah di bawah kawal selia pihak berkuasa tempatan. Bagi ladang-ladang di luar kawasan pihak berkuasa tempatan Jabatan Perkhidmatan Haiwan adalah bertanggungjawab. Saya meminta Yang Berhormat menyoalkan kepada mereka.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, masalah kebersihan dan kesihatan ini adalah masalah yang melibatkan semua pihak. Pihak kerajaan, agensi dan juga pihak orang awam tetapi yang kita rasa ragu-ragu kadang-kadang kecuai oleh pihak kerajaan dan agensi ini lebih daripada kesedaran pihak orang awam. Bolehkah pihak rakyat sendiri mengambil tindakan terhadap agensi kerajaan yang cuai menjalankan tugas dan kita tidak ragu-ragu sekiranya agensi dan kerajaan hendak mengambil tindakan kepada orang biasa yang tidak menjaga kebersihan tetapi yang kita perhati kadang-kadang parit, tempat sampah sebagainya dibiarkan. Kita tegur beritahu berkali-kali dia biar keadaan macam itu juga boleh atau tidak boleh report - ada supaya agensi ini diambil tindakan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, rakyat boleh buat dua cara, pertama, mereka boleh soalkan kepada majlis perbandaran atau majlis daerah. Kedua, tempat-tempat makan kalau makanan baik ia dikunjungi oleh orang ramai tanpa mengira kebersihan. Jangan kunjungi tempat itu. Inilah jadi masalah kita, you kalau sokong dengan kerajaan kita, jangan pergi tempat yang kotor dan makan di tempat itu. *[Ketawa]*

7. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah syarikat yang ditutup dalam senarai Suruhanjaya Sekuriti dan berapakah jumlah kerugian yang dialami oleh pelabur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini masih belum ada syarikat-syarikat yang tersenarai di Papan Utama atau Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang telah digulung ataupun ditutup. Oleh itu tidak timbul jumlah kerugian yang dialami oleh pelabur yang berpunca daripada penutupan ataupun pengulungan syarikat. Walau bagaimanapun setakat 11 Mei 1999 iaitu kelmarin terdapat 24 syarikat tersenarai atau anak syarikat yang utama telah menerima petisyen penggulungan.

BSKL sedang mengawasi perkembangan tersebut dengan rapi untuk menentukan penerimaan petisyen diumumkan oleh syarikat-syarikat yang terlibat kepada orang ramai. Pengawasan BSKL juga adalah penting dari segi menilai kesan ke atas operasi dan kewangan syarikat serta rancangan penstrukturan semula bagi memperbaiki kedudukan kewangan syarikat berkenaan.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Haji Abu Bakar penggulungan dagangan saham sebuah syarikat awam bersenarai mungkin melibatkan jangka masa yang panjang jika ianya berpunca dari kedudukan kewangan syarikat yang tidak memuaskan yang menghadapi petisyen penggulungan atau berada dalam kuasa penerima atau Perintah Penahanan oleh mahkamah di bawah Seksyen 176 Akta Syarikat 1965. Tindakan ini perlu bagi melindungi para pelabur baru dan runcit daripada membeli saham syarikat-syarikat yang bermasalah dan mempunyai masa depan tidak menentu. Penggantungan dagangan mungkin tidak adil kepada sebahagian pemegang saham yang kecil tetapi BSKL bertanggungjawab untuk melindungi pelabur-pelabur kecil yang lain daripada memasuki pasaran dan melabur dalam syarikat bermasalah. Dan seperti yang saya katakan tadi sebagai penyelesaiannya syarikat yang terbabit diminta melaksanakan rancangan penstrukturan semula bagi memulihkan kedudukan kewangan mereka.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Soalan tambahan. Saya hairan mengapa pihak kerajaan begitu lambat untuk melepaskan penggantungan syarikat-syarikat yang masih lagi dalam keadaan tergantung sekarang ini cukup lama. Jadi, mengapa syarikat-syarikat ini disenaraikan dahulu jikalau mereka digantung sekarang dan digantung hampir lebih setahun Tuan Yang di-Pertua, jadi bagaimana kerajaan hendak mengatasi masalah ini. Duit-duit pelabur, orang miskin masih tergantung di situ, bersama.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Penggantungan tadi sepertimana yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua ialah supaya pelabur-pelabur baru, pelabur-pelabur runcit tidak masuk kepada syarikat yang berkenaan dan kita minta secepat mungkin untuk penyelesaiannya supaya syarikat yang terbabit diminta melaksanakan rancangan penstrukturan. Jadi, mereka sedang melaksanakan rancangan penstrukturan mereka semula untuk memulihkan keadaan kewangan mereka.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Soalan tambahan saya, bila kita bercakap mengenai kepentingan pelabur-pelabur kecil kita tidak harus lupa bahawa masalah CLOB di Singapura yang pagi ini saya baca dalam surat khabar macam tarik tali di antara pihak Singapura dengan pihak BSKL di Malaysia.

Jadi, CLOB ini kalau lambat diselesaikan ia akan merugikan kerajaan kita dan pelabur-pelabur sebab apa modal yang ada di situ bukannya sedikit, banyak. Apa tindakan yang harus kita buat bagi menyelesaikan masalah syarikat-syarikat yang terikat dengan CLOB ini?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, untu makluman kita ada sejumlah dan nilai saham syarikat Malaysia yang diniagakan menerusi Central Limit Order Book System (CLOB) yang tidak dapat diumumkan berapa nilainya kerana maklumat ini, akaun deposit bagi sekuriti tersebut dilindungi, diperuntukkan di bawah Akta Penyelesaian Sekuriti ataupun Depositori Pusat 1991. Walau bagaimanapun, seperti mana yang kerajaan telah pun

memberitahu bahawa saham-saham CLOB perlu diselesaikan oleh pemegang-pemegang saham terlibat dengan kerajaan Singapura. Kerajaan Malaysia tidak terlibat dalam urusan tersebut tetapi berharap masalah ini dapat diselesaikan dengan seberapa segera dan cadangan penyelesaian perlu mengambil kira kepentingan semua pihak sama ada pelabur dalam negeri mahupun pelabur luar negeri dan kestabilan pasaran saham secara keseluruhannya. Dalam ringkas kata iaitu CLOB adalah di Singapura. Kita tidak mengakui CLOB dan banyak pelaburnya dari Singapura dan kita tidak bertanggungjawab ke atas CLOB.

8. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kesan kegawatan ekonomi kepada pembangunan Labuan, khususnya LOFSA. Apakah langkah kerajaan untuk memastikan Labuan boleh bertahan melalui saat-saat genting akibat kegawatan ekonomi.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Kegawatan ekonomi tidak banyak menjejaskan pembangunan Labuan terutamanya sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC). Aktiviti perniagaan luar pesisir terus berkembang dan bilangan syarikat luar pesisir terus meningkat.

Pada akhir bulan Mac 1999, sebanyak 1905 syarikat luar pesisir dan syarikat sokongan telah ditubuhkan berbanding dengan 1657 pada akhir Disember 1997, meningkat sebanyak 248 syarikat ataupun 15%. Sektor insurans memperlihatkan pertumbuhan yang pesat di mana 43 buah syarikat insurans dan yang berkaitan dengan insurans telah dilesenkan pada bulan Mac 1999 berbanding dengan 30 buah syarikat pada bulan Disember 1997. Peningkatan ini menunjukkan menunjukkan Labuan masih mempunyai daya tarikan kepada pelabur dan serta luar pesisir yang lain untuk menjalankan operasi masing-masing di Labuan.

9. **Tuan Khoo Lay Hin** minta Perdana Menteri menyatakan supaya menimbang cadangan mewujudkan satu cawangan Biro Pengaduan Awam (BPA) di setiap kementerian dan jabatan untuk memudahkan rakyat jelata membuat pengaduan dan mendapat penyelesaian yang cepat.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1992, kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam mengenai pengendalian pengaduan awam. Pekeliling telah memaklumkan peranan semua agensi kerajaan dalam pengendalian pengaduan awam serta memastikan pengaduan awam dijadikan satu perkara tetap dalam agenda mesyuarat pengurusan agensi. Semua agensi kerajaan juga perlu melantik seorang pegawai perhubungan untuk mengendalikan semua aduan terhadap jabatan serta bekerjasama dengan BPA dalam menyelesaikan aduan awam.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masalah pengaduan awam ini adalah masalah rakyat. Saya amat peka tentang perkara ini, saya hendak dapat penjelasan, sejauh mana kerajaan dapat memantau selain daripada keluar pekeliling kepada jabatan-jabatan, dapat memantau supaya pekeliling itu dilaksanakan dengan berkesan sebab kalau kita lihat sendiri di jabatan-jabatan dan agensi kerajaan, kalau kita benarkan jabatan itu mengadakan pegawai daripada jabatan itu sendiri yang menguruskan perkara itu, saya bimbang hal-hal yang berkaitan dengan masalah jabatan berkenaan tidak ke mana. Dia akan berada di situ sahaja. Oleh sebab itu lebih baik kerajaan wujudkan suatu jabatan yang bertanggungjawab terus terhadap masalah pengaduan awam yang boleh diadakan kaunter di jabatan-jabatan ini. Selepas itu maklumat ini akan dikumpul balik dan akan diproses, dirujuk balik kepada pihak-pihak yang berkenaan, itu lebih berkesan. Setakat keluarkan pekeliling, biarkan pegawai bekerja, tidak berkesan.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita memang, selain daripada Biro Pengaduan Awam Pusat, kita ada empat cawangan Biro Pengaduan Awam di seluruh negara iaitu di Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Wilayah Persekutuan dan juga Johor Bharu. Ini melayani pengaduan awam yang berlaku di sekitar cawangan-cawangan yang saya nyatakan tadi. Kita memang

memainkan peranan yang baik sebab bukan sahaja pengaduan awam ini melalui jabatan sebagaimana saya nyatakan melalui pekeliling tetapi cawangan-cawangan ini telah menerima berbagai-bagai aduan. Ada di antara aduan itu kita boleh terus pergi menyiasat ke jabatan mengenai perkara yang diadukan. Kita menyuruh jabatan yang terlibat melaksanakan ataupun menunaikan apa yang diadukan itu untuk menyelesaikannya.

Ada perkara yang kadangkala berkaitan dengan perkara rasuah. Apabila perkara ini berkaitan dengan perkara rasuah kita akan lebih mendalam lagi sebab kita ada satu jawatankuasa tetap pengaduan awam akan bermesyuarat sekiranya perkara ini diserahkan kepada Biro Pencegah Rasuah, mereka akan mengkaji perkara ini sama ada perkara ini akan diambil tindakan mengikut undang-undang dan sebagainya.

Pada hakikatnya tiap-taip tahun kita menerima berbagai-bagai pengaduan dan banyak perkara ini kita selesaikan. Ada di antara melalui Biro Pengaduan Awam ini, beberapa jabatan tertentu telah dicadangkan supaya diatur semula mengenai jabatan yang terlibat. Berbagai-bagai jabatan apabila diperbaharui dengan cadangan yang kita buat, alhamdulillah, banyak diantaranya telah berjalan dengan baik, contohnya macam Jabatan Imigresen dan sebagainya. Itu semua di atas pengaduan awam dan kita berbincang perkara ini dan kita laksanakan cara-cara yang lebih baik bagi menyelesaikan masalah yang kita hadapi.

Banyak lagi, beberapa jabatan yang kita terima aduan. Pihak kerajaan juga sedang mengkaji untuk memperbaharui perkara-perkara yang kita hendak laksanakan termasuklah di Kementerian Kewangan mengenai perumahan, pinjaman perumahan juga kita mendapat macam-macam aduan dan kita membayangkan supaya pinjaman perumahan ini diperbaharui caranya supaya menyenangkan kepada mereka yang membuat pinjaman.

Ini adalah merupakan salah satu daripada tindakan Biro Pengaduan Awam, memberitahu kepada kementerian-kementerian yang berkenaan dan kita susun semula supaya dapat berkhidmat kepada rakyat dengan lebih baik. Saya percaya ini

adalah langkah yang kita buat dan kalau sekiranya mereka memberi kerjasama yang baik, kita akan laksanakan perkara-perkara ini juga dengan lebih berkesan.

10. **Dato' Ghazi bin Haji Ramli** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan secara terperinci kandungan garis panduan yang diguna pakai oleh Lembaga Penapisan Filem Malaysia dalam membuat tapisan ke atas filem-filem yang bakal ditayangkan. Adakah garis panduan tersebut digunakan untuk filem-filem tempatan dan luar negara ataupun filem-filem luar negara mempunyai garis panduan penapisan lain yang berbeza.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Penapisan Filem Negara Malaysia dalam membentuk tapisan ke atas filem-filem yang bakal ditayangkan adalah berpandukan garis panduan penapisan filem yang ditetapkan oleh kerajaan. Secara terperinci kandungan garis panduan tersebut adalah untuk memastikan filem tersebut tidak mengandungi unsur-unsur negatif dan memudaratkan dalam aspek-aspek berikut:

- (a) Ideologi dan Politik - Filem tidak sepatutnya antinasional atau memaparkan propaganda ideologi yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Rukun Negara dan yang boleh menarik simpati serta sokongan kepada propaganda tersebut. Ia juga tidak boleh campur tangan dalam arena politik di Malaysia serta dasar luar negaranya.
- (b) Keagamaan – Filem tidak boleh menumpukan kepada amalan agama sesat, mengkritik ataupun mempersendakan agama lain sejajar dengan kehendak peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Ia tidak boleh mirip kepada penafian Tuhan Yang Maha Esa, antiagama dalam semua bentuk dan manifestasi ke arah mengheret masyarakat ke kancah perlakuan negatif, tidak bermoral serta tidak harmoni dan membahayakan ketenteraman awam dan keselamatan negara.
- (c) Sosial Budaya – Filem tidak sepatutnya merosakkan norma-norma masyarakat Malaysia dan membangkitkan persepsi yang salah

terhadap adat resam negara ini terutamanya yang menghina atau mengimport dan mempromosikan budaya kuning yang boleh merosakkan minda, sikap dan tatakelakuan masyarakat;

- (d) Peradaban dan Ketatasusilaan – Filem tidak seharusnya mengagong-agongkan keganasan, kekejaman, kengerian, seram dan pelanggaran undang-undang yang akhirnya boleh ditiru oleh penonton. Pelanggaran undang-undang juga merangkumi aspek penyalahgunaan dadah dan bahan-bahan psikotropik yang lain.
- (e) Hasutan dan Perkauman – Dari segi hubungan luar negara filem tidak boleh menyinggung sensitiviti atau memberi malu, menyindir atau menghina negara-negara sahabat sama ada pemimpin atau rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Penapisan Filem menggunakan garis panduan yang sama sebagai asas menonton tapis semua jenis filem sama ada filem-filem tempatan ataupun filem dari luar negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim. Maaflah tidak ada soalan tambahan, besok-besok dan tunggulah.
[Ketawa]

11. **Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah sekolah yang telah melaksanakan sekolah bestari di seluruh negara.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 83 buah sekolah sedang melaksanakan konsep pengajaran dan pembelajaran bestari di seluruh negara. Sekolah-sekolah yang terpilih adalah sekolah-sekolah yang sudah mempunyai kemudahan komputer dan tidak memerlukan penyesuaian yang banyak dari aspek prasarana fizikal.

12. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada benar kerajaan bercadang meluaskan perlindungan SOCSO kepada semua anggota kerajaan yang bergaji kurang dari RM2,000. Nyatakan status perancangan program setakat ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk memberi perlindungan PERKESO (SOCSO) dengan izin, kepada anggota kerajaan di negara ini sedang dikaji seperti mana yang saya memberi maklumat tidak beberapa lama yang lalu. Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 pada hakikatnya meliputi juga anggota sektor awam. Bagaimanapun, Menteri Sumber Manusia telah mengecualikan semua perusahaan yang dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri daripada diliputi oleh Akta itu sejak skim PERKESO mula dilaksanakan pada tahun 1971 mengikut kuasa-kuasa yang diberi kepada Menteri Sumber Manusia di bawah seksyen 100 Akta itu.

Pengecualian itu telah dibuat melalui pemberitahuan dalam *Warta* kerajaan. Jika sektor awam hendak diliputi oleh perlindungan PERKESO, pengecualian yang telah dibuat oleh Menteri Sumber Manusia itu hendaklah dimansuhkan mulai tarikh pekerja-pekerja sektor awam itu diliputi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kalau kerajaan bercadang hendak memberi perlindungan SOCSO ataupun PERKESO kepada sektor awam, sama ada kerajaan patut juga mempertimbangkan perlindungan SOCSO ataupun PERKESO ini pada petani, peladang, nelayan dan sebagainya dan mereka ini boleh diberi melalui agensi-agensi yang berkenaan. Ini harus difikirkan.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya kata awal-awal tadi cadangan untuk memberi perlindungan SOCSO atau PERKESO kepada lain daripada bidang swasta sedang dikaji sekarang ini dan satu kertas kerja akan siap pada penghujung bulan ini dan akan dibentangkan kepada Kabinet

mengenai dengan perlindungan SOCSO kepada pekerja-pekerja di dalam sektor awam dan juga pekerja-pekerja yang makan gaji sendiri seperti petani dan lain-lain lagi.

Jadi, Yang Berhormat perlulah sabar sehingga hujung bulan ini mungkin selepas itu pihak kerajaan akan menentukan apakah tindakan yang sedang dilakukan dan kertas Kabinet ini sedang disediakan oleh seorang pakar dari ILO Geneva yang tidak ada implikasi kewangan kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk soal Jawab Lisan telah pun selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan jawapan bagi pertanyaan No. 13 hingga 39 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan ekonomi dan pencapaian matlamat sosioekonomi secara keseluruhan adalah membanggakan dalam tempoh tiga tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh walaupun prestasi ekonomi kurang memuaskan pada tahun 1998 berikutan krisis kewangan serantau;

mengambil maklum dan merestui usaha Kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama,

selaras dengan matlamat yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

melulus dan mengesahkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai hasrat dan matlamat Dasar Pembangunan Nasional seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 8 Tahun 1999;

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan yang mulia ini menyeru semua rakyat Malaysia berusaha lebih gigih dan penuh keazaman ke arah matlamat membina satu bangsa yang adil, bersatu padu, maju, berdaya saing serta mempunyai tahap ketahanan yang tinggi selaras dengan cita-cita untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020
[11 Mei 1999]

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi menyambung ucapan.

11.08 pagi

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun semula pada pagi ini bagi menyambung perbahasan yang tertangguh pada waktu semalam jam 5.30 petang. Saya ingin menarik perhatian kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Di dalam Kajian Separuh Penggal yang tercatat di dalam buku itu pada para 35 yang menggalakkan pertumbuhan pembuatan di sektor industri, ini amat dialu-alukan akan tetapi kita harus mengkaji sedikit sebanyak kelemahan-kelemahan yang masih terdapat dalam industri-industri dalam negara kita.

Pertama saya ingin menyentuh tentang MATRADE yang bertanggungjawab membantu usahawan dan kilang-kilang, memasarkan produk-produk mereka yang

sama ada di pasaran baru ataupun dengan pengeluaran yang baru. Ini saya ingin sentuh kerana beberapa sebab, akhir-akhir ini saya tengok MATRADE tidak menjalankan fungsinya dengan begitu baik dan licin kerana banyak produk tidak mendapat pasaran yang lebih baik terutama produk-produk yang baru di dalam pasaran amat sukar untuk menembusi pasaran-pasaran antarabangsa. Pada hal mereka ini membuat pembayaran kepada MATRADE, kalau tidak silap saya sebanyak RM300 tiap-tiap satu perusahaan untuk memberi sumbangan sedikit sebanyak kepada MATRADE untuk menjalankan usaha-usaha ini. Akan tetapi hingga ke akhir ini kadangkala mereka merasa kecewa, kecewa yang amat sangat bahawa produk-produk yang mereka keluarkan tidak dapat menembusi pasaran.

Satu lagi untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, sepanjang tempoh saya selama empat tahun lebih sebagai Ahli Dewan Negara saya lihat menteri yang tidak pernah hadir adalah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Lain-lain menteri semuanya datang. Saya rindu, saya rindukan pada wajah yang masih comel, wajahnya yang masih ayu tetapi amat sayang sedangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan menteri-menteri yang lain hadir. Saya harap soalan ini beliau akan mendapat menjawab secara peribadi di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di mana-mana juga kita menyebut tentang tabung IKS. Saya berterima kasih kepada pihak menteri dan kementerian yang berkenaan sentiasa berusaha sedaya upaya menubuhkan pelbagai tabung bagi memberi bantuan kepada IKS, berbilion-bilion ringgit diperuntukkan tetapi amat malang apabila syarikat tersebut yang menjalankan usahanya di bawah IKS, memajukan permohonan untuk pinjaman kepada bank, akan tetapi bila disemak-semak terdapatlah NPL di dalam syarikat yang tersebut dengan hal yang demikian permohonan tersebut ditolak.

Sememangnya kita akui, kalau IKS yang buat pinjaman di bawah tabung bantuan dana dan sebagainya sememangnya ada NPL, tidak boleh lari, sama ada sedikit atau banyak, sejuta, dua juta, RM10 juta ini perkara biasa. Apakah ini kalau kita hendak membantu dengan adanya NPL ini sebagai satu gangguan dan satu

batasan, saya percaya dasar-dasar dan tujuan-tujuan murni kerajaan tidak dapat dilaksanakan.

Walaupun di saat-saat akhir ini bank telah pun banyak meluluskan di bawah skim bantuan IKS ini akan tetapi masih terdapat lagi pihak-pihak bank yang masih tidak meluluskan permohonan-permohonan mereka yang tertentu ini. Berilah waktu dan masa industri IKS ini untuk membangunkan mereka sendiri. Saya percaya dengan kegawatan ekonomi yang ada dan kesusahan yang mereka lalui, ini adalah satu pengajaran kepada mereka supaya berjimat-cermat dan penuh prihatin terhadap perusahaan mereka.

Satu lagi saya ingin menyentuh kepada Tabung Pendidikan Negara. Saya mengucapkan syabas kepada Menteri Pendidikan dan juga Pengerusi Tabung Pendidikan Negara yang memperuntukkan daripada RM605 juta kepada RM1.5 bilion. Syabas dengan peruntukan yang banyak, saya percaya kita akan meningkatkan lagi mutu pendidikan negara dan kita akan memperbanyakkan lagi graduan-graduan yang akan keluar daripada IPTA ataupun IPTS. Akan tetapi di dalam kesibukan kita menguruskan Dana Pendidikan Negara ini, kita melihat rintihan-rintihan terutama rakyat yang miskin yang menghantar anak mereka ke IPTA, IPTS tidak mampu untuk membiayainya di peringkat awal. Sebagai contoh, kerajaan memang menggalakkan kajian untuk anak-anak kita mengambil dalam bidang information technology (IT) tetapi baru-baru ini terdapat kedengaran suara-suara sayu dan suara-suara sedih daripada ibu bapa terutamanya petani yang miskin di kampung, penoreh-penoreh getah dan juga nelayan-nelayan, bahawa mereka ini hendak masuk IPTS, dia kena ambil sijil dahulu. Sijil selama setahun, lepas itu barulah diploma. Di waktu sijil ini juga sudah sangkut.

Sebagai contoh, baru-baru ini saya lihat ada seorang penuntut yang menuntut di Serdang, di bawah IT. Saya tidak tahu kolej mana tetapi swasta yang masih diiktiraf oleh kerajaan, terpaksa balik ke Kelantan dan saya tanya, "*Kenapa balik?*" Dia kata, "*Yang Berhormat, keluarga saya miskin, saya hendak*

baliklah kerja kilang". Pada hal keputusannya pada semester yang pertama amat baik. Apa salahnya Tabung Pendidikan Negara – kita bermula daripada sijil lagi, diploma dan juga degree, jangan sijil ini kita tidak beri, diploma baru kita hendak beri. Ini ada satu sekatan, bagaimana anak-anak orang yang miskin, bagaimana anak-anak nelayan? Air mata ibu ini dan ayah mereka perlu kita ambil kira, kita sebagai kerajaan kita harus memikirkan ini dengan serius. Dan ada lagi satu, semalam saya dapat cerita daripada IPTS, bukan tempat yang sama, yang lain, dari Sungai Petani dan kalau hendak nama dan kad pengenalnya, saya boleh beri kepada kementerian. Dia juga terpaksa pulang kerana seorang ibu yang hanya menoreh getah tanpa ayah yang sudah meninggal. Apakah daya beliau untuk meneruskan usaha-usaha ini, cita-cita beliau memang murni, hendak memberi sumbangan kepada negara melalui IT. Sebagai seorang rakyat saya rasa penuntut ini harus kita kagumi, akan tetapi keupayaan beliau tidak ada.

Kerajaan saya minta terutamanya Tabung Pendidikan Negara mengambil kira perkara ini supaya dapat kita merealisasikan tujuan-tujuan murni ini terutama dalam pembangunan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi semalam sahabat saya Datuk Haji Sairin bin Karno, mengenai pencemaran sungai. Saya amat setuju dalam cogan kata kita "Cintailah Sungai", akan tetapi di dalam negara kita terdapat sungai-sungai yang paling kritikal sekarang yang dipenuhi oleh toksik-toksik dan saya rasa harus kita memberikan perhatian yang paling serius terutama Sungai Klang, Sungai Kinta, juga Sungai Gombak dan beberapa batang sungai di negeri Kedah dan tidak terkecuali juga di negeri Pahang. Saya minta Jabatan Pertanian melalui Jabatan Perikanan mengkaji kandungan hidupan d dalam Sungai Kinta, Sungai Klang dan sebagainya kerana Sungai Kinta ini menghasilkan udang galah yang banyak. Siapa di Kuala Lumpur ini kalau pergi ke Perak memanglah cari udang galah di Tanjong Tualang. Akan tetapi tahukah tuan-tuan, dalam udang galah ini mungkin mengandungi toksik-toksik yang merbahaya kepada manusia?

Saya minta kementerian mengkaji balik kandungan hidupan di dalam sungai ini supaya tidak memudaratkan kepada manusia yang memakannya. Begitu juga Sungai Klang, saya lihat ada juga orang yang memancing, ada juga orang yang menjala. Jadi dengan hal yang demikian, perkara ini adalah serius kerana di Sungai Kinta sendiri, di utaranya mempunyai kilang-kilang yang tidak harus kita biarkan sewenang-wenang mengeluarkan segala bahan-bahan buangan yang mengandungi toksik. Contohnya, 'Malaysian Titanium' yang mengandungi toksik yang amat tinggi. Kalau terkena manusia, saya rasa kerana ia menggunakan bahan mentah 'almonite'. Almonite' ini adalah hasil buangan daripada bijih timah atau dipanggil 'amang'. 'Almonite ini untuk memprosesnya ia menggunakan satu bahan kimia yang amat tinggi risikonya dan 'Malaysian Asid' jangan lupa juga, saya rasa tidak silap ialah ada 20 lebih kilang papan yang mengawet papan iaitu menggunakan 'tenderlise' atau 'secure' kerana ia agaknya menggunakan bahan kimianya yang tidak begitu boleh dilarutkan di dalam air. Jadi ini amat merbahaya kepada semua yang menggunakan sungai sama ada menangkap ikan di dalamnya atau mandi di hiliran dan sebagainya kerana saya rasa Jabatan Alam Sekitar juga harus ambil perhatian perkara yang tersebut selain daripada mengambil tindakan undang-undang. Kita harus menasihati kilang-kilang yang di utara sungai supaya memikirkan bahawa sungai merupakan satu bahan yang mustahak kepada kehidupan kita seharian.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada banyak lagi yang saya hendak ucapkan, itulah sahaja. Jadi saya memberi peluang kepada orang lain, rakan-rakan kita untuk bangun. Sekian, saya menyokong Kajian Separuh Penggal ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Abas.

11.18 pg.

Puan Hajah Ramlah binti Abas: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membincangkan Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh 1996 hingga 2000.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menghadapi cabaran-cabaran terhadap ekonomi Malaysia, ada baiknya kita mengkaji semula kelemahan yang wujud dalam sistem ekonomi negara sebelum 1997 yang membuka peluang kepada pelabur-pelabur asing dan spekulator mata wang asing untuk menyeludup ke dalam sistem ekonomi kita dan meruntuhkannya daripada dalam. Beberapa langkah perlu diambil untuk mengelakkan situasi yang sama berulang kembali dalam usaha kita memulihkan ekonomi negara pada masa kini. Di antara tindakan yang telah pun diambil telah menunjukkan kesan-kesan yang positif yang menyelamatkan ekonomi negara kita daripada terjerumus ke tangan IMF dan menyebabkan kedaulatan negara turut terhapus.

Saya menyuarakan sokongan yang jitu dan padu ke atas tindakan-tindakan ini kerana ia telah menunjukkan kesan-kesan pemulihan yang ketara. Di antara lain:

- (i) nilai saham di BSKL sudah meningkat semula menjadi satu petunjuk yang menggembirakan rakyat jelata;
- (ii) jumlah rizab dan simpanan negara meningkat dari masa ke semasa; dan
- (iii) ramalan-ramalan dari Barat juga menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia akan pulih semula dengan sepenuhnya dan di antara beberapa buah negara Asia yang pulih semula dalam tempoh yang terdekat.

Dalam pada itu, sistem ekonomi kita mesti terus menghadapi cabaran-cabaran dari luar dan dalam negara. Di antaranya cabaran yang terbesar, penggunaan tanah terbiar secara optimum sama ada untuk mengeluarkan hasil pertanian atau mengubah cara penggunaannya kepada sektor lain. Misalnya,

pengeluaran beras yang mencukupi, sayur-sayuran yang cukup, buah-buahan yang cukup agar tidak payah diimport.

Sudah tiba masanya sistem ekonomi negara menjamin keamanan bekalan makanan kepada seluruh rakyat dari dalam negeri, bererti kita berdikari. Sekalipun demikian, ini tidak bererti kita mengutamakan sektor pertanian tetapi menjimatkan pengaliran wang negara ke luar negara dan ini juga bermaksud peningkatan sains dan teknologi dalam bidang pertanian. Perlu diterokai dengan serius untuk mencapai matlamat yang diharap-harapkan, di mana keperluan bekalan makanan yang penting dalam negara akan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memulihkan sektor swasta yang telah memainkan peranan besar dalam pembangunan ekonomi negara, sudah tiba masanya mempunyai generasi baru yang mampu mengendalikan sektor sebagai secara swasta tulen dan bukan swasta yang sentiasa berpaut di 'dagu kerajaan'. Saya berharap agar kerajaan menilai semula semua syarikat yang telah diswastakan ini agar mengatasi kelemahannya sendiri. Usaha-usaha meningkatkan pembangunan perindustrian negara perlu dilipatgandakan dengan pendekatan yang menjamin keselamatan negara dan memilih-pilih supaya dapat mengelakkan kemalangan, kebakaran dan kemusnahan yang selalunya berlaku secara tabie di sesetengah kilang.

Tuan Yang di-Pertua, prasarana dan infrastruktur di kawasan yang mempunyai pembangunan perlu disegerakan untuk menarik pelabur-pelabur asing melabur di kawasan yang berkenaan. Saya bagi pihak kerajaan negeri Melaka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Pusat di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir dan timbalannya yang telah meluluskan sejumlah lebih kurang RM39.7 juta untuk membina simpang bertingkat di Lipat Kajang Jasin, Melaka. Adalah diharapkan apabila siapnya projek ini ia akan menggalakkan pertumbuhan kawasan perindustrian, perniagaan dan perusahaan di kawasan Jasin, Merlimau dan seterusnya menghala ke Muar dan kawasan di sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan perindustrian hendaklah ditumpukan di kawasan luar bandar terutama sekali untuk memberi peluang kerja kepada muda-mudi luar bandar dan mengelakkan penghijrahan mereka ke bandar yang boleh menyebabkan kesesakan di bandar-bandar raya dan tumbuhnya rumah-rumah setinggan. Dengan cara ini usaha-usaha membasmi kemiskinan di luar-luar bandar akan dapat diatasi dengan memberi pekerjaan kepada penduduk-penduduk kawasan ini.

Di samping itu taraf gaji atau imbuhan yang diberi kepada mereka ini biarlah seimbang dengan usaha yang dicurahkan untuk menghasilkan sesuatu produk. Kualiti hidup masyarakat keseluruhannya hendaklah diberikan penekanan yang mendalam secara bersepadu dan seimbang di antara kaum dan berbagai-bagai profesion. Ini akan menjamin kestabilan negara, perpaduan rakyat dan terhapusnya perasaan hasad dengki antara kaum, seterusnya akan menggalakan lagi pertumbuhan ekonomi negara. Tindakan kerajaan yang telah diambil dalam bidang ini perlu disokong oleh setiap warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa teras pembangunan negara hendaklah ditujukan kepada pendapatan hakiki atau pendapatan sebenar oleh tiap-tiap individu rakyat di negara kita ini. Tidak bererti jika pendapatan tinggi, inflasi pun tinggi, harga barang pun tinggi dan sebagainya. Apakah yang akan dibawa pulang oleh individu ini untuk keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, kadar gaji atau imbuhan di sektor awam dan swasta hendaklah diseimbangkan dengan cara yang berpatutan mengikut lunas-lunas kerja, kualiti dan tempoh perkhidmatan yang dilaksanakan. Usaha-usaha pembangunan insan sebagai warganegara Malaysia tanpa melihat kepada perbezaan kaum dan agama perlu diberikan tahap nasional yang diterima oleh semua. Jika disebut tentang kesyukuran, maka semua kaum tahu bersyukur dan berdisiplin mengikut lunas-lunas dan nilai-nilai yang telah disusun oleh kerajaan. Dalam pada itu program-program penswastan hendaklah dipastikan menepati sasaran yang

ditetapkan oleh kerajaan atau lebih iaitu dengan memberikan pulangan cukai yang berlipat ganda, produk yang berkualiti dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Sudah tentu perkara ini berkait rapat dengan kemahiran bekerja yang berkhidmat sama ada di sektor awam mahupun sektor swasta.

Apabila kita menyebut kemahiran sudah tentu ia akan menyentuh sistem pendidikan dan latihan yang dikendalikan bukan sahaja oleh Kementerian Pendidikan tetapi juga sektor-sektor korporat dan badan-badan berkanun dan lain-lain dalam bidang masing-masing. Kemahiran merupakan suatu aset yang besar bagi negara. Jangan pula berlaku pengaliran modal ini ke luar negara. Selain dari itu, terima kasih juga saya ucapkan kepada kerajaan kerana meluluskan peruntukan sebanyak RM250 juta bagi membina politeknik di kawasan Merlimau, Melaka di mana ianya boleh membantu pendidikan anak-anak kita di samping ianya adalah diharapkan sebagai generasi meneruskan perjuangan kita selaras dengan cita-cita supaya Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di samping memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam meningkatkan ekonomi negara, wanita juga berperanan dengan melalui Pergerakan Wanita UMNO dan Rakan Sejawat Wanita Barisan Nasional termasuk Rakan Wanita Profesional telah melaksanakan dua projek utama iaitu Kempen Ehsan Wanita dan Amanah Saham Wanita (ASNITA). Wanita juga berharap agar kerajaan memastikan tetap memanfaatkan tenaga wanita walaupun berlaku pemberhentian pekerja di dalam industri tertentu.

Saya juga berharap agar penyertaan wanita ditingkatkan di dalam industri kecil yang mampu mendapatkan mata wang asing seperti industri pelancongan, pendidikan swasta, industri eksport dan sebagainya. Sebagai mengakhirinya untuk melaksanakan kesemua program pembangunan negara yang telah dirancang dan diluluskan pada masa kini, kita masih teringat ungkapan “Bersih, Cekap dan Amanah”. Ketiga-tiganya hendaklah menyeluruh dari bawah ke atas dan dari atas ke bawah. Dalam pada itu tiap-tiap petugas hendaklah menghitung diri sendiri mengikut bersih, cekap dan amanah, dalam aspek “Bersih, Cekap Dan Amanah”, sebelum ia dihitung oleh orang lain. Mudah-mudahan pentadbiran negara akan dapat berjalan dengan selicin yang boleh dan direstui oleh Allah s.w.t. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah.

11.30 pagi.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi laluan kepada saya untuk turut bersama-sama membahas Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana ekonomi kita dalam proses pemulihan dan kita amat mengharapkan agar ekonomi kita pulih seperti sediakala supaya rakyat yang menerima kesan langsung daripada krisis ekonomi ini akan turut merasa lega dalam usaha ke arah pemulihan ekonomi negara.

Saya tertarik untuk menyentuh mengenai industri pelancongan, didapati industri pelancongan berkait secara langsung dengan industri perhotelan. Pada masa sekarang, kita tidak dapat menafikan kurangnya permintaan penginapan di hotel-hotel yang secara tidak langsung menggambarkan industri pelancongan semakin merosot prestasinya.

Usaha-usaha perlu dilakukan secara lebih serius oleh kerajaan bagi menarik pelancong-pelancong luar dan pelancong tempatan sendiri untuk melawat tempat-tempat yang menarik dalam negara kita. Tempat-tempat yang menarik di Malaysia perlu dipromosikan sebaik mungkin agar dapat menarik lebih ramai pengunjung-pengunjung. Sehubungan itu, kemudahan infrastruktur perlu disediakan serta memastikan tempat-tempat tersebut mempunyai pengawal keselamatan yang dapat membantu sekiranya terdapat kemalangan atau perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Selain dari itu Tuan Yang di-Pertua, elakkan pusat-pusat rekreasi daripada menjadi pusat-pusat di mana anak-anak muda memadu kasih tanpa segan silu. Sekiranya keadaan ini terkawal sudah pasti tempat-tempat tersebut menjadi daya tarikan kepada para pelancong untuk bersama keluarga pada hujung minggu, sebagaimana kita telah diberi cuti pada hari Sabtu setiap awal bulan untuk tujuan tersebut.

Tahun ini merupakan Tahun Melawat Negeri Sembilan, kita masih belum pasti sejauh manakah promosi telah dilaksanakan bagi menjayakannya, kerana krisis JE yang berlaku sudah pasti membantutkan usaha untuk menarik pelancong ke negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu meningkatkan ekonomi negara tidak dinafikan wanita turut memainkan peranan yang sama dengan kaum lelaki. Sekarang terdapat ramai wanita yang keluar bekerja sama ada untuk membantu keluarga atau atas keperluan sendiri. Perlu dijelaskan bahawa Islam tidak melarang wanita bekerja tetapi ia perlu memenuhi beberapa syarat.

Pertama, untuk mendapat keizinan suami sekiranya telah berkeluarga dan keluar dari rumah berpakaian sopan, menutup aurat bagi memelihara diri dari fitnah. Di sini ingin saya tegaskan bahawa wanita kita yang keluar bekerja amatlah memerlukan kepada pembelaan. Baru-baru ini isu gangguan seksual di kalangan wanita telah dibincangkan secara meluas. Gangguan ini bukan sahaja berlaku dalam perjalanan ke tempat bekerja tetapi berlaku di tempat-tempat kerja itu sendiri. Dalam menangani masalah ini, kaum wanita amat perlu memelihara diri seperti mematuhi etika pakaian menurut Islam bagi mereka yang beragama Islam dan bermoral bagi mereka yang tidak beragama Islam, kerana pakaian mendedahkan sebahagian tubuh badan akan lebih mendorong ke arah berlakunya gangguan seksual.

Saya amat mengalu-alukan usaha Kementerian Sumber Manusia yang telah mengeluarkan draf Code of Practice on the Prevention and Eradication of Sexual Harassment di tempat kerja. Walau bagaimanapun, saya amat mengharapkan draf tersebut bukan sahaja memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja di organisasi besar tetapi juga kepada wanita yang bekerja di gerai-gerai, di pusat-pusat membeli-belah, di kilang-kilang dan sebagainya. Oleh itu saya ingin mencadangkan agar satu undang-undang digubal khususnya boleh memberi perlindungan kepada semua wanita yang bekerja tanpa mengira pangkat dan status.

Tuan Yang di-Pertua, Kajian Separuh Penggal turut menyentuh tentang galakan kerajaan agar wanita yang kehilangan pekerjaan melibatkan diri di dalam bidang perniagaan. Cadangan ini adalah baik terutama sekali kepada ibu-ibu tunggal yang kehilangan tempat bergantung atau tidak mempunyai pekerjaan untuk menyara hidup. Oleh itu, saya menyeru kepada pihak kerajaan agar menghulurkan bantuan dalam aspek-aspek modal untuk mereka memulakan perniagaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan atau menyediakan kemudahan tabung pinjaman melalui dana khas atau Tabung IKS. Seterusnya saya mengharapkan agar proses untuk mendapatkan pinjaman tersebut dipermudahkan bagi membantu lebih ramai pengusaha wanita agar dapat menceburkan diri dalam bidang perniagaan kecil-kecilan.

Di sini saya juga ingin menarik perhatian tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu berkaitan dengan jumlah peruntukan yang telah diagihkan bagi membina rumah-rumah kos rendah di sesebuah negeri. Kerajaan amat perlu memberi perhatian terhadap rumah-rumah kos rendah, sama ada di kawasan-kawasan bandar atau luar bandar. Dalam keadaan sekarang kos hidup di bandar-bandar amat tinggi, selaras dengan kenaikan harga barangan keperluan. Oleh itu mereka yang berpendapatan rendah hanya mampu untuk menampung perbelanjaan harian sahaja dan mereka akan berterusan tinggal di rumah-rumah sewa.

Oleh itu kerajaan perlu membantu mereka dengan menyediakan rumah kos rendah yang mampu dibeli secara ansuran atau sewa beli bersesuaian dengan pendapatan isi rumah. Selain itu pembinaan rumah di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin perlu diteruskan dan ditambah agar tidak ada lagi di Malaysia ini rakyat yang terpaksa tinggal di rumah-rumah pondok, rumah-rumah setinggan ataupun rumah-rumah yang diperbuat daripada cebisan papan atau kotak. Kerajaan perlu membuat tinjauan terperinci di sesuatu kawasan atau daerah melalui ADUN atau Ahli-ahli Parlimen bagi mengenal pasti keluarga-keluarga

yang hidup melarat dan ketiadaan tempat tinggal yang sempurna. Oleh itu bantuan boleh dihulurkan dan seterusnya rumah-rumah kos rendah yang dilengkapi dengan bekalan air dan elektrik akan disediakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Kajian Separuh Penggal ini, saya juga turut terdorong untuk menyentuh Kementerian Pendidikan. Dalam kegawatan ekonomi ini, sudah pasti sukar bagi kerajaan untuk melaksanakan sekolah bestari sepenuhnya sebagaimana yang dirancang. Walau bagaimanapun diharapkan usaha ke arah menggalakkan para pelajar menggunakan alat-alat multimedia, alat-alat teknologi maklumat tidak terbantut.

Saya ingin menyeru kepada kerajaan agar memperluaskan lagi mata pelajaran yang melibatkan penggunaan teknologi maklumat khususnya di sekolah-sekolah. Mata pelajaran Reka Cipta perlu ditawarkan secara meluas kepada pelajar-pelajar di peringkat menengah atas. Saya mencadangkan agar mata pelajaran Reka Cipta dikurangkan pengajaran dari aspek teori, sebaliknya perlu memberi fokus yang lebih kepada aspek amali. Kerajaan perlu memastikan agar mata pelajaran yang menjurus ke arah penggunaan multimedia ini ditekankan di peringkat sekolah hingga ke IPT bagi melahirkan para pelajar yang celik IT ke arah mewujudkan tenaga mahir yang mampu melakukan pemindahan teknologi dari negara luar.

Saya amat mengharapkan dasar pendidikan untuk semua dan menggalakkan pendidikan seumur hidup diberi penekanan oleh kerajaan. Maksud saya, pendidikan seumur hidup itu ialah bagi mereka yang telah pencen, boleh pergi ke bilik-bilik kuliah untuk menambahkan maklumat, knowledge daripada mereka duduk di kedai-kedai kopi dan membuang masa begitu sahaja. Itu yang saya tekankan kerajaan menggalakkan pendidikan seumur hidup.

Oleh itu kerajaan perlu menitikberatkan golongan miskin yang berkelayakan untuk memasuki IPT. Saya ingin mencadangkan agar Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional menyediakan pembiayaan pendidikan kepada

pelajar-pelajar sebelum mereka mendaftarkan diri ke IPT yang ditawarkan dan bukannya setelah memasuki IPT untuk beberapa bulan barulah mereka diberi pembiayaan. Kita semua sedia maklum, apabila mendaftarkan diri para pelajar perlu menjelaskan wang pendahuluan, memerlukan wang untuk belanja makan, penginapan, asrama dan sebagainya. Apabila kemudahan pembiayaan yang disediakan diberi awal-awal lagi maka ini akan memberi keyakinan kepada para pelajar dan para ibu bapa untuk meneruskan pengajian di IPT dan bukannya faktor wang yang menjadi halangan ataupun gagal untuk meneruskan pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan penyakit sosial semakin parah di kalangan remaja dan pelajar-pelajar sekolah khususnya, justeru itu saya menyarankan kurikulum ke arah pemantapan akidah perlu diberi penekanan yang lebih di peringkat awal persekolahan lagi. Kurikulum pendidikan Islam dicadangkan agar dikaji semula supaya ia dapat menjadi penawar kepada penyakit sosial di kalangan remaja kita. Kalau dulu kerajaan pernah mengadakan Bahasa Melayu merentas kurikulum tetapi sekarang saya ingin mencadangkan agar pendidikan agama dan moral pula akan merentaskan kurikulum. Kurikulum pendidikan Islam sewajarnya dapat membuktikan bahawa Islamlah cara hidup yang sempurna dan juga Islam bukan terhad kepada ibadat solat, puasa, haji dan zakat sahaja tetapi ianya mencakupi keseluruhan aspek kehidupan manusia seperti ekonomi, politik, sosial dan sebagainya. Apabila para pelajar mempunyai pengetahuan Islam yang sempurna, insya-Allah, ia sekurang-kurangnya dapat membantu mengurangkan penyakit sosial yang berlaku dalam negara kita pada hari ini dan pada masa yang akan datang.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar mewujudkan lebih banyak sekolah-sekolah aliran agama bagi menampung permintaan yang semakin tinggi di kalangan ibu bapa. Adalah wajar sekiranya setiap daerah disediakan sebuah sekolah agama agar para pelajar tidak pergi jauh untuk mendapatkan pendidikan di sekolah tersebut. Tidak dapat dinafikan dalam usaha kerajaan untuk menjadikan

Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, tenaga-tenaga pakar yang berilmu dan berwawasan amat diperlukan. Saya menyeru kepada kerajaan agar membuka peluang yang lebih luas termasuk penyediaan tempat dan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang ingin menyambungkan pelajaran di peringkat ijazah tinggi khususnya Ph.d (Doktor Falsafah). Di sini saya ingin mendapatkan penjelasan tentang jumlah biasiswa yang telah dikeluarkan pada tahun 1998 dan 1999 serta jumlah pelajar yang mengikuti ijazah lanjutan yang dibiayai oleh kerajaan. Sehingga ke hari ini adakah kerajaan masih tidak membuka peluang kepada para pelajar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah tinggi di luar negara? Sekiranya tidak, pihak kerajaan perlu menyediakan peluang pendidikan tinggi yang mencukupi bersesuaian dengan kursus-kursus yang dipohon oleh para pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh Kementerian Sumber Manusia. Dalam keadaan ekonomi sekarang masih terdapat ramai rakyat yang menganggur atau ketiadaan pekerjaan yang sekali gus menjejaskan pendapatan isi rumah. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian yang berkenaan terhadap jumlah kakitangan yang menganggur kerana dibuang kerja pada tahun 1998 hingga sekarang. Dalam keadaan sekarang pengangguran yang berlaku sudah pasti menyulitkan isi rumah untuk menanggung perbelanjaan keluarga, kerana kos hidup yang tinggi dan kerana harga barangan yang mahal di pasaran serta kuasa beli yang semakin menurun. Saya menyeru kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna agar membuat kawalan ketat terhadap harga barangan keperluan di pasaran terutama sekali barangan makanan asasi supaya golongan peniaga tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan sekiranya ekonomi kita benar-benar pulih, golongan rakyat yang miskin perlu diberi perhatian yang utama kerana mereka memerlukan pendapatan untuk meneruskan hidup, bukannya untuk memiliki barangan mewah, rumah besar atau kereta besar. Oleh itu, kekayaan yang

ada perlu diagihkan secara saksama agar semua rakyat dapat menikmati dan mengesapinya.

Bagi mengakhiri ucapan dan pandangan saya, saya tidak nafikan tentang kesungguhan kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, di sini saya ingin mengingatkan bahawa usaha ke arah pemulihan ekonomi tidak seharusnya memaksa kerajaan untuk menambah hutang negara termasuk hutang-hutang terlalu berlebihan di luar negara. Kerajaan hendaklah berbelanja secara berhemah, elakkan pembaziran terhadap perkara-perkara yang kurang menguntungkan. Kita tidak mahu generasi kita pada masa akan datang terpaksa mewarisi hutang-hutang yang telah dilakukan dari sekarang, kerana dalam lembaran Allah s.w.t telah diingatkan [*membaca ayat Quran*] yang bermaksud “*hendaklah kamu merasai gerun dan hendaklah kamu merasai bimbang kalau-kalau nanti kamu akan meninggalkan di belakang kamu satu generasi, satu zuriat yang daif dan lemah sama ada lemah dari segi ekonomi, lemah dari segi pendidikan, lemah dari segi akidah dan akhlak*”. Maka sesungguhnya malanglah nasib kita andai kata kiranya berlaku seperti apa yang telah diberi amaran oleh wahyu Allah itu sebagai pencipta yang lebih tahu mengenai kedudukan hamba-hambanya.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong belanjawan Kajian Separuh Penggal yang telah dibentangkan semalam oleh Timbalan Perdana Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Long.

11.46 pagi.

Tuan Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengambil bahagian dalam perbincangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh telah berlaku masalah ekonomi yang kita sedia maklum dan di antara tindakan cepat kerajaan

adalah dengan menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada 7 Januari 1998 dan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) dilancarkan pada 23 Julai 1998. Kita juga sedia maklum, tugas dan matlamat kedua-dua majlis ini adalah untuk mencari formula mengatasi ekonomi semasa dan menyediakan dan merangka serta memantau isu-isu struktural. Dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini merupakan langkah terakhir bagi menentukan kejayaan yang telah dirangka dalam rangka rancangan jangka panjang kedua tahun 1991 hingga 2000. Ianya memberi momentum baru bagi menentukan kejayaan rancangan-rancangan yang telah siap dirangka dengan pertambahan pertuntukan dan menyediakan langkah-langkah baru dan memberi injeksi kekuatan kepada jentera pentadbiran kerajaan bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

Dalam masa kita melaksanakan rancangan-rancangan sedia ada, saya ingin membangkitkan beberapa isu dan cadangan bagi memperkukuhkan rancangan pembangunan negara kita. Yang pertama, saya ingin menyentuh berkaitan utility iaitu bekalan air. Unjuran yang kerajaan tetapkan dalam tahun 2000 Malaysia mempunyai liputan bekalan air bandar dan luar bandar mencapai 92% di mana pada ketika itu ianya mempunyai kapasiti pengeluaran sebanyak 12,813 juta liter air sehari.

Tuan Yang di-Pertua, dalam program penswastaaan bekalan air, sebuah empangan Sungai Selangor fasa 3 di Kuala Kubu Bahru akan dibina selewat-lewatnya pada pertengahan tahun ini yang bernilai lebih kurang RM1.96 bilion. Dengan terbinaanya empangan ini akan mengakibatkan perpindahan penduduk yang terlibat termasuklah dua buah kampung iaitu kampung Orang Asli, Kampung Kerinci dan Kampung Peretak yang terdiri daripada 339 orang daripada 75 keluarga Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada kerajaan supaya memastikan kedudukan dan keperluan seperti yang telah dijanjikan tidak terabai seperti kes-kes yang berlaku semasa pembinaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Saya rasa tidak perlu saya menceritakan satu persatu pakej yang telah dijanjikan, hanya yang perlu saya diberitahu adalah janji-janjinya hanya tinggal janji-janji sahaja. Kalau tidak

percaya, pergilah tanya sendiri kepada penduduk-penduduk Kampung Busut Baru dalam Parlimen Kuala Langat, Negeri Selangor. Saya rasa dan percaya Orang Asli juga ingin maju seperti masyarakat lain di negara ini.

Ingin saya beritahu salah satu sifat masyarakat Orang Asli adalah jangan sekali-kali mereka tertipu, jika tertipu sampai bila-bila pun kepercayaan mereka akan menjadi kosong atau tidak akan mempercayai kita lagi. Cuba lihat, perkara yang sama dalam penswastaaan pembangunan Kampung Bukit Lanjan, pakejnya memang hebat dan lumayan. Saya percaya kalau ditawarkan kepada sesiapa pun akan sanggup menerimanya. Sehingga ke hari ini, masih lagi mereka tinggal di rumah panjang, dari rumah yang selesa dibina oleh mereka sendiri. Cubalah bayangkan kalau perkara ini berlaku kepada diri kita ataupun kita sendiri yang mengalaminya.

Dalam masalah tanah yang hebat diperkatakan dalam sehari, dua ini, saya berterima kasih kepada Tun Daim Zainuddin, Menteri Kewangan I, yang meminta kepada semua kerajaan negeri mempercepatkan kes pewartaan tanah-tanah Orang Asli. Jadi, perkara yang sebenarnya tanah-tanah warta ini termasuklah Kampung Bukit Lanjan ini dulunya pun diwartakan juga tetapi yang kita sedia maklum, Kampung Bukit Lanjan dalam kawasan Damansara itu beginilah keadaannya.

Jadi, saya mencadangkan bukan warta sebenarnya yang dikehendaki oleh masyarakat Orang Asli, mereka sebenar-benarnya memerlukan title hak milik ataupun dengan izin, qualified title, yang mana title ini sebenarnya akan memberi kepada mereka sebagai aset untuk melipatgandakan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi. Kalau tarafnya diwartakan, saya rasa tidak lebih seperti mewartakan tanah untuk hidupan liar, mewartakan tanah untuk hutan simpan, mewartakan tanah untuk sungai dan lain-lain dan adalah wajar dan sampai masanya, saya kira tanah Orang Asli ini juga diberi hakmilik dan cara penyelesaian untuk memberi hak milik bukan tidak ada rangka ataupun kerja ataupun perlaksanaan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Memang ada, tetapi malangnya apa yang berlaku pada hari ini,

peruntukan yang diberi kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sebenarnya terhad dan tidak cukup. Jadi, untuk kerja-kerja menyukat dan memberi hakmilik kepada masyarakat itu akan mengambil masa yang amat panjang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kampung-kampung Orang Asli yang ada di seluruh negara adalah lebih kurang 840 buah kampung. Jadi, andai katalah dalam sesuatu negeri hanya boleh diberi hak milik dalam satu tahun hanya satu atau dua kampung, saya tidak tahu sampai bilakah masyarakat Orang Asli akan mendapat hak milik-hak milik yang akan diberi kepada mereka.

Orang Asli bukannya antipembangunan malah mereka juga ingin membangun dan maju seperti bangsa lain juga, yang penting dan mustahak adalah tunaikanlah janji-janji yang telah dipersetujui bersama. Apa akan jadi jika pakej yang telah dipersetujui itu tidak tertunai dan apakah ada badan pemantauan atau tindakan yang dapat diambil untuk syarikat yang gagal? Siapakah yang akan mengawasinya atau badan kawal selia, adakah apa-apa tindakan dapat dikenakan kepada yang tidak mematuhi syarat-syarat dan terma-terma seperti yang dijanjikan?

Contoh yang saya katakan tadi, di Kampung Busut Baru, di Daerah Kuala Langat dan kes yang sama di Bukit Lanjan. Sampai hari ini duduk di rumah panjang. Jadi pihak yang terbabit membangunkan kawasan tersebut telah pun mengutip duit, sudah banyak, sudah simpan dalam kocek tetapi masyarakat masih duduk di rumah yang tidak selesa.

Jadi yang keduanya, Yang Berhormat, minggu lepas salah satu Soalan Lisan saya, berkaitan dengan perlantikan renjer terhadap batin-batin Orang Asli. Perkara ini telah dilaporkan dalam akhbar-akhbar tempatan, yang saya maklum dan faham mereka ini dijadikan informer kepada Jabatan Perhilitan. Mereka hanya perlu cukup sihat dan waras dan yang paling penting ingin bekerjasama dengan kerajaan untuk membanteraskan pemburuan haram dan membantu melindungi hidupan yang hampir pupus dan dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau zaman darurat semasa komunis, terima kasih kepada *Utusan Malaysia* yang memaparkan sebahagian daripada peranan Orang Asli dalam masa darurat. Jadi, semasa komunis menduduki hutan-hutan negara kita, saya ingin bertanya kepada kerajaan, siapakah sebenarnya informer kerajaan, siapakah yang menjadi porter, siapakah yang menjadi recce kepada pasukan tentera. Sebenarnya, dalam kes renjer ini. Orang Asli hidung tidak mancung pipi tersorong-sorong dalam hal ini. Orang Asli tidak hendak, kita pun tidak mahu. Jadi, janganlah besok kegagalan kementerian untuk mengawasi melaksanakan tugas, Orang Asli dijadikan alasan dan janganlah rakyat dipersalahkan.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kerajaan tentang pembuangan sisa-sisa kilang sawit yang banyak dibuang ke sungai-sungai. Kerap kali berlaku apabila pembuangan sisa-sisa kilang ini, ikan-ikan yang menjadi sumber pendapatan sebahagian nelayan darat ataupun sungai mati bergelimpangan. Pada masa yang sama walaupun laporan dibuat, tiada tindakan dapat diambil. Katanya, paras keracunan yang terkandung dalam air mematuhi atau di bawah paras merbahaya tetapi yang malangnya ikan-ikan banyak yang mati.

Saya ingin mencadangkan kepada Jabatan Alam Sekitar supaya membuat ujian melihat sendiri ataupun berada sendiri di mana semasa pembuangan sisa-sisa kilang ini. Biasanya kilang-kilang sawit yang berhampiran dengan sungai akan membuang sisa-sisa kilang sekali atau dua dengan jumlah yang banyak ke dalam sungai dalam tempoh setahun.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan Titah Diraja, saya ada membangkitkan tentang perkhidmatan kesihatan di perkampungan pedalaman terutamanya di perkampungan Orang Asli. Di samping masalah kes demam malaria yang tinggi, masyarakat Orang Asli sebenarnya kurang mendapat perkhidmatan perubatan dan kesihatan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ada terdapat kampung-kampung yang langsung tidak mendapat perkhidmatan tersebut,

tambahan pula banyak pos perubatan di pedalaman telah ditutup. Unit Kesihatan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli lebih tertumpu kepada Hospital Batu 12, Gombak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada kerajaan harus mengkaji pendekatan yang lebih praktikal dan memberi tumpuan kepada perkhidmatan lawatan dan khidmat ke perkampungan yang sukar untuk diberi perkhidmatan oleh Kementerian Kesihatan. Lawatan perkhidmatan secara berjadual dan rutin haruslah diberi perhatian dan tumpuan. Perkhidmatan doktor terbang haruslah diadakan kembali. Bagi perkhidmatan hospital dan ambulan haruslah diserahkan kepada tugas-tugas Kementerian Kesihatan. Kawalan penyakit berjangkit, lawatan susulan, kawalan vektor dan program kesihatan awam perlulah ditingkatkan oleh Unit Kesihatan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, yang kelima berkaitan dengan Program Pembangunan Kampung Berkembar. Program yang dirancang dan dilaksana, saya bagi pihak masyarakat Orang Asli mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan. Hanya yang menjadi persoalan adalah bagaimanakah kriteria dan syarat pemilihan kampung yang terpilih, nak kata kampung yang terpilih itu berhampiran dengan kampung jiran mereka, perkampungan orang Melayu, ianya tidak munasabah kerana ada kampung yang jauh-jauh juga terpilih.

Manakala kampung-kampung yang berhampiran dan memang berjiran sejak sekian lama tidak termasuk dalam program ini. Dapatkah kerajaan menyatakan dalam Dewan yang mulia ini, bagaimanakah kriteria dan syarat pemilihan kampung-kampung tersebut.

Se perkara lagi ialah tentang konsep pembangunannya, berapakah duit kerajaan yang telah dibelanjakan dalam melaksanakan program-program ini. Saya percaya dan yakin program ini bukan setakat pembangunan infrastruktur sahaja tetapi yang lebih penting adalah budaya hidup cara kemasyarakatan, penerapan nilai-nilai pentadbiran dan institusi dalam kampung yang berkenaan.

Program pembangunan insan, jati diri dan jiran mereka akan menjadi ikutan dalam penghidupan seharian merupakan konsep yang senang dan murah perlu dilaksanakan dengan cara yang meluas. Kalau hendak diikutkan pemilihan kampung yang telah dirancang, berapa kampungkah yang sudah ada peruntukan pembangunannya, dalam tempoh berapa lamakah semua kampung yang terpilih dapat dibangunkan 100%.

Tuan Yang di-Pertua, yang keenam dalam Dasar Pertanian Ketiga, pendekatan perhutani merupakan integrasi pertanian dan hutan dan salah satu cadangan MTEN dalam merealisasikan program ini adalah melaksanakan program integrasi ternakan dengan pokok hutan seperti pokok sentang di dalam padang-padang ragut.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya maklum bahawa integrasi lembu dan kelapa sawit telah diiktiraf tentang kejayaannya. Saya amat ragu tentang cadangan ini berpandukan kepada pengalaman dan pemerhatian saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat prestasi pokok-pokok sentang dan jati mas (akasia mingium) yang mana pokok ini sebelum ditanam ianya disemai di dalam polibeg, apabila begini cara pengurusannya semasa tanaman ini disemai dalam polibeg akan mengakibatkan akar tunjang pokok-pokok tersebut akan berbelit-belit dan berpusing-pusing dan akhirnya akar tersebut cacat ibarat orang patah pinggang. Apabila pokok ini ditanam, komplikasi yang dialami oleh pokok ini, kekuatannya diragui dan apabila ditiup angin atau digesel oleh ternakan ianya akan cepat patah, tumbang dan cepat pula mati.

Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati dan kita sedia maklum, komoditi-komoditi seperti ini diusahakan oleh golongan miskin dan termiskin. Bagi projek perhutani yang dijangka amat lumayan selepas 15 tahun kemudian akan menguji keimanan peserta-peserta terutamanya daripada masyarakat miskin dan termiskin.

Jadi, kita banyak mengetepikan kepakaran dan telah terbukti berjaya seperti integrasi lembu dan kelapa sawit yang sedia ada, manakala hasil yang dinikmati lebih cepat dan berterusan sehingga 15 ke 30 tahun selepas hasilnya di tuai. Jadi, kenapa tidak projek-projek seperti ini merupakan alternatif yang lebih tepat menjadi pilihan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketujuh dan yang terakhir, ingin saya sentuh tentang lebuh raya dan masalah tol. Daripada lapan lebuh raya yang telah siap dan 14 perjanjian konsesi baru dalam penswastan lebuh raya, tidak ada cadangan untuk membina lebuh raya pesisiran pantai Semenanjung Malaysia iaitu dari Kota Bharu ke Johor Bahru. Mungkin tidak ada pihak swasta yang berminat kerana keuntungan daripada kutipan tol tidak viable, tetapi saya yakin dan percaya dengan adanya jalan yang selesa, agenda pembangunan dan minat pelabur akan lebih kompetitif. Ini akan melonjak keseimbangan pembangunan di antara Pantai Barat dan Pantai Timur lebih realistik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah kutipan tol, yang mana sekarang ini sudah menjadi isu dan diwujudkan isu-isu ini oleh parti-parti pembangkang, saya cadangkan semua ahli-ahli pembangkang tidak perlu menggunakan lebuh raya yang ada tol, berilah peluang kepada yang mahu sahaja dan yang sanggup membayar tol.

Bagi memuaskan semua pihak dalam menentukan kadar tol, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya mempamerkan kepada rakyat di tempat-tempat tumpuan dan akhbar-akhbar terhadap pelan struktur pembangunan jalan dan kadar tol yang akan dikenakan secara berperingkat-peringkat.

Jadi, kerajaan perlu atau tidak menerima sebarang pandangan, bantahan dan cadangan daripada rakyat dan orang ramai, sebelum sesuatu keputusan dapat diambil.

Jadi, dengan kata-kata itu, saya turut menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdillah.

12.08 tgh.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang mana telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada 10 Mei 1999 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita maklum, negara kita telah membangun dengan pesatnya, dari mula kita merdeka dan dalam tempoh itu negara kita telah menghadapi keadaan resesi beberapa kali dan setiap kali negara kita melalui tempoh resesi itu ianya bangun semula dan merancang strategi baru untuk terus maju ke hadapan dan yang paling penting ialah dalam usaha kerajaan memajukan negara dan dapat menempuhi keadaan resesi dari masa ke semasa, rakyat makin sehari semakin cekal dalam menangani masalah seperti itu.

Semasa kerajaan merancang Rancangan Malaysia Ketujuh, kita berasa yakin bahawa kita akan mendapat satu pencapaian yang baik, ini adalah memandangkan kepada prestasi dan pencapaian sebelum ini. Tetapi malangnya pencapaian yang kita dapati dalam tahun 1996 dan 1997 telah terjejas apabila negara kita dilanda oleh krisis kewangan.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah dapat berusaha mencari jalan bagaimana menangani masalah ini dan alhamdulillah, setakat ini kita telah melihat segala langkah yang telah digubal dan dibuat telah dapat memberi hasil yang positif.

Seterusnya kerajaan seperti apa yang telah dimaklumkan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, semasa kerajaan menggubal Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini, pada masa itu kita menumpukan perhatian kepada pengurusan kejayaan dan pada masa ini setelah negara dilanda krisis ekonomi, strategi baru ialah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi. Alhamdulillah, nampaknya insya-Allah, kita akan dapat mengatasi masalah yang ada dengan sokongan dari rakyat kita akan dapat mengatasi keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin juga memberi pandangan saya ke atas beberapa perkara yang telah dimaklumkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Pertama sekali, saya ingin menyentuh mengenai pendidikan. Pendidikan adalah penting untuk rakyat kita kerana rakyat adalah tulang belakang untuk pembangunan negara. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah menambah peruntukan untuk pendidikan dan latihan dari RM10 bilion kepada RM16 bilion, kita mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah membuat tambahan ke atas peruntukan ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh beberapa perkara di mana banyak harus diperbaiki dalam cara menggunakan peruntukan ini. Adalah didapati dalam Rancangan Malaysia Ketujuh beberapa buah sekolah dan juga maktab akan didirikan misalnya di negeri Sarawak. Terdapat beberapa buah maktab sehingga hari ini masih lagi belum siap dan didapati lewat daripada jadual dan begitu juga dengan beberapa buah sekolah yang telah diluluskan tetapi belum lagi dilaksanakan pembinaannya.

Dengan adanya penambahan peruntukan ini saya berharap kerja-kerja yang tertinggal atau tergendala akan dapat disiapkan walaupun saya telah dimaklumkan

bahawa kelewatan dalam membuat kerja-kerja ini bukan disebabkan oleh tiadanya peruntukan sebelum ini tetapi ada sebab-sebab yang lain yang terlibat dengan agensi-agensi yang melaksanakannya. Saya berharap untuk mempercepatkan segala rancangan yang telah dibuat, ianya hendaklah dibuat seperti yang telah dirancang dalam jadual supaya ianya tidak lewat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin juga menyentuh mengenai penambahan yang telah dibuat ke atas Tabung Pendidikan Nasional daripada RM605 juta kepada RM1.5 bilion. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana menambah peruntukan untuk tabung ini supaya seperti mana yang dimaklum, kira-kira 40,000 penuntut akan dapat menikmati pemberian daripada pinjaman daripada Tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya berharap pelaksanaannya dibuat dengan teliti terutama sekali pemilihan peminjam-peminjam dan juga pemberiannya. Seperti mana yang kita maklumkan kebanyakan daripada anak-anak orang yang miskin dan tidak berkemampuan, keutamaan mereka apabila mendapat tempat di universiti ialah untuk memohon biasiswa dan apabila mereka gagal mendapat biasiswa, mereka terus tidak dapat berbuat apa-apa kerana mereka tidak tahu bagaimana hendak mendapat bantuan yang lain.

Walaupun tabung ini sudah wujud, terdapat juga di antara mereka yang tidak berani untuk memohon kepada tabung ini dan dengan itu peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran ke universiti menjadi hampa. Masalah yang timbul di sini pertama sekali ialah terdapat juga di kalangan penuntut-penuntut yang tidak mampu bahawa maklumat ataupun penerangan mengenai tabung ini tidak sampai kepada mereka ataupun mereka tidak berani untuk memohon kerana difikirkan tabung ini sama juga seperti tabung swasta di mana cagaran dan lain-lainnya diperlukan. Maka di sini saya berharap maklumat yang lebih jelas dan luas diberi kepada

penuntut-penuntut supaya mereka faham bagaimana cara untuk memohon daripada tabung ini.

Selepas itu saya berharap juga pemilihan untuk peminjam-peminjam dibuat dengan teliti supaya penuntut yang benar-benar perlu dengan bantuan ini akan dapat menerima pinjaman tersebut. Ada juga didapati bahawa anak-anak orang yang mampu juga memohon untuk tabung ini dan tentu sekali apabila mereka masuk universiti sementara menunggu pinjaman ini, mereka menggunakan wang sendiri. Dan apabila permohonan mereka berjaya, mereka tidak lagi menggunakan wang sendiri ataupun kalau menggunakan wang sendiri pun wang pinjaman daripada tabung ini akan digunakan untuk tujuan, mungkin dilaburkan ataupun di simpan dalam bank. Jadi, dengan keadaan seperti ini jikalau pemilihan tidak dibuat dengan rapi, dengan teliti, penuntut yang benar-benar perlukan bantuan ini akan hampa kerana tidak dapat menikmati bantuan yang diberi.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai cadangan kerajaan memberi pinjaman untuk latihan kemahiran yang mana telah dicadangkan supaya peruntukan awal sebanyak RM500 juta disediakan. Saya menyokong dan mengalu-alukan tindakan dan cadangan kerajaan ini kerana dengan adanya tabung ini banyak lagi penuntut-penuntut ataupun pekerja-pekerja yang ingin belajar ataupun mengikuti latihan di pusat-pusat pembangunan latihan mendapat bantuan dari segi pinjaman. Saya telah dapat tahu beberapa orang penuntut yang ingin belajar di pusat pembangunan latihan tidak dapat meneruskan pelajaran mereka kerana mereka tidak mempunyai wang untuk membiayai pelajaran mereka kerana tidak banyak majikan yang memberi bantuan kepada pekerja mereka untuk berlatih di pusat pembangunan latihan dan dengan itu banyaklah penuntut-penuntut secara bebas yang belum bekerja ingin untuk belajar di pusat tersebut tetapi mereka tidak mampu kerana tidak ada dari segi kewangan.

Maka dengan adanya pinjaman ini saya berharap lebih banyak lagi penuntut-penuntut yang tidak mampu dapat belajar ke universiti ataupun peringkat kolej akan dapat belajar di pusat-pusat latihan supaya mereka akan menjadi satu tenaga pekerja yang mahir untuk menyokong industri pembuatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melanjutkan perbincangan saya ke atas usaha kerajaan menambah pengeluaran makanan. Saya telah banyak bercakap berkenaan hal ini tetapi pada hari ini saya menyentuh perkara yang lain di mana saya menyentuh lebih daripada kawalan ke atas usaha-usaha menambahkan hasil makanan ini. Seperti apa yang terdapat dalam Dasar Pertanian Negara, kerajaan sedang berusaha untuk memperbanyakkan hasil bahan makanan tetapi usaha ini nampaknya seperti apa yang kita lihat telah dilaksanakan dengan begitu perlahan. Dan tiba-tiba apabila negara dilanda oleh krisis ekonomi, dengan tiba-tiba kita terus berusaha untuk memperbanyakkan bahan makanan tempatan dan sambutan daripada rakyat adalah juga menggalakkan. Apa yang saya takut ialah, dalam usaha kita untuk memperbanyakkan bahan makanan mungkin ada yang menggunakan baja dan juga ubat serangga untuk mempercepatkan bahan-bahan makanan yang ditanam tumbuh dengan cepat dan dengan ini ianya akan menjejaskan alam sekitar ataupun akan menimbulkan kesan pencemaran kepada alam sekitar.

Seperti mana yang kita telah alami di masa-masa yang lampau apabila kita membuat sesuatu dengan secara yang tertgesa-gesa, kadang-kadang kita lupa dengan kesan sampingan yang akan timbul daripada usaha membuat sesuatu itu dengan tertgesa-gesa. Jadi, saya berharap kerajaan akan mengawal keadaan ini dengan rapi supaya pengeluaran dan usaha untuk mengeluarkan banyak barang makanan dalam negeri tidak akan timbul masalah yang lain seperti pencemaran dari alam sekitar dan juga kesihatan ke atas barang makanan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perlu juga keadaan bekalan dan permintaan bahan-bahan makanan itu dikaji dari masa ke semasa supaya bekalan tidak akan melebihi

permintaan. Jikalau bekalan terlalu berlebihan ianya akan menimbulkan masalah pula kepada kita seperti apa yang berlaku di negara-negara yang menghasilkan ternakan lembu dan juga dengan izin, 'wheat' (gandum) di Australia misalnya mereka pernah memusnahkan gandum dan ternakan kerbau mereka apabila bekalannya melebihi ataupun terlalu besar melebihi permintaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh keadaan perumahan. Usaha kerajaan untuk menambahkan banyak perumahan untuk orang miskin adalah dialu-alukan tetapi saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya usaha ini dipercepatkan. Selalunya orang memohon rumah memang banyak dan mereka selalunya tertunggu-tunggu untuk mendapat rumah di mana rumah itu selalunya terlalu lama untuk disiapkan dan saya berharap perkara ini akan dapat diatasi. Walaupun kita cuba mempercepatkan membangun rumah rakyat miskin ini saya berharap juga supaya kualiti ataupun mutu rumah itu tidak akan terjejas apabila kita hendak membuatnya dengan begitu cepat. Seterusnya pemilihan untuk orang-orang yang memohon rumah ini hendaklah dibuat dengan bijak dan teliti supaya orang yang benar-benar perlukan rumah ini diberi rumah.

Saya ingin juga mencadangkan supaya sistem pinjaman untuk mereka yang membeli rumah ini dikaji semula kerana sepertimana yang kita maklum selalunya orang miskin ataupun orang yang bergaji kecil walaupun mereka diberi kemudahan pinjaman untuk membeli rumah kadang-kadang sukar bagi mereka membayar untuk rumah itu dalam masa yang singkat terutama sekali apabila mereka diminta untuk membayar sesuatu yang mungkin akan mengurangkan perbelanjaan harian mereka. Kalau boleh mereka diberi satu masa ataupun dengan izin, 'grace period' untuk memulakan bayaran balik supaya mereka akan dapat berusaha mengumpul duit dan mungkin rezeki mereka bertambah dalam masa 'grace period' itu dan dengan itu mereka akan mampu untuk membayar balik pinjaman tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh mengenai dengan pengeluaran 'strata title'. Pengeluaran 'strata title' ini telah beberapa kali

dibincangkan di Dewan yang mulia ini dan masih lagi beberapa bangunan tinggi ataupun rumah-rumah pangsa ataupun condominium, dengan izin, yang belum lagi mengeluarkan 'strata title'nya setelah wujud dan didiami lebih daripada 7-8 tahun begitu. Saya berharap dalam dunia moden ini di mana kita pada masa ini telah menggunakan IT dalam serba-serbi, saya berharap pengeluaran 'strata title' ini akan dapat dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan menggalakkan pembangunan industri kecil dan sederhana adalah dialu-alukan dan saya berharap bantuan daripada kerajaan melalui bank iaitu bantuan kewangan akan dapat dibuat dengan teliti dan dengan baik supaya mereka yang benar-benar perlu dengan pinjaman ini diberikan. Kalau tidak apalah gunanya mengadakan kemudahan pinjaman ini jikalau permohonan mereka tidak dapat dipertimbangkan seperti yang mereka pohon. Industri kecil dan sederhana ini bukan sahaja mengalami masalah kewangan tetapi mereka juga menghadapi banyak lagi masalah yang lain seperti kemudahan-kemudahan infrastruktur dan juga tempat-tempat untuk mengadakan industri-industri mereka. Maka dengan ini terdapatlah beberapa tempat di mana industri-industri itu dibuat dalam rumah ataupun di tepi rumah. Mungkin dalam perkara ini kerajaan perlu berhubung dengan agensi yang tertentu untuk menyediakan kilang-kilang kecil untuk pengusaha-pengusaha SMI ini supaya mereka dapat terus mengusahakan kegiatan mereka tanpa gangguan terutama sekali daripada pihak berkuasa apabila mereka menjalankan kegiatan mereka dalam rumah dan di tepi rumah.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita seperti yang telah dimaklumkan berusaha untuk menjadi satu negara yang menggunakan IT dan multimedia secara meluas apatah lagi dengan adanya Koridor Raya Multimedia (MSC) kita dan dengan ini saya tidak ingin bercakap banyak mengenai apa yang telah diusahakan oleh kerajaan dalam bidang ini kerana ianya adalah begitu baik dan pantas. Apa yang ingin saya sentuh di sini ialah keperluan untuk kita memberi penerangan yang jelas

kepada rakyat supaya rakyat akan lebih faham dengan keperluan dan keupayaan IT. Sepertimana yang kita maklum pernah di Dewan ini dikatakan pihak-pihak tertentu menghalang rakyat daripada mengikuti perkembangan dalam IT ini. Maka dengan itu saya berharap kerajaan akan juga berusaha mendidik rakyat supaya menjadi 'literate', dengan izin, dalam IT sekurang-kurangnya mengenai keupayaan dan apa dia IT itu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit mengenai pelancongan. Apa yang dibuat oleh kerajaan sekarang memang kita alu-alukan dan saya tidak ada komen apa-apa lagi kerana selalu sudah disebut di dalam Dewan ini. Hal yang ingin saya sentuh di sini ialah cara kita mempromosi pelancongan. Kalau kita lihat brosur-brosur yang ada mengenai Malaysia ianya sama sahaja dengan brosur-brosur yang ada dikeluarkan oleh negara-negara yang lain. Jadi tidak ada kelainan yang dilihat oleh pelancong-pelancong asing ke atas negara kita. Tiap-tiap produknya hampir sama sahaja. Maka mungkin dengan itu pihak yang berkenaan harus memikir cara promosi yang lain sedikit daripada apa yang telah dibuat oleh negara-negara yang lain. Saya percaya pihak yang berkenaan mungkin mempunyai lebih banyak lagi pengetahuan mengenai ini. Saya hanya sekadar menegur apa yang saya lihat.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhir ucapan saya, saya ingin mengalu-alukan perkhidmatan awam yang telah bekerja keras menyokong kerajaan dalam segala rancangan dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Yang Ketujuh dan saya berharap perkhidmatan awam akan terus memberi perkhidmatan yang cemerlang semoga negara kita akan dapat mencapai segala matlamat yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Yang Ketujuh untuk kepentingan kita, rakyat Malaysia semuanya. Dengan itu saya sudahi ucapan saya dengan menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ghazi.

12.30 tgh.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih banyak kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil

bahagian membahaskan kertas usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang disampaikan dengan begitu baik oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tempoh hari.

Pertama sekali saya ingin menyebut sedikit tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin semalam. Tajuk ini mungkin sensitif tetapi saya rasa amat mustahak, amat kritikal bagi kemajuan dan kejayaan kita menangani masalah ekonomi khususnya dan masalah politik dan keyakinan rakyat amnya. Perkaranya ialah apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Zainudin mengenai kelemahan pengurusan kerajaan. Beliau memberi gambaran sepintas lalu tentang kebolehan dan kekuatan kepimpinan negara jiran dan beliau memberi sedikit sebanyak pandangan mengenai cara menanganinya. Saya amat tertarik tentang tajuk ini kerana perkara ini juga telah saya bangkitkan semasa membahaskan Kertas Putih di peringkat penghujungnya iaitu sebelum Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membuat penggulungan dan menjawab.

Saya membangkitkan perkara ini dan oleh kerana Yang Berhormat Datuk Zainudin membangkitkan semula dan memberi gambaran yang berlainan dengan sudut yang berlainan, saya rasa amat tepat sekali. Mungkin kesimpulan kepada apa yang patut kita ambil pada perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam akhbar oleh pemimpin-pemimpin utama kita yang saya tidak bercadang untuk mengulanginya; tersiar di akhbar dalam beberapa hari yang lalu, terpampang dengan besar dan jelas, keputusan atau prestasi pihak kerajaan itu sendiri. Pengakuan tentang kelemahan tertentu adalah satu kekuatan dan kekuatan inilah yang saya harap dapat rakyat keseluruhannya melihat supaya berlandaskan kekuatan yang merupakan penerimaan kelemahan masa kini, yang boleh dijadikan asas untuk kekuatan masa depan. Kita harap rakyat tidak keliru dengan maklumat-maklumat atau pendedahan yang ada di sini sebab di kampung dan di tempat-tempat on the ground, dengan izin, ada rakyat memberi reaksi yang berlainan.

Yang berlainan ini mereka melihat dari sudut negatifnya. Maka oleh kerana itu, kepada kepimpinan keseluruhan dalam negara ini dari mana parti politik sekalipun, saya rasa tanggungjawab yang agak besar dan mencabar sekarang ini ialah bagaimana kelemahan atau penemuan kepada masalah-masalah yang tidak pernah dibincangkan pada masa dahulu. Sekarang dibincangkan, hanya bukan kita menumpukan perhatian kepada kononnya kelemahan pihak pentadbiran pegawai-pegawai kerajaan tetapi yang menjadi bos kepada pegawai-pegawai kerajaan ini pun juga menjadi tumpuan.

Saya amat tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin menyatakan sudah memadai – that's enough, dari segi kaedah menyelesaikan masalah kita sudah kenal pasti masalah. Jangan panjang-panjangkan lagi. The nature of the problem is identified, dengan izin, oleh kerana itu pengkhususannya ialah untuk dari dalam secara tertutup kepada mereka yang bertanggungjawab untuk mengupas permasalahan ini dengan detail sedetail- detailnya dan harapannya ialah segala jawapan yang disebut yang memberi harapan pula kepada rakyat jelata akan timbul daripada itu.

Di samping itu, Tuan Yang di -Pertua, saya juga ingin menekankan bahawa oleh kerana rakyat terdedah dengan permasalahan ini dengan terbuka, di samping mereka menunggu langkah-langkah positif seterusnya, prestasi seterusnya oleh pegawai-pegawai kerajaan keseluruhan dari atas sehingga ke bawah semasa rakyat menanti ini, saya rasa jelas di fikiran rakyat bahawa mereka juga menanti pilihan raya yang sudah hampir menjelang tiba, yang bahangnya sudah dirasai sekarang. Oleh kerana itu, saya ingin meminta kepada pihak kerajaan sendiri supaya apabila tiba masanya untuk menilai prestasi mereka yang bertanggungjawab untuk menghasilkan prestasi sepeinggal yang sudah berlalu ini supaya mengambil kira terhadap persepsi dan pandangan rakyat umumnya.

Kita harap pihak kerajaan akan dapat menonjolkan kekuatan nafas baru apabila dia mendedahkan kepada bentuk kepimpinan yang seterusnya akan datang. Malah, saya rasa perkara ini tidak begitu amat rumit untuk kita melihatnya kerana contoh unggul, the role model, dengan izin, sebenarnya terletak kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir sendiri. Terlalu banyak telah kita perkatakan, saya sendiri sebut dalam perbahasan yang lalu tentang thus the par excellence CEO Malaysia in the name of Dato' Seri Dr. Mahathir, dengan izin. Jadi, saya tidak cuba hendak bentangkan dari segi huraian-huraiannya, semua kita tahu. Dunia mengetahui tetapi mengapa tidak umpamanya role model, ciri-ciri kerja kuat, ketahanan strateginya, pandangan jauhnya dan sebagainya tidak dijadikan sebagai betul-betul role model yang boleh diamalkan oleh pembantu-pembantu di peringkat-peringkat yang berlainan. Kadang-kadang kita lihat terlalu jauh perbezaan atau gapnya dalam serba serbi. Inilah sebenarnya yang menjadi punca masalah, pada sayalah.

Kalaulah bayangkan 80% daripada anggota yang membantu CEO ini termasuk yang membantu Deputy CEO ini, dengan izin, mempunyai keprihatinan bekerja, style dan keseluruhannya begitu walaupun memang tidak boleh menyerupai seratus peratus saya rasa kita telah banyak mendapat kemajuan. Itu perkara yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai Yang Berhormat Datuk Zainudin juga bercakap bila lewat projek dan sebagainya dia sebut kena ada sistem pemantauan yang baru. Saya rasa sistem pemantauan ini, Tuan Yang di-Pertua, memang ada, memang diubah suai selalu dan mungkin kalau kita hendak sebut pun, kalau saya hendak tumpang mengambil

bahagian dalam cadangan tentang kaedah pemantauan ini ialah mungkin inilah masanya pihak kerajaan menggunakan teknologi yang tercanggih sebagai priority, sebagai keutamaan. Kita tahu ada banyak bidang aplikasi dalam IT ini, dalam mewujudkan Koridor Raya Multimedia kita ada 7 Flagship Applications, Aplikasi Perdana yang 7 ini, dengan izin, boleh buat tetapi mungkin yang patut diberi keutamaannya masa kini setelah kita kenal pasti permasalahan ini, di antara puncanya atas tajuk pemantauan hendaklah ada sistem pemantauan ala IT menggunakan segala kepakaran, menumpukan dan bolehlah kita kaitkan dengan apa yang disebut sistem bilik gerakan yang berjaya oleh Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Razak dahulu.

Kalau masa itu sistem bilik gerakan Tun Razak mendatangkan faedah kerana mendapat maklumat yang betul, kerana mendapat maklumat yang cepat, kerana mendapat maklumat sehingga kita boleh kenal, boleh ingat, ini permasalahannya. Sebenarnya kita menghadapi isu yang sama cuma sekarang ini maklumat itu datang mencurah lebih lagi. Dan masalahnya yang ketinggalan itu terlalu amat besar habis, bagaimana kita menghadapi? Menghadapinya ialah dengan penggunaan teknologi yang kita sendiri perkenalkan. Beri keutamaan yang terunggul yang lain dikemudiankan tak apa, tak payah desperatikan lagi bidang aplikasi yang banyak-banyak yang saya beri tajuk khas - sekarang saya umumkan dari segi pemasalahan ini dan saya akan khususkan dalam para yang lain yang disebut dalam Kertas Kajian Separuh Penggal ini.

Ini pada saya baik di peringkat negerinya, di peringkat daerahnya, di peringkat pusatnya, kementeriannya semua menggunakan alat ini ertinya kita mempunyai dengan izin information at the finger tip dan memang pun bukan hanya perubahan baru peribahasa Inggeris information at the finger tip sekarang dengan alat teknologi memang at finger tip. Kena guna finger tip untuk menekan A, B, 1,

2, 3. Yang saya tekankan ialah keutamaan betul kita ada banyak bidang dalam IT tetapi oleh kerana permasalahan rakyat, projek terbengkalai terlalu amat mencabar, mari kita kemudiannya perkara-perkara yang lain. Mari kita memberi pengkhususan semoga umpamanya tekan saya butang sahaja nampak jumlah rumah kos rendah yang diperlukan oleh kawasan A, kawasan B, kawasan C dan sebagainya.

Sekarang ada, di sana sini ada mungkin integrasinya itu kurang. Maklumat ada bercambah, mungkin cara penggunaannya itu tidak menghasilkan the right information dengan izin, yang betul untuk dikenal pasti dan diberi tanggungjawab dan diambil tindakan. Betul baik, diberi arahan supaya pihak menteri hadir dua kali seminggu or something like that. Betul ada arahan oleh Ketua Setiausaha Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Halim Ali mengenai pendekatan oleh pegawai-pegawai kerajaan dan sebagainya. Tetapi kalau kita masih - itu satu pendekatan yang baik - tetapi kalau tidak disekalikan dengan cara pengurusan maklumat yang lebih terkini. Menggunakan alat dan teknologi yang kita sendiri promosikan, saya takut kemudian kita akan turut mengatakan perkara yang sama berulang kali.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang hendak saya bangkitkan ialah mengenai saham amanah. Mengikut kajian yang telah saya buat dalam Internet, saham amanah yang ditadbirkan oleh PNB – Permodalan Nasional Berhad ialah tiga, ASN, ASB, ASW. Saya dapati dalam ketiga-tiga ini ada perkara yang memang sudah berjaya, kita akui. Memang sudah banyak rakyat bumiputera khususnya dan juga yang bukan bumiputera dalam ASW pun mendapat manfaat. Cuma bila saya nampak di'tabulate'kan maklumat-maklumat yang saya dapat ini beberapa perkara yang saya dapati yang ingin saya bangkitkan dan meminta penjelasan supaya tujuan sebenarnya unit-unit ini atau skim amamah saham ini diwujudkan akan dapat tercapai.

Umpamanya dalam saham amanah ASW 2020 yang ditawarkan ialah sebanyak RM3 bilion. 51% khusus untuk bumiputera, 49% untuk bukan

bumiputera. Kedudukan sekarang terkini beberapa hari yang lalu, kalau dikemas kini hari ini wallahualam, ialah yang 49% bernilai RM1.47 bilion semuanya untuk bukan bumiputera semuanya habis dijual. Alhamdulillah tujuan tercapai. Tetapi yang 51% , RM1.530 bilion itu hanya lebih kurang 20% sahaja yang terjual, yang 80% lagi tidak terjual oleh bumiputera tetapi di samping itu ada pula hadnya. Hadnya ialah boleh beli hanya setakat 50,000 unit sahaja bagi ASW. Dalam ASN, ASB boleh beli sehingga 200,000 unit. Pemasalahan kita ialah kalau tidak ada tindakan lain oleh pihak kerajaan, mungkin oleh kerana pendedahan ASW, apa sebabnya saya tidak tahu, mengapa kedudukan ini sehingga 80% yang diperuntukkan oleh bumiputera ini tidak terjual. Mungkin oleh kerana kaedah ini yang ditahankan setakat RM50,000. Pada saya kalau sudah beberapa lama diperkenalkan dan limit 50,000 unit ini diberi had mengapa tidak dibuat kajian supaya dibukanya terus disamakan dengan ASN, ASB sebanyak 200,000 control lihat sama ada saham yang tidak dibeli ini akan dibeli atau tidak? Kerana kita sudah bagi ruang masa rakyat umumnya membeli tapi kalau sudah tidak terjual bukakan kalau-kalau ada orang boleh beli lebih asalkan tujuan untuk perdagangan bumiputera itu ada. Pada saya tidak salah kecuailah pihak PNB sendiri mempunyai rasional yang lain. Tapi pada pemikiran saya, saya tidak nampak jalan kalau didiamkan begini sahaja. Ada saham amanah yang dipanggil ASW 2020 tetapi niat dan hajat tidak tercapai khususnya untuk kaum bumiputera sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan PNB dan cara pengurusan saham amanah ini juga saya ingin membangkitkan beberapa rakan yang telah memberi feedback tentang pengalaman mereka bila mereka pergi untuk membuat urusan di ibu pejabat ASN, ASB sendiri. Di antara pengalaman mereka secara khususnya yang saya boleh rumuskan ialah kita nampak prestasi dari segi membayar dividen dan sebagainya baik. Tetapi prestasi dari segi perkhidmatan ala customer orientated dengan izin bila kita hadir di pejabat pusat yang menguruskan ASN, ASB ini adalah mengecewakan. Kita katakan mengecewakan bila umpamanya

dalam perbincangan kita, kita bandingkan dengan perkhidmatan bank di negara ini khususnya kalau saya boleh sebut bank yang ada hanya dua atau tiga cawangan, bank luar negeri tetapi memberi perkhidmatan yang begitu hebat. Umpamanya saya tak nak sebut bank itu tetapi umpamanya pendekatan mereka menunjukkan memberi penumpuan kepada kumpulan orang-orang awam dan membuka unit khas, privilege account untuk mereka yang layak. Kalau ada privilege account untuk mereka yang layak tempatnya disediakan dengan selesa boleh masuk terus tak payah beratur menunggu sejam untuk membayar RM50.00 umpamanya.

Perkara-perkara ini jangan kita kecilkan kerana inilah sebenarnya cara kita mendidik anak-anak muda dan kaum Melayu untuk bertukar bentuk pemikiran mereka. Kalau hanya setakat hendak bayar RM50 pun hendak berbaris sama dengan yang lain, kenapa tidak kita adakan ruang-ruang yang berlainan di sini supaya kalau yang banyak betul kita galakkan, fast track lane. Jadi, orang berasa berminat untuk melabur lebih dan dalam serentak, masa yang unit-unit kecil hendak menunggu lama itu memikirkan dengan mata kepala mereka sendiri, boleh menggunakan akal bahawa inilah yang dikatakan perkhidmatan, keutamaan orientasi kepada pelanggan. Janganlah kita mendedahkan, asalkan ia PNB, ia kukuh, gagah, boleh dapat banyak untung, oleh kerana itu service perkhidmatan kita adalah ala kadar sahaja.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya ingin bertanya, apakah Datuk Ghazi bercakap melalui pengalaman sendiri atau hanya mendapat khabar dari rakan-rakan? Itu satu sebelum saya menambah sedikit.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Rakan-rakan dan pengalaman sendiri.

Datuk Zainudin bin Maidin: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Dari pengalaman saya sendiri, saya pergi sendiri dan sebagainya. Saya kira perkhidmatan PNB, ibu pejabatnya adalah yang terbaik sekali jika dibandingkan dengan mana-mana bank sebab ia mempunyai satu sistem di mana apabila kita mengambil nombor dan kita hanya tunggu tidak lama sebab ia mempunyai kaunter

yang paling panjang sekali. Jadi, saya harus menyatakan hal yang benar daripada pengalaman saya sendiri dan mempunyai urusan-urusan yang very efficient. Di samping itu kita tidak menunggu lama kecuali pada masa apabila awal tahun di mana dividen dikeluarkan pada masa itu kita terpaksa menunggu lebih lama. Tetapi saya harus adil kepada PNB apabila mendengar pengaduan ini dan saya rasa ianya terbaik jika dibandingkan dengan yang lain.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, itu pandangan Datuk Zainudin, mengikut pengalaman dia kata “terbaik” tetapi berapa orang kalau hendak mengikut dari segi, kita kena buat kajian khas kalau hendak tengok siapa yang betul di sini, cuma maksud saya ialah, saya bandingkan dari segi, mungkin saya lebih khusus, ertinya dia tidak membezakan pelanggan. Ini yang lebih khusus, membezakan ertinya, saya tidak mahu quote figure ini, saya hendak bayangkan yang am sedikit, ertinya jangan anggap semua pelabur diberi same treatment, menunggu sama, cara sama dan semuanya sama.

Kalau diberi sedikit keistimewaan kepada bank, saya tidak mahu sebutkan nama bank, kita boleh beri detail tetapi saya akui pengalaman Datuk Zainudin, dia nasib baik dan saya tidak nasib baik. Tetapi saya membuat koreksinya kemudian diterima oleh pegawai ini. Jadi, saya kata baik, ertinya bila di'communicate'kan satu jalan lain yang lebih baik, mereka terima, saya akui itu baik. Cuma pada saya, ini institusi orang Melayu, kalau ada kelemahan kita hendak baik lagi. Jadi, jangan dedahkan orang Melayu hanya dengan yang tidak terbaik, kalau sudah baik, hendak baik lagi, this is what quality mentality is all about, dengan izin. Ini yang selalu disebut oleh Dr. Mahathir, kata kita kena fikir quality, dengan izin, saya quote, “*quality is a moving object*” dia tidak habis, dia naik, naik lagi.

Oleh kerana itu walaupun saya bersetuju kata baik tetapi saya berharap yang berkenaan terus memperbaiki lagi sebab kalau hendak tahu bank yang berkenaan saya tidak mahu promosikan bank ini, saya tahu apa yang saya cakap. Terima kasih

atas teguran Datuk Zainudin. Saya ganggu dia sedikit dan dia pun ganggu saya sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perumahan kos rendah. Saya telah pun bangkitkan mengenai perumahan kos rendah tempoh hari, semasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada di sini tetapi ada satu bab yang saya tidak tekankan dengan kuat ialah tentang peruntukan KWSP untuk menggalakkan pemegang saham menabung dalam Unit Trust. Angle Unit Trust ini, dulu baik tetapi sekarang kalau kita galakkan orang menggunakan wang KWSP dalam Unit Trust, Unit Trust ini juga boleh membawa mudarat kepada kita kerana yang dimasukkan RM1 boleh tinggal setakat RM0.60-RM0.50 sahaja.

Soalnya ialah kita kena revised, sesuaikan, promosikan pada masa ekonomi baik dengan promosi kita masa ekonomi tidak baik, maksud saya janganlah galakkan pemegang KWSP yang kecil-kecilan ini untuk melabur dalam Unit Trust. Galakkan mereka menggunakan ruang itu untuk menikmati perumahan kos rendah umpamanya.

Saya huraikan dari segi percentagenya pada hari itu tentang cara hendak menggunakan wang ini supaya diberi keutamaan dapat rumah dahulu, samalah dengan bab estet. Saya bercakap di luar tadi dengan beberapa Yang Berhormat yang lebih mengetahui mengenai estet daripada saya, tidak ada di sini tetapi saya mendapat maklumat bahawa penduduk-penduduk di estet yang hampir 200,000 lebih juga menghadapi masalah perumahan kos rendah kerana tauke-tauke estet ini semuanya beri quarters, rumah free tetapi sekarang sudah ada usaha yang kerap dilakukan, taukenya bertukar. Tauke syarikat yang menguasai estet ini bertukar. Bila taukenya bertukar, polisinya berubah dan kadang-kadang mereka ini dikenakan sewa yang tinggi, yang tidak berpatutan.

Saya juga dimaklumkan bahawa dalam 200,000 orang ini, 35% orang Melayu bakinya ramai dari kaum India, sedikit sahaja Cina. Saya hendak tekankan ialah mengapa tidak pihak kerajaan menekankan tauke-tauke estet ini oleh kerana

dia ada banyak tanah luas mewujudkan program kos rendah di dalam estet itu sendiri supaya dapat disewa beli oleh orang-orang yang bekerja dalam estet. Rakan-rakan saya daripada parti berkenaan kata, kita selalu bercakap pasal estet, orang dari UMNO tidak pernah bercakap mengenai estet, saya kata tidak apa, kalau ada point saya boleh bercakap mengenai estet dan perkara ini saya rasa adalah sama perlunya dengan kita melihat kawasan-kawasan setinggan di bandar-bandar, kadang-kadang yang bandar setinggan satu masalah, itu sudah ada banyak jawapannya tapi yang tidak pernah kita bercakap ialah di kawasan estet, yang jarang kita bercakap. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan berkenaan dengan rumah sewa beli di estet ini. Kita tahu di estet-estet seperti di Budu Estet dan Benta Estet, apabila hendak masuk ke estet itu dia ada security. Jadi, dalam lingkungan estet itu adalah kepunyaan tauke estet. Jadi, kalau kita beri sewa beli kepada pekerja-pekerja estet suatu masa nanti dia akan bersara ataupun dia tidak boleh lagi bekerja di estet. Kita tidak mahu estet-estet mempunyai pekerja-pekerja, kaum buruh ini khususnya, mempunyai rumah di dalam tanah estet dengan tinggal di situ sampai beranak cucu. Ini tidak menyelesaikan masalah.

Jadi, penjelasan saya hendak minta, adakah baik tanah-tanah di luar estet ini yang banyak di pinggir estet ini dijadikan kawasan untuk mendirikan rumah kos rendah bagi pekerja estet yang akan bersara nanti sebab ini tidak akan menyelesaikan masalah, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua sebab saya sedikit pengalaman dalam estet ini semasa saya menjadi ADUN Benta dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat dulu ada satu skim khas untuk pekerja-pekerja estet, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini. Dulu pekerja-pekerja estet dia ada satu skim perumahan khas kepada mereka bukan, sekarang masih ada? *[Bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]*

Dato' Azmi bin Khalid: Sekarang ini, dia daripada kerajaan kita hanya memberi satu garis panduan kepada estet dan ada estet-estet yang mengambil berat untuk memberi perumahan ini kepada kakitangan mereka, tetapi setakat ini sejauh mana, berapa peratus yang telah dijalankan, saya tidak ada maklumat terperinci kerana ini adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia. Jadi, kalau hendak tahu peratusan prestasi saya tidak dapat beri maklumat.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat kalau tidak silap dahulu, pada masa saya masih dalam Kementerian Perumahan ada satu skim perumahan khas untuk pekerja-pekerja, kakitangan estet harganya saya ingat RM7,500 ada skim khas untuk mereka. Sila Yang Berhormat.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato' Zuki dan Yang Berhormat Dato' Azmi Khalid yang telah memberi penerangan sedikit tentang masalah rumah di estet. Alhamdulillah saya bersyukur kepada Tuhan kerana kupasan saya secara ringkas itu telah menarik minat Yang Berhormat Dato' mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Saya ingat maklumat itu baik, saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih. Kita harap pegawai-pegawai kerajaan yang berkenaan akan memberi rekod dan memberi penerangan. Pada saya jika tidak dibuat dalam estet, di tepi estet, kalau tidak di tengah sedikit, asalkan ada, pokoknya kita hendak adakan rumah untuk rakyat kerana rakyat di estet juga merupakan pengundi, mereka juga mengharapkan pembelaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat sambung selepas makan tengah hari. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini dtempohkan sehingga jam 2.30 petang hari ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ghazi sila sambung, ya.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih sekali lagi kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung perbahasan yang pagi tadi dan saya amat berterima kasih kepada rakan-rakan Ahli Dewan yang mulia ini kerana turut mengambil bahagian dalam isu permasalahan perumahan khususnya. Rakan saya Yang Berhormat Puan Jaya khususnya selepas daripada ini telah bercakap dengan saya bahawa sebenarnya memberi gambaran yang lebih lengkap kepada permasalahan perumahan di estet-estet. Dan kata beliau, beliau akan menyampaikan maklumat tambahan yang lebih kerana walaupun skim itu sudah ada selama beberapa tahun yang dahulu tetapi pelaksanaannya all most – kosong.

Jadi, oleh kerana itu saya amat bangga sekali dengan sokongan dan bantuan maklumat yang akan diberikan kemudian, insya-Allah kalau berkesempatan saya akan bangkitkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di tangan saya ini saya ada satu salinan artikel penulisan dari majalah *Fortune* bertarikh 24 Mei 1999, muka surat 28 atas tajuk *Malaysia: Mirage or Miracle– Hanya Bayangan atau Keistimewaan*. Dengan izin, “*Though the countries conglomerate haven't change their old bad habits, the economy is rolling and the stock market is sorry. Can it last?*” tanya penulis James Rower.

Artikel ini secara ringkas yang saya hendak bangkitkan di permulaan perbahasan saya ialah sekali lagi dalam majalah yang terkenal di dunia ini yang pernah menyanggah kita, menyindir dan membusuk-busuk nama kita sekarang mengatakan bagaimana terpesonanya mereka dengan ubat ekonomi kita, suntikan oleh Dr. Mahathir, pakar, doktor ubat dan doktor ubat penyakit ekonomi ini telah mendapat pengiktirafan. Umpamanya saya ingin.....

Tuan Yang di-Pertua: Majalah apakah ini?

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Majalah *Fortune* yang terakhir bertarikh 24 Mei. Dengan izin, saya baca “*The stock market has reason almost three fowl since his September lows*”. Macam kita tahu dan dia pun akui, tiga kali ganda sudah naik meningkat sejak terendah dalam bulan September. “*Credit rating agencies have quickly restored Malaysia investment great status and the government says, a nett US\$100 billion of foreign portfolio investment gash into the country between February and April*”. Kata-kata ini yang menunjukkan stock market sudah baik sebanyak US\$100 bilion sudah masuk dalam dan sebagainya mengukuhkan lagi bahawa cara kita menangani masalah ekonomi amat bertepatan. Ini akan mengukuhkan lagi, kalau penulisan-penulisan seperti ini berlanjutan dan kita harap majalah-majalah asing yang khususnya memberi analisa dan komen mengenai ekonomi seharusnya membuat sambungan kepada perbincangan dan penulisan ini kerana sekiranya mereka memberi fokus kepada fakta-fakta pencapaian kita yang sebenar, sekiranya mereka melihat pula bentuk pentadbiran pengurusan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, sekiranya mereka mengambil usaha untuk membaca buku terakhir *A New Deal For Asia*, yang saya pernah sebut dalam Dewan yang mulia ini, saya rasa penulis-penulis dan penganalisis-penganalisis ini akan mendapat gambaran yang lebih menyeluruh dan saya berani katakan dan challenge kepada penulis-penulis dan majalah-majalah ini berlandaskan apa yang telah saya sebutkan itu, beranikah mereka membuat analisa untuk menghukum Malaysia dengan berita-berita tidak baik lagi.

Kita berani dedahkan ini kerana kita ada kenyataan dan kekuatan ini hendak kita tonjolkan, hendak kita biarkan, masyarakat umum, masyarakat dunia mengetahui. Oleh kerana itu, saya membuat petikan majalah *Fortune* yang pernah hentam kita dengan kuat.

Tuan Yang di-Pertua: Bertarikh bila itu?

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Bertarikh 24 Mei 1999, Tuan Yang di-Pertua. Itu sedikit sebagai permulaan untuk saya hendak menyebut sebelum saya membuat perbahasan.

Satu lagi bila saya sebut doktor ini, tadi saya sebut tentang permasalahan dan cara untuk menyelesaikan masalah. Saya rasa simbol terbaik sebagai seorang doktor ialah untuk meneliti, mendapat maklumat yang baik untuk menyelesaikan permasalahan dan sekiranya pembedahan terpaksa berlaku, bedahlah ia, sekiranya mesti masuk ICU, masuk ICUlah ia. Oleh kerana itu saya rasa, apa yang saya sebut awal tadi, dari segi kaedah menyelesaikan masalah yang banyak masyarakat umum tahu khususnya mengenai kerajaan dapat diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sekarang mengenai hal penswastan yang juga dibangkitkan dalam ucapan mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya amat berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana program penswastan yang telah berjalan dengan begitu lama telah mencapai hasil yang begitu amat baik. Telah pun disebut dalam kertas ini berapa banyak, berapa bilion Ringgit telah pun dapat dijimatkan, berapa banyak peluang pekerjaan telah dapat diwujudkan, berapa banyak ahli perniagaan bumiputera telah dapat menikmati mengenai hal penswastan ini. Saya juga ingin hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan khususnya pengumuman yang dibuat oleh Ketua Setiausaha Negara baru-baru ini, mengatakan dalam mengawal selia projek-projek penswastan kerajaan telah pun mengambil keputusan untuk mengkategorikan dalam empat bidang yang utama. Dan bila dikategorikan dalam empat bidang yang utama, semua agensi yang ada kait- mengait dalam bidang tertentu akan disekalikan. Saya rasa ini satu langkah yang amat baik yang menuju ke arah efficiency dan produktiviti.

Badan-badan kawal selia yang dahulunya diwujudkan mengikut sesuatu projek - to match the project dengan izin, tetapi bila kita kategorikan dalam empat bidang utama yang telah diumumkan oleh pihak kerajaan itu, saya rasa ini adalah satu pendekatan yang amat baik.

Begitu juga saya ingin menerima dan mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana membuat keputusan untuk tidak menswastakan RTM umpamanya. Ini

pengumuman-pengumuman yang telah dibuat. Keputusan kerajaan untuk tidak menswastakan perbadanan filem - FINAS umpamanya.

Saya rasa kalau kerajaan telah menunjukkan kekuatan, keberanian dan keikhlasan untuk membuat keputusan supaya projek-projek tertentu tidak diswastakan yang saya akui baik, mungkin sudah sampai masanya pihak kerajaan sendiri melihat penswastaan secara menyeluruh. Kalau tadi melihat kawal selia secara menyeluruh dikategorikan kepada empat bidang, sekarang saya katakan pihak kerajaan sampai masa untuk melihat penswastaan secara menyeluruh dan berlandaskan pengalaman kita berbelas tahun dahulu, saya ingat hampir 15, 16 tahun, menentukan bidang-bidang yang mana penswastaan tidak akan dibuat langsung. Kajian pun tidak payah dibuat, rundingan pun tidak payah dibuat, tidak payah lagi di akhir rundingan setiap bulan, memakan masa, wang ringgit, tenaga dan sebagainya baru buat keputusan dengan mengatakan tidak payah. Kita tolakkan sebelah sebab ada jenis-jenis penswastaan yang memang amat rumit untuk swasta melaksanakannya. Lebih-lebih lagi kalau sekiranya penswastaan itu merupakan bebanan kepada rakyat.

Dato' Dr. Yeow Seng Huat: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Ya.

Dato' Dr. Yeow Seng Huat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Dato' Ghazi boleh sebutkan perkhidmatan kesihatan jangan diswastakan.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, tidak payah saya sebut, Yang Berhormat sendiri boleh sebutkan. [*Ketawa*] Sebab dalam perbahasan ini Yang Berhormat boleh mencelah dan rekod mengatakan Yang Berhormat yang sebut dan saya bersetuju dengan apa-apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Walaupun saya tidak tahu rasionalnya yang sebenar tetapi saya percaya Yang Berhormat ada rasionalnya. Berlandaskan itu apabila Yang

Berhormat berucap dan berbahas sila kemukakan hujahnya supaya saya tidak tarik balik sokongan saya kepada Yang Berhormat. Okay ya, terima kasih.

Ambil pangkal balik, apa yang saya katakan tadi. Ini perkara-perkara yang khususnya hendak dikenakan bayaran kepada pengguna, ini maksud saya. Soal bayaran ini cukup sensitif, saya tidak tahu banyak macam saya katakan hal ini tetapi saya tahu sedikit-sedikitlah. Sensitifnya kerana kalau hendak kena keluar wang daripada saku sendiri, cukup susah dan rakyat cukup sensitif. Alhamdulillah, sekarang ini dalam hal-hal yang lain macam jalan raya dan sebagainya nasib baik kerajaan telah membuat keputusan yang agak menyejukkan, kalau tidak parah. Betul-betul saya cakap walaupun parahnya masih tidak habis dari segi tajuk jalan raya, ini tetapi parah.

Oleh kerana itu saya dengan ikhlas meminta kajian ini dibuat supaya dikategorikan yang kelima. Kawal selia sudah ada empat kategori, satu kategori lagi kata ini jangan sentuh, terlalu sensitif. Umpamanya tadi saya katakan kesihatan, yang terlintas di fikiran saya, tidak boleh diswastakan, perkhidmatan polis tidak boleh, ini saya jerit sedikitlah. Tidak boleh diswastakan perkhidmatan tentera umpamanya dan yang lain.

Jadi saya berani cakap begini kerana masyarakat perniagaan terpanggil untuk turut membuat cadangan demi cadangan. Betul kita hendakkan kreativiti, betul kita hendak pemikiran yang inovatif untuk memikirkan jalan lain untuk membuat sesuatu dengan lebih hebat, dengan lebih efisien, dengan kosnya yang rendah tetapi kadang-kadang agak lebih baik dikendalikan sendiri oleh pihak kerajaan, sedangkan pihak kerajaan sendiri ingin mempertingkatkan prestasinya, produktivitinya, efisiensinya. Jadi saya rasa ini lebih menguntungkan secara keseluruhannya.

Akhirnya, kita bayangkan bahawa dalam keseluruhan perkhidmatan kerajaan, kalau sudah kajian dibuat kita boleh akhirkkan, we can end up, dengan izin, mengatakan bahawa 60% daripada bidang perkhidmatan kerajaan boleh

diswastakan tetapi 40% jangan sentuh langsung. Ini maksud saya. Saya harap dalam kajian-kajian yang ada sekarang pun, kalau belum ditandatangani, kalau kajian ini cepat dibuat walaupun belum kajian yang sebenarnya habis untuk diklasifikasikan seperti mana yang saya cadangkan tadi, kalau ada yang dalam proses rundingan – saya tahu kadang-kadang rundingan memakan satu, dua atau tiga tahun, kalau jenis itu dalam masa rundingan boleh sama-sama pihak kerajaan dengan pihak swasta membuat keputusan bahawa ini tidak payah diswastakan.

Saya ingin bertanya pihak kerajaan umpamanya mengenai ‘toxic waste’. Saya tidak tahu apa keadaan terakhirnya kerana kilang sudah dibina tetapi cajnya pihak swasta sendiri enggan membayar. Itu pihak swasta setakat yang saya tahulah. Bukan lagi rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai bidang teknologi maklumat. Bab teknologi maklumat banyak dikupas dalam ‘kertas’ ini daripada muka surat 25 sehingga muka surat 28. Sepintas lalu saya ingin mengatakan bahawa ‘kertas’ mengenai ini sebenarnya saya tidak dapat. Saya tidak tahu sama ada Kertas 8 yang detail tetapi tidak apalah tidak ada ‘kertas’ detail itu. Yang saya hendak bangkitkan perkara ini, yang banyak diperkatakan di sini ialah usaha-usaha kerajaan yang tersebut dalam National Information Technology Agenda (NITA) ini ataupun Agenda Teknologi Maklumat Negara. Di sini perenggan 43 disebut: Agenda strategik meliputi lima bidang utama. E-ekonomi, e-perkhidmatan awam, e-pembelajaran, e-komuniti, e-kedaulatan. Yang agak baru kepada saya e-ekonomi, saya tahu sedikit. E-commerce. E-ekonomi apa dia? Saya nampak selisih, saya sendiri hendak faham pun tidak boleh mungkin kekurangan diri saya sendiri. Saya menerima dan saya ingin mendapat

penerangan. Lebih-lebih lagi mengenai e–kedaulatan, e–sovereignty ini pun kita ingin mengetahui kerana ini adalah agenda IT Kebangsaan. Ertinya, kita bertanggungjawab untuk menerangkan kepada masyarakat. Jadi biarlah kita mendapat penerangan di sini dengan jelas.

Saya ingin utarakan satu lagi, dalam perenggan 44 disebut Aplikasi Perdana yang tujuh. Ini okay, ertinya kita sudah faham sedikit, banyak yang telah dihebahkan dan ditulis iaitu mengenai kerajaan elektronik, kad pelbagai guna, teleperubatan, sekolah bestari, kelompok penyelidikan dan pembangunan (R&D), jaringan pengilangan sedunia dan pemasaran tanpa sempadan. Ini, okay tetapi soalnya ialah, di mana hubung kaitnya tujuh Aplikasi Perdana ini dengan lima bidang utama dalam agenda IT negara. Ini saya confuse. Di sana kata ‘utama’, di sini kata ‘perdana’. Dalam bahasa Melayu di antara ‘perdana’ dan ‘utama’ ini yang mana lebih statusnya. Kalau menggunakan analogi Perdana Menteri, ‘perdana’lah lebih hebat tetapi tidak ada pula ‘menteri utama’ selain daripada Menteri Perusahaan Utama yang membawa erti yang lain. Jadi saya tidak mahu guna analogi nama menteri ini sebagai had peningkatan keutamaan. Jadi ini hendak kita tahu dengan jelas.

Begitu juga dengan perenggan 45 yang berikutnya bercakap banyak tentang e–commerce, ertinya elektronik perdagangan. Ini okay, banyak telah dibahaskan dan akan agak menyentuh kehidupan rakyat keseluruhannya. Malah Bill Gates, orang yang paling kaya di dunia, orang yang paling hebat dalam dunia IT ini dahulu

dia tidak kenal, dia tidak memberi pengiktirafan kepada e-commerce ini, melalui Internet.

Sekarang dia sendiri kenal dan mengakui bahawa inilah masa depan yang sebenarnya. Perkara ini okay tetapi permasalahan saya sekarang lagi sekali di mana hubung kait para 43, 44, 45 tadi dalam konteks hendak kita mengimplementasikan dalam negara kita. Bukan setakat mengimplementasikan, kita mengajar masyarakat membudayakan hal ini, membudayakan IT ertinya membudayakan lima yang utama dengan tujuh yang perdana tadi, duabelas. Hebat, bukan senang. Oleh itu saya katakan sebagai contoh selain daripada usaha swasta, Kementerian Penerangan sendiri mesti menggunakan ini dalam kerja hendak memberi penerangannya.

Saya ulang, ini mustahak, saya mendapat sokongan daripada Ahli Yang Berhormat yang lain. Go back to the basic, pergi ke kampung, bawa rombongan, bawa alat, bawa orang dan tunjuk semua ini. Dulu tunjuk wayang, dah hebat masa itu, tahun 60-an, kalau tidak salah saya. Sekarang tunjuk menggunakan IT dan multimedia. Bila digunakan di kampung ini barulah faham apa benda yang aplikasi tujuh dan yang utama lima tadi. Ini maksud saya. Saya harap mendapat penjelasan supaya sama-sama dapat kita memanfaatkannya.

Di akhir para 45 ini, saya tertarik dan mengucap terima kasih kerana disebut “*dalam hubungan ini, iaitu dalam hubungan e-commerce, kerajaan akan menggubal satu pelan induk bagi memastikan pembangunan perdagangan elektronik berjalan secara teratur*”.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana perkara ini dalam soalan saya sendiri, soalan lisan yang ke-17, pihak menteri telah pun jawab mengenai soalan saya tentang master plan mengenai e-commerce ini dan jawapannya baik. Sekarang saya fahamlah tentang wujudnya perunding utama, tentang wujudnya beberapa perunding lain yang memberi sokongan dan komen

kepada perunding utama ini untuk menyediakan master plan dan juga implementation road map, dengan izin, terima kasih atas jawapan.

Soalan saya ialah kalau sekiranya pihak kerajaan sudah pasti membelanjakan banyak wang ringgit kepada perunding utama yang hendak menyediakan laporan ini yang hampir siap dan beberapa laporan perunding khusus pun akan disampaikan kemudian, insya-Allah, dikatakan pada akhir bulan Jun akan dapat disampaikan dan akan dibentangkan pada beberapa jawatankuasa kerajaan dalam bulan Julai.

Mungkin di sinilah, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya semasa banyak betul pakar-pakar perunding bercakap tentang isu-isu utama yang saya sebut tadi, entah apa yang akan dicadangkan dan diberi cadangan, mungkin kalau boleh dimasukkan dalam jawatankuasa kerajaan pada satu peringkat yang betul, awal-awal lagi boleh kita memberi taklimat kepada Ahli-ahli Dewan Negara umpamanya. Sebab lebih awal kita berkenalan dengan tajuk ini, lebih baik untuk kita mengambil peranan untuk membudayakan masyarakat dengan IT untuk sama-sama kita memanfaatkan dan menentukan bahawa polisi kerajaan akan berjaya. Kerana kalau semuanya datang at the very last, dengan izin, mungkin keberkesananannya untuk kita membuat komen adalah berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986, insya-Allah, ini yang saya dapat daripada rakan saya daripada industri media, Undang-undang Malaysia Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986. Kalau ada yang terakhir, wallahua'lam, ini saya pohon maaf. Tetapi saya rujuk kepada akta ini yang mengatakan dalam bab yang ketiga ini mengenai pusat penyerahan negara. Kalau mengikut akta ini, semua bahan-bahan penerbitan, buku-buku termasuk buku S-H-I-T, kena salinan setelah diterbitkan hendaklah diserahkan kepada Perpustakaan Negara yang mengambil peranan sebagai pusat penyerahan negara yang terunggul, ertinya

semua penerbitan hantar kepada Perpustakaan Negara. Kemudian kita pun tidak tahulah apa yang berlaku di situ, untuk rujukan dan sebagainya. Yang saya cuba hendak sebutkan ialah di Parlimen kita ini ada juga perpustakaan. Kita ada Perpustakaan Parlimen. Oleh kerana itu saya tak selalu ke Perpustakaan Parlimen di bawah, tetapi oleh kerana hari ini saya hendak bercakap atas tajuk ini, saya refresh maklumat saya dengan turun ke bawah dan melihat dengan sendirinya perpustakaan kita yang ada.

Dua perkara yang saya hendak sebut, pertamanya, peranan yang dimainkan oleh Perpustakaan Negara patut juga dimainkan oleh Perpustakaan Parlimen. Perpustakaan Parlimen pun patut kita jadikan sebagai pusat penyerahan negara supaya semua bahan penerbitan, penulisan yang berlaku dalam Malaysia ini dihantar ke Perpustakaan Negara. Apa erti ini? Ertinya ialah kita memberi penghormatan dan taraf Parlimen itu sendiri atas definisi peranan Parlimen, kita wakil rakyat, rakyat yang memilih kita termasuk wakil rakyat yang memilih kita dari segi Dewan Negara ini. So by analogy, rakyat memilih kita untuk menjalankan peranan kita di sini.

Oleh kerana itu jika terbit penerbitan yang mencerminkan pemikiran rakyat, bagaimanapun dalam negara ini ia hendaklah dinaikkan taraf Perpustakaan Parlimen ini sebagai gedung untuk menerima buku-buku itu. Ertinya, kalau kita rajin turun ke bawah, kita dahulu boleh tahu buku mana yang terbit lebih awal sebelum dia turun ke padang, dalam kedai-kedai. Ertinya, kita dapat fresh copy awal lebih daripada yang lain. Sebagai contoh, buku S-H-I-T yang saya sebut tadi. Saya sebut S-H-I-T bunyinya sedap sedikit sebab kalau saya bunyikan dia ertinya busuk dan bab busuk ini saya pun tahu, kita semua tahu macam mana busuk, saya pun tahu sama dengan rakan-rakan lain juga.

Jadi, angle ini bila saya bincang dengan beberapa rakan Ahli Dewan Negara tadi, ada yang menyebut di Amerika Syarikat ada Librarian Congress, mungkin ini persamaannya dan mungkin pendekatan ini patut kita buat di Malaysia ini kerana kita menghadapi zaman masa depan ialah zaman masyarakat berilmu. Dalam zaman masyarakat berilmu hendaklah di antaranya berlandaskan penulisan. Penulisan sekarang dalam bentuk buku, majalah dan sebagainya. Kalau hendak kita gabungkan dengan bidang teknologi maklumat malah saya unjurkan bila ekonomi sudah pulih, baik semula, dibuat peruntukan supaya Perpustakaan Parlimen ini berbentuk digital. Ertinya, Parlimen Malaysia ada digital library, perpustakaan digital. Ertinya, semua ini disimpan dalam bentuk digital, ertinya space kurang.

Bayangkan kalau sekiranya ada yang memikirkan, oh! kalau dah kita hendakkan semua penerbitan dalam Malaysia datang ke perpustakaan Parlimen, mana ada tempat. Physically saya check, kalau setakat immediately ada tempat. Ertinya, bila kita melihat masalah saya terus melihat kepada kemungkinan solutionnya, kemungkinan jawapannya atau penyelesaiannya.

Kalau sekiranya secara fizikal sudah tidak muat, walaupun saya kata sudah ada ruang, saya tidak tahu bila akan penuh kerana ini terpulang kepada supply, kepada penerbitan yang dikeluarkan dalam negara. Kita boleh buat dalam bentuk CD-ROM yang tersenang, convert di antara teks yang printed kepada bentuk CD-ROM, 'digitilise'kan itu, pada saya tidak begitu amat susah dan tidak menggunakan kewangan yang begitu banyak.

Oleh kerana itu, kita ada ruang umpamanya, mana-mana penerbitan yang baru, semuanya dalam bentuk CD-ROM. Kita tidak payah belanja, kita hanya kenakan syarat bahawa dia kena hantar satu dalam bentuk dicetak (print), lagi satu dalam bentuk digital. Itu dia kena buat sebab dia akan buat wang banyak. Apalah sangat kalau beri tiga atau empat copy kepada Parlimen Malaysia, yang biasanya membuat polisi dan keputusan menguntungkan swasta. Inilah caranya sedikit-

sedikit, cara natural kita meminta kerjasama dan bantuan pihak swasta secara indirect, secara dalam proses mereka menjalankan perniagaan dan usaha mereka.

Tuan Yang di-Pertua, terlanjur saya sebut, saya berjalan-jalan dalam Perpustakaan Parlimen kita, saya tertarik kepada satu ruang yang menunjukkan visi. Saya pengikut benar Dato Seri Dr. Mahathir dari segi futuristic thinking, oleh kerana itu saya juga jadi ahli future society in the world. Jadi, saya melihat statement visi ini, saya hendak bacakan untuk makluman rakan-rakan yang lain, ada banyak statement yang lain tetapi visi ini baik. Perpustakaan Parlimen akan wujud sebagai pusat kecemerlangan, centre of excellent, dengan izin, hebat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Visi siapa itu?

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: **Visi Perpustakaan Parlimen.**

Tuan Yang di-Pertua: Siapa buat itu?

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: **Wallahualam, saya agak pihak Perpustakaanlah buat, ini yang saya sendiri tulis di bawah tadi.**

Tuan Yang di-Pertua: Dapat di bawah ya.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: **Ya, jam 2.06 petang tadi, Tuan Yang di-Pertua.**

Tuan Yang di-Pertua: Baguslah.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagai pusat kecemerlangan - rujukan terbitan Parlimen Malaysia khususnya bahan mengenai politik, Parlimen dan kerajaan amnya, bagi memenuhi keperluan maklumat Ahli-ahli Parlimen. Yang saya hendak tekankan ialah saya cadangkan supaya dengan cadangan saya tadi, hendak ambil semua penerbitan masuk, visi ini pun kita kena ubah sedikit, sebabnya bukan hanya kita hendak tahu hal politik yang ini nampak narrow.

Jadi Ahli Parlimen, Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara mesti tahu politik sahaja, tidak. Kita ingin menjadi ahli politik yang profesional, sama dengan pegawai kerajaan, hendak jadi pegawai kerajaan yang profesional, sama dengan

pengurus di luar swasta menjadi pengurus yang profesional. Artinya kita mencoba menghadapi masyarakat ilmu ini dengan membekalkan diri dengan ilmu, dengan kekuatan mental, kekuatan berfikir dan sebagainya.

Oleh itu, sila ubah dan sesuaikan sedikit untuk menyediakan dengan pendekatan masyarakat ilmu yang hendak kita tempuhi nanti. Terlanjur saya mencatat bab visi ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini agak simbolik, soalnya tidak begitu kritikal sangat tetapi pada saya simbolik kepada sikap dan cara kita menguruskan sesuatu. Saya pergi kepada suatu sudut dan saya lihat di atas sudut yang ada visi ini dan mengikut kebiasaan mata, sama ada kita melihat atas ke bawah atau dari kiri ke kanan. Jarang kita mula membaca dari kanan ke kiri, kecuali kalau tulisan itu tulisan jawi. Kalau tulisan jawi, tulisan itu sendiri mengarah kita secara mental untuk memulakan pembacaan daripada sebelah kanan.

Jadi, cuba kita bayangkan kita melihat satu ruang di mana tulis 'Tunggak Dua Belas', mula sebelah kiri, lepas itu ada statement 'Misi', lepas itu di atas ada 'Objektif', lepas itu di bawah 'Objektif' ada tulis 'Piagam Pelanggan Cawangan Perpustakaan Parlimen', kemudian sebelah sini ada 'Visi', kemudian sebelah sini ada 'Wawasan 2020'. Ini satu cara meningkatkan, begini artinya kita mulakan Tunggak Dua Belas yang saya ingat diwujudkan semasa KSN dahulu, kalau tidak salah, semasa Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Sarji jadi KSN.

Kalau saya melihat, sebagai pengguna perpustakaan ini, saya lebih berminat untuk melihat visinya dulu, untuk melihat misinya apa, sama ada sesuai dengan pendekatan saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara atau Ahli Dewan Rakyat, kemudian barulah saya pergi kepada misi, kepada objektifnya dalam bentuk begitu. Simboliknya ialah kita harap kalau sekiranya kita mendapat ramai pelawat dari luar negara yang sentiasa mengunjungi Tuan Yang di-Pertua, mungkin dalam lawatan-lawatan mereka ini dia tidak melawat banyak tempat tetapi adakalanya dia meminta untuk melihat perpustakaan kita.

Saya harap perpustakaan kita pun hendak dikemaskinikan dengan lebih hebat, setanding dengan kehebatan Perdana Menteri kita yang melaungkan idea-idea baru dan menaikkan imej Malaysia dengan begitu canggih, dengan teknologi maklumatnya, dengan MSCnya dan sebagainya. Inilah yang saya hendak katakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan hal perpustakaan.

Perkara lain, Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak sebut sebagai menggulung untuk point terakhir yang hendak saya bangkitkan untuk memberi peluang kepada rakan-rakan yang lain. Mereka bertanya, berapa lama saya bercakap, saya kata lebih kurang setengah jam dan saya sudah lebih sedikit, minta maaf, mungkin dalam lima atau sepuluh minit lagi kepada rakan yang menunggu untuk bercakap.

Tajuk terakhir yang saya hendak katakan di sini ialah mengenai soal kredibiliti, soal kewibawaan. Ini sebenarnya ditunjuk khas dalam satu para, dalam Titah Ucapan Diraja dahulu, tetapi saya tidak sempat untuk membangkitkan isu ini dan saya ingin bangkitkan di peringkat terakhir perbahasan mengenai Kajian Separuh Penggal. Saya agak relevan kerana keseluruhannya bergantung kepada kewibawaan (credibility). Apa yang kita persoalkan kredibiliti kerajaan, jentera kerajaan itu sendiri kerana apabila masyarakat pergi ke pilihan raya, yang sudah di ambang, round the conner, dengan izin, mereka melihat pada kerajaan.

Oleh kerana itu, kewibawaan (credibility) kerajaan akan diukur dan dilihat, apa persoalannya dari segi tanggungjawab (responsibility), dari segi accountability, dari segi ketelusannya (transparency), dari segi persepsi masyarakat terlalu amat mustahak. Saya katakan kita mesti memberi ruang, pemikiran, pengkhususan mengenai tajuk ini kerana tajuk persepsi ini, kalau orang sudah mendapat satu persepsi yang buruk, yang salah, yang tidak betul, susah benar untuk kita hendak tukar. Betul, kita menghadapi masalah sekarang, banyak betul maklumat yang datang, lebih lagi tercabar pihak kerajaan untuk membetulkan persepsi ini. Lebih lagi, kalau diibaratkan kertas putih senang untuk kita melukiskan apa sahaja, tetapi kalau kertas putih itu sudah ada tulisannya dan tidak ada kertas lain untuk saya

menulis, saya mesti menggunakan sama ada tradisionalnya eraser atau liquid yang hendak memadamnya itu ataupun hendak tampalkan dengan kertas lain dan tulis di atas ataupun sebagainya, ini analogi yang saya pakai.

Oleh kerana itu, saya menyeru pihak kerajaan untuk memberi pengkhususan kepada soal persepsi imej yang akan membawa kredibiliti, kewibawaan kerajaan itu sendiri dan apa yang boleh buat sekarang, sekaranglah yang akan boleh dibaik pulih, kemudian selepas pilihan raya itu kemudialah, tetapi permasalahan kita sekarang ialah yang kita hadapi sekarang. Hendaklah kita tangani dengan penuh kebijaksanaan yang pernah saya sebut juga di sini dan ada relevannya saya bangkitkan sekali lagi. Sebab kesemuanya umpamanya dari segi menghadapi rakyat, pemikiran rakyat ini yang hendak kita tawan ialah pemikiran dia, yang hendak kita curi ialah isi hatinya, yang hendak kita bersama ialah jiwa dan spiritnya. Oleh kerana itu hendaklah ada satu usaha yang betul-betul realistik, yang betul memakan masa, kajian yang sebenarnya bagaimana hendak menawan hati, pemikiran dan jiwa rakyat di saat ini, saya ingat terlalu amat relevan sebab dalam masa yang singkat kalau kita melangkah salah, parahnya tidak boleh diubah, dibaiki lagi tetapi kalau dalam masa yang singkat kita betulkan lagi, masih boleh.

Saya buat andaian ini dalam permainan bola sepak umpamanya. Permainan bola sepak 90 minit, jangan ingat kalau 80 minit pasukan yang menang akan tetap menang. Ertinya pertandingan adalah 90 minit, kita dah pernah melihat pemain-pemain profesional yang kalah di saat terakhir, in the last two minutes, kalah hilang trofi, the one that you are chasing and fight for, kerana mentalnya sudah mengatakan 'aaah, kita sudah menang'. Pada saya, kita hendaklah menentukan kita terus menang bila sampai masanya untuk rakyat memilih kita, kerana kita rasa kita mempunyai rekod begitu cemerlang dan baik untuk meneruskan kebaikan dan keikhlasan, serta keperkhidmatan kita kepada masyarakat, kepada rakyat.

Dengan kata-kata itu, saya turut menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, Janggu.

3.13 ptg.

Tuan Janggu Anak Banyang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat gembira sekali kerana inilah tepat masanya kerajaan telah memikirkan mengkaji semula Rancangan Malaysia Ketujuh ini untuk kebaikan negara kita Malaysia yang telah dilanda oleh krisis ekonomi baru-baru ini. Oleh yang demikian saya berharap ini tidak akan berulang lagi oleh kerana negara kita memerlukan pembangunan yang lebih pesat pada abad yang ke-21 akan datang nanti. Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai menjayakan negara kita Malaysia iaitu satu-satu darinya ialah negeri Sarawak telah mengambil bahagian menjayakan Malaysia untuk menjadi satu negara yang makmur serta dengan harmoni. Oleh itu saya berharap juga keadaan ini boleh mementingkan lebih-lebih lagi kepada rakyat yang duduk di pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negeri Sarawak yang jauh daripada Semenanjung saya merayu agar kerajaan Pusat memberi perhatian yang lebih serius kepada negeri Sarawak iaitu memberi peruntukan yang lebih daripada negeri-negeri yang lain di Semenanjung. Saya menyebutkan demikian oleh kerana Sarawak kebanyakan penduduk-penduduknya terdiri dari orang pedalaman. Oleh itu perlulah kerajaan pusat memberi fikiran atau anggaran yang lebih teliti kepada masalah oleh penduduk-penduduk di negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, negeri Sarawak adalah salah satu negeri di Malaysia yang tertinggal dalam banyak bidang iaitu seperti jalan-jalan di negeri walaupun dibanding dengan negeri di Semenanjung.

Saya ingin menyentuh, Tuan Yang di-Pertua, mengenai anggaran belanjawan Rancangan Malaysia Ketujuh ini oleh kerana kita memerlukan perbelanjaan ini,

peruntukan ini untuk membangunkan lebih pesat lagi di negeri Sarawak. Saya ingin juga menyentuh sedikit mengenai perjalanan antara Semenanjung dengan Sarawak dan Sabah juga, oleh kerana apabila kita hendak pergi ke Sarawak dan Sabah kita akan menggunakan kapal terbang sahaja selain daripada kapal yang mengambil masa yang lebih lama. Walau bagaimanapun, saya berharap Kementerian Pengangkutan akan boleh memikir lagi kepada perkara ini selama ini hanya kapal terbang sahaja melalui Kuala Lumpur–Kuching dan Sabah kita dapat melawat satu tempat dengan satu tempat. Selain daripada itu, walau kita hendak pergi ke Sibu, Miri dan Bintulu kita pun akan menggunakan kapal terbang juga. Oleh itu saya sekali lagi merayu kepada Kementerian Pengangkutan untuk memikir semula menghidupkan jadual penerbangan MAS iaitu tiap-tiap petang Jumaat terbang daripada Kuala Lumpur ke Sibu. Oleh kerana masa dulu penerbangan ini telah dihentikan tetapi saya tidak tahu apa-apa sebab perkhidmatan ini telah dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dengan perkara jalan-jalan di negeri Sarawak iaitu saya telah sebutkan pada masa perbahasan Titah Ucapan Diraja mengenai jalan-jalan yang dikatakan Pan Borneo iaitu satu jalan utama di negeri Sarawak. Kita sedia maklum di Sarawak untuk menghubungi kawasan-kawasan, bandar-bandar yang lain hanya kita menggunakan jalan utama ini. Jalan utama ini setakat ini daripada Kuching hingga ke Miri kebanyakan kita mengalami jalan yang berlubang, banyak menjadi masalah untuk kita menggunakannya.

Walaupun Kementerian Kerja Raya sentiasa membaiki pulih jalan itu tetapi itu belum memuaskan. Walaupun kementerian menggunakan perbelanjaan lebih banyak, mereka seharusnya patut meneliti semula jalan yang disebut tadi. Jalan-jalan seperti itu juga boleh menghubungi jalan-jalan kecil iaitu jalan-jalan kampung oleh kerana jika tiada jalan kampung bagi orang pedalaman tidak dapat

menghubungi bandar-bandar yang mereka akan membawa hasil tanam-tanaman mereka untuk dijual ke bandar-bandar yang berdekatan.

Oleh itu, saya juga merayu kepada Kementerian Kerja Raya untuk memikir semula dan berunding untuk membina jalan-jalan tersebut untuk kegunaan rakyat sekalian. Saya ambil contoh, jalan-jalan yang sedia ada di kawasan saya iaitu dari Sibu setakat ini amat mengecewakan, jalan dari Sibu ke Lapangan Terbang Sibu, apabila kita sampai, kita hendak turun ke bandar Sibu kita merasakan apabila menggunakan jalan itu seperti menggunakan bot dalam gelombang. Oleh itu saya berharap, jurutera-jurutera atau konsultan-konsultan harus memikirkan bagaimana jalan-jalan itu boleh digunakan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh mengenai IT (Information Technology). Walaupun kita akan menggunakan alat ini tidak berapa lama lagi, yang ketinggalan ialah orang pedalaman. Saya berharap Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia mengambil kira akan membangunkan kawasan-kawasan pedalaman untuk memberi janakuasa (power station) kepada tempat-tempat pedalaman yang menduduki lebih kurang 150 orang dalam satu kawasan dan memberi janakuasa atau mengguna solar atau sebagainya untuk kemudahan dalam satu tempat itu.

Walau bagaimanapun, kita menunggu persiapan yang dibanggakan iaitu Bakun Hidro Projek. Ini telah lama dinanti-nantikan tetapi kalau kita hendak mempercepatkan usaha ini, saya berharap kerajaan memikirkan menggunakan janakuasa (power station), solar dan sebagainya untuk mempercepatkan proses ini. Oleh itu kita akan dapat memberi maklumat yang tepat kepada mereka yang tinggal di pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk memajukan atau membangunkan industri-industri di Semenanjung Malaysia ini. Tetapi saya ingin juga minta kementerian ini memberi pembangunan industri kepada negeri Sarawak dan Sabah untuk kegunaan atau untuk mengambil pekerja-pekerja yang tidak ada peluang kerja di tempat masing-masing. Dengan itu, jikalau industri ini dibuka lebih-lebih lagi di negeri Sarawak iaitu seperti wood-best industry, saya berharap ini akan menjadi satu program yang berjaya di negara jikalau ini dapat dilaksanakan di negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Kementerian Pertanian. Kita sedia maklum, negeri Sarawak yang besar, lebih besar dari Semenanjung, tetapi kebanyakan tanah yang luas belum diteroka. Saya harap Kementerian Pertanian oleh kerana tanah luas dan besar di negeri Sarawak mengkaji dengan teliti di mana yang sesuai untuk kita membuka atau commercialise tanah-tanah yang terbiar untuk digunakan di masa hadapan.

Setakat ini, petani-petani yang kecil cuma menggunakan tanah kecil sahaja tetapi ini hanya mencukupi untuk sekeluarga tetapi tidak ada memikirkan hasil-hasil mereka daripada kelebihan untuk dijual. Dengan ini juga saya merayu Kementerian Pertanian ini memikirkan juga, setakat ini di Sarawak dan Sabah kebanyakan kita telah difahamkan harga komoditi iaitu getah asli kita harganya tidak memuaskan. Oleh itu saya berharap kerajaan yang bertanggungjawab dengan ini memikirkan bagaimana kita memulihkan harga yang memuaskan kepada petani-petani kecil di pedalaman.

Yang penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah pendidikan. Saya selalu menyeru, walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan setakat ini telah memberi peruntukan daripada RM10 bilion kepada RM16 bilion untuk Tabung Pinjaman Pendidikan di negeri ini. Oleh itu saya merayu juga, dengan wang sebanyak ini

saya minta Kementerian Pendidikan memberi peruntukan yang lebih. Walau bagaimanapun, setakat ini kebanyakan rumah guru dan sekolah-sekolah usang telah diperbaiki, walaupun separuh daripada sekolah telah diperbaiki tetapi masih banyak lagi belum dibaiki dan belum memuaskan.

Saya ingin bertanya kementerian ini, oleh kerana saya sendiri dari pedalaman saya dapati pembinaan ini kebanyakan barang-barang yang digunakan itu adakah memuaskan kepada pihak kementerian. Oleh itu, saya berharap dalam perkara ini bahan untuk membaik pulih sekolah-sekolah atau rumah-rumah guru kebanyakan bahan-bahan itu hendaklah mengikut apa yang telah ditetapkan. Saya merayu agar ini bukan terpulung kepada pegawai Kementerian Kerja Raya sahaja tetapi kepada Kementerian Pendidikan mestilah bersama-sama bertanggungjawab untuk meneliti sama ada barang-barang yang digunakan telah mencapai atau telah setaraf dengan yang telah ditetapkan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit dalam Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Kita lebih tahu negeri Sarawak banyak tempat yang boleh kita terokai. Tempat-tempat yang belum diterokai saya berharap Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memberi perhatian lebih-lebih di negeri Sabah dan Sarawak. Bukan hanya kita ketahui Gunung Mulu tetapi banyak lagi tempat yang menarik para pelancong dalaman dan luar negeri. Oleh itu, saya minta kementerian ini sekali lagi meneliti dan sama-sama dengan Kerajaan Negeri Sarawak untuk mencari yang mana sesuai boleh dibangunkan untuk pelancong-pelancong akan datang.

Tidak ketinggalan juga, Tuan Yang di-Pertua, ini yang lebih penting iaitu dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya sangat sedih kerana kebanyakan orang miskin daripada luar bandar tidak dapat bantuan yang lebih sesuai untuk mereka oleh kerana kebanyakan mereka yang miskin ini datang dari pedalaman. Saya berharap KEMAS yang di bawah kementerian ini seharusnya memberi maklumat yang lebih penting kepada Kementerian Pembangunan Luar

Bandar untuk mengetahui bagaimana kita dapat mengemaskan mereka ini daripada kemiskinan. Saya telah difahamkan kebanyakan guru KEMAS iaitu guru lelaki walaupun mereka telah diambil mengajar di dalam rumah panjang kebanyakan mereka ini tidak langsung bekerja sepatutnya seperti guru-guru perempuan. Guru-guru perempuan sahaja yang telah mengajar tadika di dalam kampung pedalaman. Saya berharap kementerian ini mengambil tegas kepada semua guru-guru KEMAS yang berkhidmat di pedalaman. Oleh itu, saya juga merayu Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengemaskini KEMAS iaitu tiap-tiap rumah panjang kita harus memberi satu kelas iaitu prasekolah kepada kanak-kanak yang memerlukan kelas bimbingan tadika seperti ini.

Oleh kerana kalau kita tidak mengambil kira dengan ini anak-anak kita di pedalaman jauh ketinggalan daripada anak-anak di bandar. Anak-anak di bandar dapat dihantar ke tadika yang berdekatan tetapi anak luar bandar sentiasa tertinggal jikalau kita tidak memikirkan bagaimana kita akan menolong mereka dalam usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya ingin menyentuh dalam Kementerian Belia dan Sukan. Ini penting sekali, kebanyakan anak-anak muda kita yang selepas SPM, PMR, STPM yang gagal menyambung pelajaran mereka peringkat yang tinggi, universiti tetapi kebanyakan mereka melepak di pedalaman. Oleh itu, saya merayu kepada kementerian ini supaya memikirkan membina padang untuk mereka berlatih atau bermain bola dan sebagainya. Saya berharap kemungkinan anak-anak pedalaman seperti yang kita kagumi dari Sarawak iaitu Watson Nyambek telah berjaya walaupun mereka dari pedalaman untuk berkecimpung dalam Sukan Komanwel baru-baru ini dan Sukan Asia. Oleh itu, kita patut mengambil perkara ini dengan serius untuk kebanyakan anak-anak muda kita. Selain dari program Rakan Muda kementerian patut sentiasa memikirkan bagaimana kita dapat memberi alat-alat kegunaan sukan di daerah masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali saya juga tidak tertinggal untuk menyebut dalam Kementerian Kesihatan. Kalau kita tidak sihat bagaimana kita akan hidup sempurna. Sarawak, seperti kita sedia maklum kebanyakan penduduk saya telah sebut orang pedalaman. Hospital pun jauh dari pedalaman. Dahulu tiap-tiap hospital daerah (sub district hospital) adalah diberi sekurang-kurangnya satu doktor berkhidmat di kawasan daerah. Tetapi setakat ini di negeri Sarawak apakah sebabnya doktor yang sepatutnya berkhidmat dahulu, sekarang telah dibatalkan. Adakah ini kerana kekurangan doktor atau kementerian tidak mempedulikan rakyat yang terutama di pedalaman oleh kerana mereka ini sangat jauh, jikalau mereka hendak melawat hospital ke bandar memakan belanja yang besar. Oleh itu, saya sekali lagi merayu kepada Kementerian Kesihatan memikirkan semula memberi sekurang-kurangnya satu doktor kepada tiap-tiap district hospital atau subdistrict hospital di kawasan-kawasan Sarawak.

Juga bukan setakat ini, saya berharap apabila doktor-doktor ini akan ditugaskan ke tempat masing-masing, saya berharap mereka menjalankan tugas dengan sempurna dan baik pada mereka yang betul-betul perlu kepada perkhidmatan mereka. Dengan ini saya menyokong sekali lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Yeow Seng Huat.

3.40 ptg.

Dato' Dr. Yeow Seng Huat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi keizinan kepada saya untuk bercakap dan mengulas berhubung dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan khususnya Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Unit Perancangan Ekonomi dalam hal penyediaan dokumen kajian ini. Pada hemat saya dokumen yang disediakan adalah merupakan satu dokumen yang begitu lengkap lagi terperinci yang memaparkan kematangan kakitangan kerajaan kita dalam pelaksanaan tanggungjawab mereka.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya baca Kertas Perintah berkenaan dan setelah teliti ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita semasa membentang usul mengenai kajian ini pada 11 Mei yang lalu saya dapati usaha-usaha untuk mengkaji semula pelaksanaan rancangan ini lebih berteraskan kepada isu yang berkaitan dengan menangani masalah kegawatan ekonomi dan beberapa cadangan yang dikemukakan lebih daripada usaha-usaha ke arah pemulihan ekonomi negara.

Langkah-langkah ini begitu jelas dipaparkan secara terperinci mengikut sektor-sektor tertentu. Walau bagaimanapun, dalam beberapa perkara terutamanya isu yang berkaitan dengan projek-projek pembangunan yang lewat dilaksanakan dan isu yang berkaitan dengan pembangunan yang tidak dilaksanakan walaupun peruntukan berhubung dengan projek-projek yang dimaksudkan telah pun diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Malangnya, dalam beberapa hal kita sering dipaparkan dengan beberapa penjelasan oleh pihak tertentu untuk menjelaskan mengapa kelewatan berlaku dan perkara ini diperbincang di media massa secara berleluasa. Percaturan sebegini hendaklah segera diberhentikan demi menjaga dan kewibawaan kerajaan kita. Penyelarasan di antara jabatan-jabatan demi mengatasi masalah sebegini hendaklah diuruskan sebaik-baiknya untuk menggalakkan sebarang konflik dan dengan itu saya sarankan di sini agar perhubungan di antara jabatan-jabatan atau kementerian-kementerian hendaklah dipereratkan agar isu salah-menyalah di antara satu dengan lain dapat dihentikan.

Saya telah dimaklumkan bahawa langkah yang telah dijalankan oleh kerajaan untuk mempergiatkan projek pembangunan adalah merupakan sebagai teras untuk memastikan kegiatan ekonomi dapat dipergiatkan semula demi menangani masalah kelembapan yang sedang kita hadapi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi pelaksanaan hendaklah jelas dan sekiranya ada pertindihan hendaklah diselesaikan sebaik-baiknya. Saya kagum dengan sokongan dan kerjasama daripada kerajaan-

kerajaan negeri dalam usaha melaksanakan beberapa program yang telah dirancang di dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Malaysia dan sokongan yang begitu kuat mereka kepada beberapa keputusan yang dibuat oleh MTEN adalah merupakan sebagai satu program pemantauan yang saya kira sangat berkesan apabila setiap kerajaan negeri dikehendaki menghantar laporan dua minggu ke atas projek pembangunan di negeri masing-masing.

Dalam beberapa hal, saya memerhatikan ada sedikit masalah pelaksanaan pembangunan di peringkat negeri terutamanya penyelarasan dari agensi-agensi pembangunan di negeri-negeri tertentu wajarlah kiranya peranan yang dimainkan oleh Unit Perancangan Ekonomi negeri dan peranan yang dimainkan oleh jabatan-jabatan kemajuan atau jabatan pembangunan negeri diselaraskan semula kerana saya didapati ada sedikit pertindihan dari segi tugas dan tanggungjawab. Elok juga perhatian diberi kepada beberapa masalah yang menyumbang kepada kelewatan projek pembangunan terutamanya dari segi tukar syarat tanah, pengambilan tanah, agensi yang bertanggungjawab memantau dan agensi yang menyelia prestasi pembangunan yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, setiap projek yang dibangunkan sama ada kecil mahupun besar eloklah sekiranya projek tersebut telah lengkap baik dari segi perancangan mahupun dari segi pelaksanaan sendiri. Kita masih lagi mendengar perancangan dan pembangunan projek masih lagi dibincangkan untuk tempoh yang begitu lama setelah projek diluluskan. Sebaik-baiknya projek sepatutnya dilaksanakan terus apabila sahaja waran daripada Perbendaharaan diterima. Saya telah menyaksikan beberapa agensi yang begitu efisien dalam melaksanakan projek kerana semua aspek yang berkaitan dengan pembangunan projek telah disediakan untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh saya sebut berkaitan dengan perkara ini iaitu Jalan Karak ke Kuantan. Baru-baru ini kita dengar Menteri Kerja Raya mengatakan ini dalam kajian lagi walaupun projek ini telah diluluskan. Kami

penduduk di negeri Pahang di masa ini sedang menunggu bila projek ini betul-betul dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perkara yang diberi oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan tahap sains dan teknologi dan langkah yang diambil untuk menggalakkan pembangunan industri yang berintensifkan modal dan berteknologi tinggi adalah merupakan sebagai satu usaha yang sangat baik dan perlu diberikan tumpuan utama. Usaha ini hendaklah dipergiatkan bukan sahaja di peringkat institusi pengajian tinggi, namun ianya juga hendaklah mula diserapkan di peringkat sekolah menengah lagi. Peruntukan yang lebih besar hendaklah disediakan untuk program penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk para ilmuan kita yang berpengalaman sebaik-baiknya dikumpulkan dan diinstitusikan supaya sumbangan dari mereka dapat dilaksanakan sebaik-baiknya melalui kaedah yang lebih bersistematik dan diuruskan oleh mana-mana agensi kerajaan yang bersesuaian. Kita sebaik-baiknya meningkatkan usaha kita mendapatkan pelanggan-pelanggan baru dengan keluaran-keluaran baru yang direka cipta oleh para saintis kita.

Dalam hal ini, saya mencadangkan kepada pihak kerajaan agar misi perdagangan kita dipergiatkan dengan memberi tumpuan utama kepada pelanggan-pelanggan baru serta mengenal pasti apa barangan keluaran kita ataupun perkhidmatan yang diperlukan oleh pelanggan-pelanggan kita. Usaha meningkatkan produktiviti di kalangan kakitangan kerajaan dan pekerja-pekerja syarikat swasta adalah semakin baik. Dengan perpaduan daripada kemudahan teknologi tinggi dalam proses pengeluaran kita, saya jangka produktiviti dapat dipertingkatkan dengan kadar yang lebih tinggi agar kualiti barangan kita akan boleh bersaing dengan keluaran-keluaran di negara maju.

Langkah-langkah untuk mendapatkan industri hiliran hendaklah diutamakan agar perolehan yang didapati daripada usaha-usaha ini boleh membantu meningkatkan kecemerlangan ekonomi negara dan mengukuhkan lagiimbangan

perdagangan kita. Saya cadangkan agar orientasi ekonomi kita lebih berteraskan kepada orientasi eksport barangan siap at au barangan yang telah diproses.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun telah banyak usaha yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan rakyat seluruhnya, namun saya kira perjalanan kita ke arah penyelesaian kegawatan akan lambat sekiranya kita tidak mendapat kerjasama yang erat daripada pihak-pihak bank. Masih ada lagi pengurus-pengurus bank yang terlalu berhati-hati dan berwaspada dalam mempertimbangkan kelulusan ke atas pinjaman-pinjaman yang boleh mengakibatkan kelewatan yang ketara sehingga menjejaskan prestasi syarikat-syarikat tertentu. Kita sedia maklum bahawa pihak Bank Negara telah mengeluarkan peraturan yang jelas agar urusan pinjaman dapat berjalan lancar demi mempergiatkan pembangunan ekonomi. Saya berharap benar agar pihak bank dapat memberi sepenuh kerjasama untuk mempercepatkan urusan pinjaman demi sokongan kuat ke arah keutuhan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak sentuh sedikit berkenaan dengan penswastaaan. Tadi, rakan saya Yang Berhormat Dato' Ghazi telah bercakap banyak berkaitan dengan penswastaaan. Saya faham semenjak tahun 1983 sejumlah 434 projek telah diswastakan dan ada 68 projek dalam kajian.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengucapkan syabas kepada Pelabuan Klang kerana telah diswastakan 15 tahun dahulu. Sehingga hari ini pihak swasta ada membuat keuntungan tetapi ini tidak dibuat di atas pengguna sebab tarif-tarif yang digunakan - tarif maknanya bayaran oleh pengguna - tidak ada kenaikan selama 15 tahun tarifnya dan syarikat masih boleh untung.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap ini sebagai satu contoh kepada lain-lain syarikat yang ingin menswastakan perlu membuat kajian (homework) terlebih dahulu sehingga projek itu boleh diswastakan dan berjalan dengan licin dan tidak memberi beban kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh kata ini di atas penswastaaan lebu ray. Walaupun lebu ray dibuat, Menteri kata perlu dibuat. Semua kata perlu dibuat tetapi kosnya bukan sekali kita bayar tetapi tiap-tiap tahun kita dengar tol rate naik, sampai bila? Saya harap Pelabuhan Klang boleh beri satu contoh kepada syarikat-syarikat yang lain yang ingin menswastakan projek-projek daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam projek penswastaaan saya harap perkhidmatan kesihatan tidak akan diswastakan. Jika seorang menghidap penyakit darah tinggi, kalau dia perlu hendak makan ubat darah tinggi pada tiap-tiap hari, mereka perlu mengubati dengan ubat untuk menurunkan kolesterol. Ini ada satu tajuk yang selalu timbul, 'kolesterol'. Sekarang kos rawatan sehari untuk seorang pesakit yang perlu dengan ubat untuk menurunkan kolesterol dan ubat menurunkan darah tinggi tidak kurang daripada RM10 satu hari. Kalau satu bulan pesakit ini perlu RM300.

Tuan Yang di-Pertua, pesakit yang buat kidney transplant, dia perlu diubati seumur hidup dan ubat itu sekurang-kurangnya satu bulan RM1,000.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menswastakan perkhidmatan perubatan, bagaimana dengan pesakit dan orang ramai dapat wang untuk membayar rawatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada pihak kerajaan supaya mempertimbangkannya, membuat kajian dan apa cara sekalipun supaya perkhidmatan perubatan tidak diswastakan.

Akhirnya, sebagai menyokong kepada kertas yang dibentangkan, saya mengambil kesempatan di sini untuk menyarankan pentadbiran kerajaan agar apa juga keputusan dan garis panduan yang telah dibuat daripada kajian ini dapat disampaikan kepada setiap lapisan kakitangan kerajaan. Maksud saya bukan sekadar disampaikan tetapi juga faham tentang hasrat dan cita-cita kajian tersebut dengan itu juga diharapkan kakitangan kerajaan keseluruhannya dapat memberi

komitmen yang tidak berbelah bagi ke arah pencapaian matlamat Rancangan Malaysia Ke-7. Terima kasih.

3.57 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu dalam jangka masa 1996-2000.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya Rancangan Malaysia Ke-7 ini adalah merupakan urutan daripada 6 lagi Rancangan Malaysia yang telah diwujudkan sejak selepas 1969 ataupun mungkin lebih awal daripada itu dan ianya telah pun dapat dilaksanakan dengan begitu baik oleh pihak kerajaan, walaupun ada wujud kelemahan-kelemahan yang mungkin juga telah diperbaiki dan mungkin juga masih perlu diperbaiki. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-7 ini ianya walaupun begitu komprehensif tetapi telah dapat kita lihat bahawa terdapat kelemahan-kelemahan dengan adanya pelbagai maklum balas yang telah dapat kita baca dari surat khabar dan juga daripada apa yang telah sebenarnya berlaku seperti wujudnya keperluan, 'good corporate governors', dengan izin, kelemahan pentadbiran bank, terdapat juga fakta-fakta antarabangsa seperti wujudnya spekulasi kewangan yang juga telah mempunyai implikasi kepada Rancangan Malaysia Ke-7. Juga dalam surat khabar baru-baru ini kita dapati bahawa pihak kementerian, terutamanya pihak MTEN telah dapat mengenal pasti bahawa ada peruntukan-peruntukan yang tidak dibelanjakan dan juga ada projek-projek yang tidak siap, ada agensi-agensi dan negeri-negeri yang telah tidak dapat menunaikan tanggungjawab mereka seperti mana yang telah disediakan dalam agenda ekonomi negara.

Jadi, mungkin kita dapat lihat bahawa ini merupakan satu kurang pemantapan audit dan post-mortem, dengan izin, yang terancang dan tersusun untuk mencapai matlamat dan objektif Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Kita memang tahu seperti mana yang kita dengar daripada Ahli-ahli Berhormat yang lain yang telah membuat perbahasan dan juga beberapa cadangan dan teguran

bahawa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh ini adalah sangat kritikal. Seperti mana yang telah diperkatakan oleh ramai antara rakan Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini bahawa komitmen daripada pihak pelaksana terutamanya adalah sangat diperlukan dan betapa juga Ahli-ahli Yang Berhormat telah banyak memperkatakan tentang apakah peranan pihak pelaksana terutamanya daripada pihak kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan seperti Yang Berhormat Dato' Chet Singh, Yang Berhormat Datuk Zainudin yang telah banyak memperkatakan tentang peranan pegawai-pegawai kerajaan dan mereka dalam pihak perkhidmatan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh ini bergantung kepada tiga perkara. Satunya ialah ketepatan perancangan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh itu sendiri. Keduanya, mekanisme pelaksanaan seperti mana yang telah banyak dikenal pasti oleh rakan-rakan Yang Berhormat dan yang ketiganya, pada hemat saya ialah jentera pelaksanaan itu. Saya dapati dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini telah diberikan 11 teras untuk melaksanakan atau menjayakan Rancangan Malaysia Ketujuh ini dan kita dapati bahawa 11 teras ini memanglah bermatlamat untuk membawa kepada pembangunan negara. Walau bagaimanapun, saya berpendapat, jikalauh ataupun memang, bukan 'jikalauh' hasrat pemimpin negara kita iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga didukung bersama semua rakyat Malaysia dalam Wawasan 2020 iaitu mewujudkan satu negara membangun dalam acuan Malaysia. Saya berpendapat ada satu ciri atau satu teras pembangunan yang patut juga dimasukkan sebagai satu perkara yang penting dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Mungkin ada yang berkata ianya boleh diberikan takrif wujud dengan tersendiri ataupun boleh kita baca, tafsirkan daripada keseluruhan perancangan tetapi saya berpendapat bahawa dalam kita selalu mengatakan bahawa negara Malaysia itu merupakan negara yang membangun dalam acuan Malaysia mempunyai ciri-ciri yang berbeza daripada negara membangun yang lain, saya

berpendapat teras utama bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh ialah sepatutnya penerapan dan pengukuhan nilai-nilai murni dalam pewujudan keperibadian insan kerana saya berpendapat bahawa apa pun yang dirancang di dalam perancangan ini boleh dilaksanakan tetapi seperti yang saya katakan tadi bahawa jentera pelaksanaannya itu berperanan begitu penting dan kritikal.

Jikalau tidak adanya satu perancangan dan juga mekanisme pelengkap yang menentukan satu sistem bahawa perancangan itu dapat dilaksanakan tanpa wujudnya ciri-ciri mulia atau ciri-ciri nilai murni yang sepatutnya menjadi teras kepada pelaksanaan perancangan yang banyak diperkatakan kerana kita dapati banyak kegagalan daripada apa yang dirancang, rancangan yang begitu murni itu ialah kerana kegagalan pelaksana atau manusia itu sendiri dalam memegang amanah, dalam ianya melaksanakan tugasnya dengan penuh komitmen dan penuh keikhlasan. Oleh kerana tidak adanya kekuatan dalaman ini kita dapati banyaknya rasuah yang berlaku, banyaknya penyelewengan kuasa yang berleluasa dan banyaknya mereka yang hanya mementingkan diri daripada memikirkan apakah sebenarnya yang menjadi kebaikan untuk bersama.

Jadi, adalah lebih holistic jikalau teras pembangunan ini sebenarnya memasukkan satu lagi teras yang terpenting pada hemat saya di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini kerana saya yakin dan percaya bahawa tanpa ianya disebut dengan jelas dan nyata, mungkin ramai tidak dapat menghayati ciri-ciri ini dan tidak juga dapat mengamalkannya sebagai sebahagian daripada kehendak untuk membangunkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat bahawa nilai-nilai ini mungkin perlu kita lihat daripada perlunya satu rukun nilai negara mungkin perlu diwujudkan selain daripada Rukun Negara. Banyak telah diperkatakan tentang nilai tetapi kita tidak dapat lihat dengan secara jelas, tidak dinyatakan dengan terang dan jelas apa itu nilai-nilai yang kita agung-agungkan. Bagaimanakah hendak dilaksanakan. Kalaulah kita memang mahukan Malaysia membangun acuan negara

kita sendiri, saya rasa ini amat penting dan perlulah kita mewujudkan nilai-nilai ini sebagai nilai-nilai universal yang memang diamal dan memang juga diiktiraf oleh semua bangsa dan semua agama dan mungkin jikalau kita lihat juga cara melaksanakan saya ingin mencadangkan kurikulum baru diperkenalkan di sekolah-sekolah di mana kurikulum ini meliputi satu mata pelajaran ataupun mungkin merupakan satu kokurikulum yang mengajar universal values, dengan izin, atau nilai-nilai universal yang murni kepada murid-murid sekolah. Ianya tidak perlu dikongkong oleh agama ataupun kaum tetapi ianya merupakan satu daripada kokurikulum ataupun kurikulum sekolah yang perlu dimasukkan di peringkat daripada sekolah primary, dengan izin, hinggalah ke sekolah menengah jika tidak sampai ke universiti.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya saya ingin melihat daripada mekanisme pelaksanaan. Mekanisme pelaksanaan daripada Rancangan Malaysia Ketujuh ini juga perlu diberi perhatian kerana apa yang dapat dilihat yang telah disebut di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini yang merupakan teras-teras ini juga, ianya hanya mengenal pasti apakah yang perlu dilaksanakan tetapi dari aspek mekanismenya bagaimanakah ia perlu dilaksanakan. Saya ada terbaca buku *Microsoft* oleh Bill Gates. Ianya adalah merupakan satu daripada

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Zainudin mahu minta laluan.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tadi Yang Berhormat Puan Kamalia telah mengesyorkan supaya satu kurikulum baru diperkenalkan untuk mengajar nilai-nilai universal yang tidak dikongkong oleh agama dan juga kaum. Adakah Yang Berhormat telah menilai bahawa pelajaran moral dan agama yang ada sekarang terutamanya pelajaran agama telah melahirkan golongan-golongan yang 'narrow-minded' yang tidak dapat melihat penyesuaian masyarakat kita ataupun generasi baru dengan kehendak-kehendak universal yang diperlukan oleh negara.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Apa yang saya katakan tentang nilai-nilai universal dan kurikulum baru, apa yang saya perhatikan daripada apa yang sekarang ini dilaksanakan di sekolah-sekolah, memang benar kita ada mata pelajaran agama dan juga mata pelajaran moral tetapi ianya mungkin dapat dilihat oleh murid-murid itu sebagai satu yang terhad kepada agama atau kepercayaan mereka dan oleh kerana itu kita dapati kalau dari segi agama, kepada saya, agama itu dilihatkan sebagai mungkin hanya terpakai kepada dirinya dan kepada kumpulan yang seagama dengan dirinya. Jadi apabila kita mengongkongkan pemikiran, mungkin juga benar kata Yang Berhormat Datuk Zainudin tadi adanya satu bentuk kongkongan fikiran mengenai pengamalan agama ataupun pengalaman moral oleh mereka yang bukan Islam.

Jadi, apabila mereka melihat kepada keadaan di luar daripada kongkongan atau kumpulan agama ataupun kaum itu mungkin ada kalanya mereka merasakan bahawa prinsip-prinsip yang diajar mengikut agama itu hanya terpakai kepada kumpulan mereka sahaja. Jadi kalau kita bukakan supaya kita lebih luas memperlihatkan tentang nilai-nilai murni ini, sebenarnya merupakan nilai-nilai yang sepatutnya terpakai kepada semua orang tidak kira kaum ataupun agama. Maka saya berpendapat bahawa ini mungkin akan dapat memupuk satu kumpulan manusia yang apabila dia melakukan sesuatu, sama ada dalam ia melaksanakan kerja-kerjanya ataupun ia menjalankan tugas hariannya ataupun semasa ianya bergaul dengan kaum lain, ia merasakan bahawa apa yang dilakukannya itu adalah satu yang memang common atau dapat diamalkan bersama.

Jadi, saya berpendapat bahawa kalau kita hendak mengatakan acuan Malaysia itu satu acuan yang saya berpendapat atau apa yang saya tafsirkan sebagai satu negara membangun yang memang berteraskan kepada nilai-nilai murni, maka perlulah kita ada satu petunjuk yang jelas apakah nilai-nilai murni itu dan ianya perlu ditunjukkan bagaimana sepatutnya diamal dan dilaksanakan. Saya tidak menafikan bahawa mungkin ada yang berpendapat yang saya mahu keluar daripada

prinsip-prinsip agama contohnya agama Islam. Sebenarnya tidak, sebab apa yang akan diamalkan ataupun akan diajar merupakan reinformation of the belief in all the religion, sebab saya tahu ada prinsip-prinsip yang bersamaan yang memang kita tahu memang diamalkan bersama dan ianya perlu dilihat bahawa ianya sesuatu yang patut diterima pakai oleh semua pihak tidak mengira kaum dan agama.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu pada pandangan saya amat penting dalam mewujudkan negara dan bangsa Malaysia yang membangun yang perlu kita lihat kepada dalam suasana globalisasi dan liberalisasi yang tidak akan dapat mengongkong fikiran, maklumat dan juga pelbagai jenis pandangan atau idea-idea walaupun mungkin ada orang itu ada sekatan-sekatan, mungkin ada undang-undang yang menyekat ataupun mungkin ada pihak itu mungkin jauh daripada negara kita tetapi perkara-perkara ini tidak dapat lagi disekat dan dikongkong. Justeru itu, perlulah kita ada suatu yang lebih kukuh untuk dijadikan panduan.

Jadi berbalik kepada yang kedua tadi, saya juga melihat kepada mekanisme pelaksanaan. Mekanisme pelaksanaan ini saya rasa Yang Berhormat Datuk Zainudin ada juga memperkatakan tentang perlunya ada pemantauan, perlunya ada komitmen, perlunya ada pemimpin yang benar-benar memberi perhatian tetapi saya juga tadi mengatakan bahawa kita sebenarnya dalam melihat kepada proses dan prosedur dalam menentukan mekanisme pelaksanaan, perlu melihat kepada idea-idea baru, perkembangan-perkembangan baru terutamanya apabila kita berdepan dengan information technology, dengan prinsip-prinsip baru dan juga idea-idea baru yang dilaksanakan di luar daripada negara kita. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah empat tahun berucap dalam Dewan ini, I have drained out of ideas – tetapi saya cuba juga mencari idea-idea baru dengan membaca dan saya telah berfikir bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini pun dalam mekanisme pelaksanaan itu perlu kita berikan pengkhususan, penekanan kepada proses dan prosedur. Kita dapat lihat bahawa apabila kita berdepan dengan keruncingan ekonomi, kita telah dapati bahawa fundamental adalah sangat penting

di dalam pentadbiran dan pelaksanaan ekonomi negara. Dan fundamental itu maknanya apakah dia asas, apakah dia tiang, kalau rumah itu tiang-tiang betul-betul kukuh ataupun tidak.

Jadi dalam kita melihat kepada asas itu, dan saya berpendapat saya juga percaya apa yang dilakukan oleh MTEN sebenarnya melihat balik kepada mekanisme pelaksanaan dan tentu sekali kita tidak dapat lari daripada apakah dia proses dan prosedur. Jadi seperti yang saya katakan tadi 'Microsoft Secret' dalam buku yang ditulis oleh Bill Gates memberikan satu gambaran yang sebenar apa dilakukan oleh Microsoft dan bagaimanakah mereka telah berjaya dalam pengurusan syarikat. Ada buku yang mengatakan bahawa pegawai kerajaan ataupun perkhidmatan kerajaan, dalam konteks ini kita perlu mengatakan banyak tentang perkhidmatan awam dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketujuh, adalah satu perkhidmatan yang perlu direka semula, 'reinventing of the public service'. Ini banyak telah diperkatakan dalam buku-buku Mathen books reinvention of the public service, saya rasa juga ada buku-buku dari Britain yang banyak memperkatakan tentang 'reinvention of the civil servant' dan dari situ kita dapati bahawa sebenarnya perkhidmatan awam itu juga perlu hidup dan perlu berubah mengikut keadaan semasa.

Jadi, apakah mekanisme pelaksanaan yang diterima pakai oleh perkhidmatan awam itu perlu jumud dan ianya tidak perlu berkembang. Kalau sekarang kita ada jabatan-jabatan atau agensi-agensi yang diamanahkan untuk melaksanakan tugas-tugas pelaksanaan bagi Rancangan Malaysia Ketujuh, mungkin kita perlu mempersoalkan adakah jabatan-jabatan itu, adakah agensi-agensi itu masih diperlukan dan masih relevan dan adakah kalau kita lihat daripada konteks organisasi dan struktur jabatan-jabatan kerajaan itu masih lagi terpakai atau perlukah ada perubahan-perubahan agar mekanisme pelaksanaan itu akan dapat lebih kukuh. Adakah dapat kita memastikan bahawa kumpulan atau team yang

melaksanakan tugas-tugas itu dapat mewujudkan satu mekanisme pelaksanaan yang efisien.

Di sini mungkin kita perlu melihat balik kepada proses dan prosedur mekanisme pelaksanaan. Saya rasa banyak kelemahan kerana walaupun kerajaan mempunyai idea-idea dan perancangan-perancangan yang begitu cantik dan molek dan begitu bercita-cita besar untuk membangunkan rakyat, daripada yang miskin hinggalah kepada mereka yang kaya, saya rasa proses dan prosedur dalam mekanisme pelaksanaan ini perlu banyak diubah dan perlu diperbetulkan mungkin juga kita perlu melihat kepada Perlembagaan sebab dalam Perlembagaan kita ada menentukan tentang kuasa, kuasa negeri, mengikut Senarai Persekutuan, Senarai Bersama dan Senarai Negeri di bawah Jadual Kesembilan.

Saya rasa ini adalah juga satu peruntukan ataupun satu halangan yang begitu besar dalam pelaksanaan banyak perancangan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebab kita tahu bahawa sekatan yang diperuntukkan di dalam perlembagaan ini tidak membolehkan Kerajaan Persekutuan, jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi ini dapat melaksanakan tugas-tugas tertentu ke peringkat - kerana dalam konsep baru untuk mewujudkan satu mekanisme pelaksanaan yang efisien perlu adanya satu elemen interdependent di antara satu pihak dengan pihak yang lain terutamanya antara pihak yang melaksana dengan pihak yang menerima.

Kita juga memerlukan banyak maklum balas untuk memastikan bahawa apa yang hendak dilaksanakan benar-benar dapat terlaksana. Mungkin saya boleh quote daripada buku Bill Gates yang saya rasa relevan di sini iaitu bolehkah kita mendapatkan galakan maklum balas dan seterusnya membuat peningkatan dengan menggunakan, dengan izin, quantitative metric and bench marks dan adakah dapat sebenarnya. Kita juga menggalakkan atau mewujudkan jaringan perkongsian kerja secara kumpulan dan daripada itu sama ada kita dapat belajar daripada apa yang telah dapat kita laksanakan dan apa yang belum kita dapat laksanakan.

Jadi, di sini Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat bahawa untuk melaksanakan mekanisme pelaksanaan itu sendiri ada halangan-halangan yang jikalau kita rasakan kita perlu lebih progresif dan perlu mewujudkan proses dan prosedur yang lebih dinamik, kita perlulah mengatasi halangan-halangan tersebut. Antara satu sebab yang saya fikir yang menyebabkan adanya kelemahan dalam pelaksanaan projek-projek atau apa yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini ialah tidak adanya maklum balas walaupun kita perlukan jambatan-jambatan antara kerajaan terlaksana dan rakyat tetapi selalunya jambatan itu tidak dapat dibina kerana mungkin sungai itu terlalu luas.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan pada Yang Berhormat Puan Kamalia, dia telah memberitahu kita iaitu pelaksanaan ini adalah terhalang ataupun ada masalah dari segi pelaksanaan projek-projek khususnya di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah pun berlangsung separuh.

Saya hendak tanya Yang Berhormat mengapa ada halangan apabila kita di peringkat negeri dan peringkat persekutuan mendapat kerjasama antara pegawai-pegawai dan juga duit yang dikeluarkan oleh peringkat persekutuan untuk negeri adalah projek persekutuan dan ada juga projek negeri yang duitnya datang daripada negeri. Dari segi pelaksanaan di peringkat negeri, contohnya tidak ada masalah sebab tiap-tiap bulan projek-projek itu akan dibincangkan dan diminitkan di mesyuarat tindakan daerah tiap-tiap daerah. Daripada daerah dia ada pula jawatankuasa perancang negeri di mana minit-minit dan projek-projek yang tergendala dibangkit di peringkat negeri dari segi projek negeri dan juga projek persekutuan.

Jadi, tidak timbul langsung masalah di peringkat daerah sebab ada diminitkan semua projek di Teluk Kurau misalannya adalah 30% berjalan pada masa sekarang. Projek jambatan di Tanjung Lipis 60% telah pun berjalan dan duitnya telah pun diluluskan sebanyak sekian-sekian dan RM250,000 untuk

jambatan itu, RM150,000 telah pun dikeluarkan dan dibayar kepada kontraktor yang berkenaan dan bakinya akan dibayar mengikut peratusan kesiapan jambatan itu. Di mana masalah ini timbul, projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan. Bagi saya jika minit itu ada terbentang pada mesyuarat tiap-tiap bulan misalnya Jambatan Tanjung Lipis tidak siap, mengapa tuan pegawai daerah “kita ada masalah sebab kontraktornya tidak dapat bahan-bahan yang telah pun dipesan.” Jadi, kita tahu masalah dia, satu persatu. Macam sebuah kapal terbang apabila ia terbang di angkasa, kita tahu di mana, saat mana kapal terbang ini berada disebabkan kita komputerkan, kita tahu di negara mana dan ruangan udara mana kapal terbang ini berada. Begitu jugalah projek di peringkat daerah dan negeri.

Jadi, mana timbul masalah ini, masalah pelaksanaan projek ini susah hendak dilaksanakan. Jadi, kalau boleh Yang Berhormat Puan Kamalia beri penerangan sedikit misalannya kita telah dengar banyak kementerian mengakui bahawa perbelanjaan pada tahun ini tidak dapat.

Tapi, kepada saya, saya setuju dengan Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Abdullah Badawi. Perkara ini patut dibincangkan di kementerian masing-masing dan sebagai menteri mereka bertanggungjawab kepada Parlimen. Apa juga masalahnya itu mestilah diselesaikan di pihak kementerian dan kita mahu dengar dalam surat khabar dan sebagainya. Rakyat hendak tahu projek itu dilaksanakan siap pada tempoh yang ditetapkan, kalau kita dalam kegawatan, keadaan kita kendur sedikit.

Masalah sekarang ini ialah masalah pelaksanaan, di mana rosaknya ataupun tertahannya usus. Jadi, kita kena tengok daripada permulaan, sampai setakat mana dan mengapa sebab dan kalau masalah itu timbul disebabkan manusia yang tidak begitu cermat, tidak begitu pandai menjalankan tanggungjawabnya ada tempat-tempat di mana kita boleh perbetulkan.

Oleh itu, kalau Yang Berhormat boleh cerita sedikit dari segi pelaksanaan projek persekutuan yang saya hendak dengar. Bagi projek negeri saya

rasa dari segi pengalaman saya tidak ada masalah dan wakil rakyat sentiasa bekerja kuat terhadap ini, mengapa ada masalah, ini saya hendak tahu.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Puan Kamilia menjawab soalan dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Zuki, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Zuki sendiri, di mana Yang Berhormat mendapat maklumat bahawa prosedur dan sistem itu berjalan, mungkin pada masa Yang Berhormat Dato' Zuki menjadi wakil rakyat, pemantauan (monitoring) mesyuarat pejabat-pejabat daerah berjalan. Tetapi bagaimana Yang Berhormat Dato' Zuki memastikan bahawa sistem itu berjalan sekarang?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, sistem ini berjalan dahulu dan berjalan sekarang. Saya khusus tumpukan kepada daerah Kuala Lipis. Semasa saya menjadi wakil rakyat tidak ada masalah. Ada masalah bincang dengan pegawai daerah, bincang dengan wakil rakyat lain, bincang dengan ketua-ketua jabatan, bincang dengan penghulu-penghulu. Alhamdulillah, beres, duit tidak cukup pun kadang-kadang, ha, ini tempat saya. Dari segi pengalaman saya dan setakat ini pun projek-projek di Kuala Lipis berjalan.

Baru hari semalam, saya telefon kepada ADO Pembangunan Lipis yang saya luluskan duit. Di Kemahang Hulu dan Kemahang Hilir itu, mengapa RM10,000 diberi kepada Kemahang Hulu? Saya luluskan Kemahang Hilir. 'Oh, ada kesilapan sedikit Dato', kami ingatkan RM10,000 itu untuk Kemahang Hulu'. Bagaimana dengan projek-projek lain di Lipis? 'Dato', berjalan dengan baiknya'. Oleh itu saya masih mengikuti perkembangan pembangunan di Kuala Lipis, selagi saya menjadi Ahli Dewan Negara ini sebab kita ada peruntukan RM100,000 bagi satu penggal dan setakat ini saya telah pun habiskan RM85,000, tinggal RM15,000 lagi. Ini ada tiga pucuk surat lagi minta projek. Insya-Allah, besok, lusa saya akan tulis surat luluskan dan saya hendak projek dalam dua bulan mesti

selesai, kalau tidak, duit ini hendak diberikan ke tempat lain pula, saya kata. Ha, ini saya mengikut, Yang Berhormat, bukannya saya tidak bercakap, maknanya mengikut khayalan dan apa yang berlaku empat tahun dahulu, baru sangat tahun 1995 bulan April pilihan raya, baru sangat lagi. Jadi, masih panas lagi kerusi saya di Benta itu. Terima kasih.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat, tetapi sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Zuki menanyakan saya tentang projek-projek yang tidak berjalan di peringkat persekutuan, saya ingin menjelaskan di sini Yang Berhormat, apabila saya berkata tentang pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh, saya tidak hanya bermaksud kepada projek-projek pembinaan, projek-projek yang banyak berkaitan kepada apa yang teringat dalam kepala Yang Berhormat ialah tentang projek-projek pembangunan.

Saya juga sebenarnya melihat kepada keseluruhan apa dia Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah tidak dapat kita laksanakan dengan lebih baik. Contohnya kita lihat kepada struktur pelaksanaan bank, kita dapati yang semasa kita menghadapi keruncingan ekonomi baru-baru ini, bahawa banyak daripada bank kita tidak mempunyai sistem, tidak mempunyai good governance yang boleh sebenarnya mempertahankan sistem bank atau bank-bank yang berkenaan daripada dilanda masalah yang begitu besar semasa menghadapi keruncingan ekonomi baru-baru ini. Itu satu contoh saya rasa yang dapat saya buktikan bahawa adanya kelemahan di situ yang menunjukkan kepada sistem bank tetapi Yang Berhormat juga membangkitkan tentang apabila saya menyebutkan salah satu contoh halangan ialah mengenai peruntukan dalam Perlembagaan. Yang ini juga, Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ingat semasa kita pergi berjumpa dengan Yang Berhormat Tun Daim, semasa kita membuat perbincangan dengan MTEN bahawa salah satu daripada perkara yang dihadapi oleh MTEN di mana kita dapati masalah pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Ketujuh ialah kerana negeri-negeri lambat melaksanakan projek-projek yang telah dibekalkan ataupun yang

telah ditentukan di peringkat negeri-negeri. Saya ingat Benta sahaja yang lebih efisien, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya kalau boleh hendak Yang Berhormat Puan Kamilia bertanya kepada kerajaan di mana tempat-tempat pelaksanaan yang lambat bukan disebabkan kewangan, duit ada, tetapi pelaksanaannya lambat. Beritahu kepada Yang Berhormat yang berkenaan termasuk Ahli-ahli Dewan Negara sendiri supaya kita tahu di mana projek-projek, apa masalahnya. Dari segi governance bank itu saya tahu tetapi bank-bank tidak mengikut governance dan peraturan Bank Negara. Mereka telah memberi pinjaman yang berlebihan, tidak tahu bahawa satu hari nanti, hujan akan turun dengan lebat sekali, jadi oleh itu tidak bersedia payung, tidak menyediakan perahu, siapa yang duduk dekat dengan sungai. Kalau itu dari segi governance Bank Negara ada, tetapi tidak mengikut, itu sebab masalah sekarang ini timbul, dengan izin, over borrowing, sebab itulah NPL terlalu banyak, tetapi cuba hendak diatasi. Tetapi jika kita mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Bank Negara dan pihak kerajaan, saya rasa Alhamdulillah, masalah itu tidaklah begitu teruk seperti yang dialami baru-baru ini.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Yang Berhormat, kerana bersetuju dengan saya. Memang adanya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Datuk Zainudin bin Maidin bangun lagi.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya ingin mengemukakan pertanyaan lagi kepada Yang Berhormat Puan Kamilia dan sehubungan dengan kenyataan yang dibuat oleh Dato' Zuki, saya kira sangat penting dan perkara yang amat penting lagi akan terdedah mungkin tidak lama lagi, sayangnya menteri yang berkenaan tidak hadir, iaitu adakah Yang Berhormat Puan Kamilia dalam menyentuh soal pengurusan bank menyedari hakikat bahawa tidak sahaja bank telah memberi pinjaman yang berlebihan tetapi bank-bank telah menyalahgunakan lesen dan telah menjalankan kerja-kerja sekuriti dan hal ini ialah penyelewengan daripada lesen yang diberikan kepada bank sendiri dan bagaimanakah hal ini telah berlaku dengan sewenang-sewenangnya sehingga sekarang baru disedari dan sekarang barangkali penyiasatan mungkin, saya hanya menciumi bahawa semalam telah dipanggil oleh

pihak yang berkenaan dan pihak Gabenor Bank Negara hari ini menafikan, kononya hanya satu panggilan yang normal tetapi saya kira tidak normal. Saya kira tidak normal tetapi penyelewengan daripada lesen bank telah berlaku sebelum perubahan besar berlaku di negara kita.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Terima kasih, Yang Berhormat. Jadi, saya rasa kedua-dua Yang Berhormat telah bersetuju dengan saya bahawa mekanisme pelaksanaan yang dimaksudkan di sini juga dilihat daripada pemantauan, adakah apa yang telah dirancang atau apa yang telah diwujudkan itu telah dapat dilaksanakan dan telah dapat dipastikan untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, saya juga ingin menyuarakan bahawa saya bersetuju dengan soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Zuki dan meminta pihak kerajaan untuk dapat memberi senarai projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan, sebab-sebab tidak dapat dilaksanakan dan adakah masalah kewangan yang merupakan masalah utama.

Saya juga ingin menyuarakan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin iaitu apakah dia kegagalan Bank Negara dalam memantau pelaksanaan lesen-lesen bank-bank yang telah diberi hingga menyebabkan berbagai penyelewengan telah berlaku selain daripada apa yang kita telah lihat dan telah dipaparkan di dalam surat-surat akhbar mengenai NPL-NPL yang juga merupakan penyelewengan kuasa-kuasa yang diberi kepada bank.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kita tidak dapat menafikan bahawa mekanisme pelaksanaan itu sama ada dari segi pelaksanaan apa yang telah ditetapkan dan juga dari segi pemantauan, apa yang saya katakan proses, prosedur dan sistem yang diwujudkan adalah mempunyai kelemahan-kelemahan yang begitu ketara dan sewajarnya dalam kita melihat kepada kajian Rancangan Malaysia Ketujuh ini dalam kita memperkatakan tentang perlunya berbagai-bagai perkukuhan itu sebenarnya perlulah kita mengkaji semula apakah mekanisme pelaksanaan kita itu adalah masih lagi diperlukan atau telah menjadi obsolete dan perlukan satu, dengan izin, overhaul yang lebih mantap agar sebenarnya kita dapat melaksanakan apa yang telah dirancang.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiganya saya juga merasakan dalam kita melihat kepada kajian Rancangan Malaysia Ketujuh ini kita perlu melihat kepada jentera yang melaksanakan. Jentera pelaksanaan seperti saya telah sebut, ramai juga rakan-rakan menyebut ialah dari pihak yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan atau to execute, dengan izin, apa dia Rancangan Malaysia Ketujuh ini?

Seperti yang saya katakan tadi ianya banyak dipertanggungjawabkan kepada kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan, justeru itu orang atau pihak yang perlu melaksanakannya ialah mereka yang termaktub di bawah perkhidmatan kerajaan atau perkhidmatan awam.

Perkhidmatan awam juga seperti yang kita tahu adalah satu perkhidmatan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan. Mempunyai legitimacy, dengan izin, dengan peruntukan kerajaan, mempunyai kuasa dan tanggungjawab yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan dan ianya juga merupakan satu kumpulan yang diamanahkan yang perlu mempunyai ciri-ciri amanah yang begitu tinggi. Saya ulang, mereka mempunyai ciri-ciri amanah yang begitu tinggi kerana amanah rakyat diletakkan kepada perkhidmatan awam atau pegawai-pegawai kerajaan kerana pegawai-pegawai kerajaan adalah diamanahkan untuk melaksanakan rancangan-rancangan kerajaan yang ditunjang oleh parti yang memerintah untuk kebajikan rakyat. Ianya tidak mempunyai satu peruntukan pun yang memberi ruang untuk kepentingan peribadi sama ada daripada parti politik ataupun parti pemerintah ataupun daripada mereka yang melaksana, ataupun mereka yang patut menerima apa yang telah dirancangan.

Apa yang menjadi teras kepada Rancangan Malaysia Ketujuh ataupun rancangan yang diterajui oleh parti pemerintah ialah untuk kebaikan rakyat bersama. Dan wang yang perlu digunakan, perlu dibelanjakan juga adalah datangnya daripada rakyat dan juga daripada hasil yang diperolehi daripada tanah tempat rakyat itu tinggal, sama ada minyak, bijih ataupun kelapa sawit dan

sebagainya. Justeru itu, kita dapat lihat bahawa elemen amanah itu sangat penting dan kita perlu mengingatkan diri kita bahawa amanah yang kita pikul itu adalah satu yang sangat berat, satu tanggungjawab yang perlu kita laksanakan dengan penuh keikhlasan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengatakan bahawa Rancangan Malaysia Ketujuh ini ataupun public responsibility ini perlu dilihat dewasa ini sebagai satu yang mempunyai ciri-ciri entrepreneur, keusahawanan, innovation, ciri-ciri kreativiti selain daripada prinsip asas keikhlasan yang saya sebut kan tadi. Dan dalam melaksanakan tugas-tugas ini, saya juga ingin mengingatkan bahawa etika yang diwujudkan itu adalah etika yang perlu dipatuhi kepada individu-individu yang diberi amanah berkenaan dan juga saya ingin mengingatkan dan mungkin juga pihak kerajaan kalau ada kesempatan menerangkan kepada Dewan yang mulia ini ini apakah peranan tiap-tiap badan yang diamanahkan untuk mentadbir negara?

Kalau ada kesempatan pihak kerajaan dapat menerangkan agar ia menjadi jelas, apakah sebenarnya peranan, tugas dan tanggungjawab pihak pemerintah daripada Eksekutif, Kehakiman dan juga pihak Perundangan. Mungkin terlalu besar untuk diterangkan tetapi untuk tujuan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh ada baiknya kalau kita mendapatkan daripada pihak kerajaan apakah peranan, apakah tanggungjawab, apakah etika yang perlu dipatuhi oleh perkhidmatan awam.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat Puan Kamalia tadi untuk kerajaan memberi penerangan, dengan izin, the separation of powers dalam Dewan yang mulia ini saya rasa tidaklah sesuai.

Saya suka mencadangkan kepada Yang Berhormat Puan Kamalia untuk mencadangkan kepada kerajaan supaya mengadakan seminar ataupun satu taklimat khusus berkenaan dengan separation of powers and the function, dengan izin, iaitu executive – pihak pemerintah ataupun kerajaan; The Legislature – Dewan Rakyat

dan Dewan Negara, dengan izin, lower chambers, upper chambers; lower house, upper house. Lower house, upper house ini sensitif sedikit, kadang-kadang Ahli Dewan Rakyat tidak mahu dengar lower house ini. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, itu termaktub dalam Perlembagaan.

Jadi kita sebut sahajalah, tidak ada beza sebenarnya, hanya kadang-kadang surat khabar dia menulis, "*Rang Undang-undang ini telah pun diluluskan oleh Parlimen*". Saya tidak bersetuju. Ada surat khabar, saya ingat hendak bawa, hendak beritahu surat khabar mana. Inilah masalahnya, surat-surat khabar pun tidak tahu macam mana hendak beri penerangan. Jadi orang ingat lower house, Dewan Rakyat inilah satu Parlimen sahaja. Sudah dilulus – bil yang baru ini, sudah dilulus oleh Parlimen. Jadi rakyat semua berfikir, '*Wah, sudah lulus di Parlimen, jadi undang-undanglah*'. Ini masalahnya, dia tidak tahu, bil itu kena pergi ke Dewan Negara, kalau tidak diluluskan di Dewan Negara dan tidak ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong dan tidak digazet, itu belum jadi undang-undang lagi. Jadi masalah ini tidak diketahui, ramai orang tidak tahu fungsi Dewan Negara, apa fungsinya? Kalau di England, we called it, dengan izin, 'House of Lords' yang terkandung oleh life peers dan lords of the ordinary.

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. sekarang ini saya pula yang beri ceramah. *[Ketawa]* Tempat Yang Berhormat Puan Kamilia yang saya ambil. Jadi cadangan Yang Berhormat Puan Kamilia itu amat baik sekali.

Satu lagi judiciary, dengan izin, tiga. Tiga ini tidak boleh bersama, they are not inter dependent, they are independent. Tetapi in the final analysis, it's all back to the people, the government of the day is the government of the people. Sungguhpun ia ada separation of power, akhirnya rakyat akan menentukan.

Walaupun bagaimanapun, terima kasih dan saya harap cadangan itu dapat dikemukakan dan pihak kerajaan jikalau ada mendengar, dapatlah cadangan itu dilaksanakan. Jikalau tidak ada mendengar, sampaikanlah kepada kerajaan melalui utusan kakitangan kerajaan yang hadir pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Datuk Haji Ibrahim bin Ali berpesan kepada saya, dia tidak dapat datang kerana ada mesyuarat, katanya. Jadi sambil saya dapat peluang bercakap, saya sampaikan perkara itu. Terima kasih.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki. Saya ingat mungkin Kelab Senator boleh juga buat seminar dan Dato' sebagai seorang speaker.

Jadi seperti yang kita katakan, memanglah wujud pengasingan kuasa tadi dan memang baik cadangan yang dikatakan oleh Dato' Haji Mohd. Zuki kerana dewasa ini kita tahu banyak telah timbul kekeliruan dengan pelbagai insiden, pelbagai laporan dalam surat khabar dan tidak kira lagilah daripada maklumat-maklumat Internet yang sangat mengaburi dan mengelirukan sehinggakan maklumat-maklumat dan insiden-insiden yang berlaku ini mempersoalkan tentang sistem yang wujud.

Jadi itulah yang tadi saya katakan bahawa perlu kita mengingatkan balik apakah peranan, apakah tanggungjawab kita agar kita dapat jelas dan nyata bahawa matlamat dan tanggungjawab kita itu adalah jelas. Jikalau kita seorang Ahli Dewan Negara kita perlu faham bahawa apakah tanggungjawab kita, kita juga perlu faham apakah yang perlu kita laksanakan dan kita juga amat memahami bahawa apa pun yang kita lakukan juga di dalam Dewan ini adalah untuk kepentingan orang ramai.

Begitu jugalah saya percaya bahawa pihak perkhidmatan awam juga begitu jelas bahawa tanggungjawab dan matlamatnya dalam menjalankan tugasnya adalah untuk kepentingan awam, tidak kira sama ada orang itu kaya ataupun miskin ataupun di kampung ataupun di bandar. Matlamat dan tujuan perkhidmatan awam adalah untuk memberi khidmat kepada pihak awam dan perlu juga pihak awam memerhatikan bahawa ada satu prinsip utama bagi perkhidmatan awam iaitu ianya perlu bebas, iaitu perlu neutral.

Neutrality, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, adalah salah satu daripada ciri-ciri perkhidmatan awam yang begitu penting kerana ianya dapat membantu

pihak perkhidmatan awam melaksanakan tugasnya dengan baik dan tidak mencampuradukkan fikirannya tentang apa yang berlaku di sekelilingnya tetapi ianya perlu jelas bahawa tugasnya ialah untuk melaksanakan apa yang telah diarah kepada mereka mengikut apa yang telah ditentukan oleh pemerintah atau eksekutif. Saya rasa prinsip ini, saya ingat lagi baca dari buku Maxweber iaitu salah seorang daripada ahli tentang civil service ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menekankan di sini apa yang telah diperkatakan juga oleh Yang Berhormat Dato' Chet Singh dan juga Yang Berhormat Datuk Zainudin Maidin dalam memperkatakan tentang perkhidmatan awam yang mereka telah menekankan tentang 'sense of urgency', dengan izin. Ini juga adalah sangat penting dan bukan sahaja kepada perkhidmatan awam tetapi kepada kita semua juga. Tetapi dalam kita perlu hendak memastikan bahawa Rancangan Malaysia Ketujuh ini dapat dilaksanakan dalam tempoh masa iaitu tahun 2000, daripada tahun 1996 maka perlulah kita mengingatkan diri kita bahawa kita perlu conscious, dengan izin, tentang time frame. Kita perlu conscious tentang goal and target, dengan izin, bahawa apabila kita prihatin kepada tempoh masa, matlamat yang perlu dilaksanakan barulah adanya rasa sense of urgency.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon daripada pihak kerajaan untuk memberikan data atau maklumat setakat ini sehingga ke 11 Mei 1999 yang dikira daripada pelancaran Rancangan Malaysia Ketujuh dalam tahun 1996, berapakah projek-projek ataupun rancangan-rancangan RMK-7 yang telah dilaksanakan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan, i.e., dengan izin, dalam time frame yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang saya percaya juga telah dipecahkan kepada agenda-agenda yang lebih terperinci oleh pihak EPU dan juga dikoordinasikan oleh ICU.

Jadi, saya ingin tahu setakat ini berapakah projek-projek atau rancangan-rancangan yang telah dapat dilaksanakan dalam time frame seperti mana yang telah ditetapkan kerana kita hendak tahu, kerana kalau ianya tidak menepati tempoh

masa yang telah ditetapkan, ini bermakna kita telah mengalami wastage, dengan izin, kerugian dari segi tenaga, masa dan juga saya percaya, manpower. Jikalau ada projek yang patutnya siap dalam tempoh satu tahun tetapi tidak disiapkan dalam tempoh hingga sampai 3 tahun tentu sekalilah banyak masa, manpower dan juga wang yang juga rugi kerana mungkin kalau projek itu adalah sebuah projek bridge atau jambatan, kalau tidak disiap dalam tempoh masa itu tentulah ianya ada monitoring implication.

Jadi di sini, mungkin juga kita hendak tanya pihak kerajaan bagaimanakah sebenarnya, apakah dia mekanisme pemantauan pihak kerajaan terutamanya daripada Kementerian Kewangan untuk memastikan bahawa projek-projek ini yang mana dibiayai oleh Kementerian Kewangan telah dapat dilaksanakan. Dari situ juga kita boleh dapat menilai apakah tahap pelaksanaan ataupun performance daripada Ministry of Finance itself, dengan izin. Bukanlah maksud kami mencari kelemahan, ya Yang Berhormat Dato' Zuki, tetapi kami juga menjalankan tanggungjawab melaksanakan amanah rakyat untuk memastikan bahawa wang hasil daripada kutipan cukai dan sebagainya telah dapat dipergunakan sebaik mungkin bahawa kita semua telah dapat melaksanakan tugas kita seperti mana yang kita telah diamanahkan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada yang pada hemat saya merupakan kurangnya keberkesanan daripada jentera pelaksana ini ialah kerana wujudnya dalam struktur pelaksanaan organisasi ini ada kelemahan-kelemahan yang membolehkan kegiatan-kegiatan, yang membolehkan penyelewengan guna kuasa, membolehkan berlakunya rasuah, membolehkan pihak-pihak dalam jentera organisasi itu tidak dapat bertindak yang sebagaimana ianya patut bertindak, membolehkan seseorang itu berhadapan dengan temptation, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, 'nafsu' kata Yang Berhormat Dato' Zuki, kerana manusia ini ada kelemahan-kelemahannya. Tetapi kerana struktur, kerana sistem itu membolehkan kelemahan manusia itu mengatasi apa dia kekuatan dirinya.

Jadi di situ, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa perlu juga dikaji balik, apakah jentera pelaksana ini mempunyai sistem struktur yang dalam ia

menjalankan tugas-tugasnya tidak wujud kelemahan-kelemahan, loop hole, dengan izin, yang membolehkan seseorang individu itu succumb to the human witnesses.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan dari segi bagaimana hendak menahan kekuatan, hendak menahan nafsu, hendak menahan penyelewengan dari segi peribadi seseorang itu supaya dia ada jati diri, dengan izin, self worth, bagaimana? Adakah agama cukup, adakah asuhan daripada ibu bapa cukup, adakah saingan dan sahabat-sahabat dengan orang yang mindanya tinggi, orang yang ikhlas seperti Yang Berhormat Dato' Chet Singh, Yang Berhormat Datuk Zainudin, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid, seorang ahli perniagaan. Apa caranya untuk mengatasi, menahan kekuatan, tetapi saya harap menahan kekuatan untuk membawa ke puncak yang kita tidak izinkan, tidak dibenarkan oleh agama yang dianut oleh masing-masing, maksud saya agama Islam.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, saya ingat ini adalah satu persoalan yang banyak dipersoalkan kerana kita banyak mengatakan, apakah sebabnya walaupun kita ada sistem pendidikan yang menekankan kepada pendidikan agama, pendidikan moral, kita ada ibu bapa yang memberi asuhan anak-anak yang baik dan mungkin mempunyai sahabat-sahabat yang baik dan mungkin juga kita memang mengenakan disiplin yang tinggi tetapi mengapakah masih ada lagi masalah yang kita perbincangkan di sini iaitu contohnya salah guna kuasa dan rasuah.

Sebenarnya, saya berpendapat bahawa ini banyak bergantung kepada kekuatan dalaman seseorang semestinya diperolehi, dengan izin, inculcated, daripada ianya dilahirkan hingga ianya besar. Tentu sekali agama memainkan peranan yang penting kerana kita tahu semua agama tidak sukakan perbuatan yang jahat dan kita juga tahu bahawa agama juga mementingkan disiplin diri, agama juga mementingkan ketahanan menghadapi, melawan nafsu, agama juga menggalakkan kita bersaing dengan sahabat-sahabat yang baik dan agama juga menggalakkan kita melakukan semua perkara yang baik.

Cumanya kadang-kadang kita dapati bahawa ciri-ciri ini tidak dapat diterap oleh seseorang individu ataupun mungkin telah diterap tetapi seperti saya katakan tadi, keadaan sekelilingnya itu mungkin memberikan ruang untuk ianya menjadi lemah, kerana sebagai seorang manusia ia juga lemah. Tetapi itu tidak bermakna Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, saya memberi excuse, dengan izin, kepada mereka yang melemahkan diri kepada perbuatan-perbuatan yang tidak menepati amanah seseorang itu.

Saya berpendapat bahawa kelemahan dalam salah guna kuasa dan rasuah ini, sudah berleluasa. Saya ingin menekankan di sini rasa kebimbangan saya kerana dalam sistem pentadbiran negara jikalau ianya menular begitu luas di dalam jentera yang mengerak sesuatu negara itu terutamanya yang membawa kepada pembangunan, tentu sekali ianya akan melemahkan negara, melemahkan rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu cerita yang sangat merisaukan saya, mungkin ini satu pertuduhan (allegation), tetapi saya bimbang kerana apa yang saya lihat dengan mata kepala saya itu, masih lagi terbayang di mata saya dan saya sungguh-sungguh bimbang. Pada satu hari saya pergi ke hospital awam, berjumpa dengan specialist untuk anak saya, ada seorang daripada kakitangan di situ telah membawa seorang wanita tua masuk ke tempat specialist itu dan pada pandangan saya ada berlakunya sesuatu yang saya jangka perbuatan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau perkhidmatan kita untuk memberikan kemudahan kesihatan yang boleh membawa kepada perbuatan yang begitu keji, saya bimbang apakah akan terjadi di masa hadapan nanti. Kalau tadi Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Seng Huat begitu bimbang penswastaan hospital sebab kita tahu perkhidmatan kesihatan adalah sangat asas dan sangat penting.

Jadi, jikalau orang yang diamanahkan untuk awam yang diberi gaji dari tax payers money tidak dapat menggunakan kedudukannya, tidak dapat menjalankan amanah itu dengan baik, di tempat di mana orang itu sangat memerlukan

perkhidmatan seperti sakit, saya ingat kita berada dalam keadaan yang sangat kritikal.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, cerita Yang Berhormat Puan Kamilia tadi tidak ada kesudahannya, tidak ada ending. Jadi saya tertanya-tanya apa dia cerita itu, bawa orang tua ke bilik hospital - habis cerita. Dia ada di situ, kalau boleh beri penerangan sedikit supaya biar menjadi terbayang pula dalam fikiran kita dan juga kalau ada sangkaan itu kenapa Yang Berhormat tidak adukan kepada pihak yang berkenaan, jikalau fikir ada bukti yang ternyata.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Puan Karimah binti Mohd. Noor: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan. Saya ingin kepastian daripada Yang Berhormat Puan Kamilia, apakah slogan 'Bersih, Cekap dan Amanah' yang telah diperkenalkan dahulu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk diamalkan oleh semua pihak sudah dilupakan sekarang ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Datuk Zainudin.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya kalau diizinkan, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki telah menimbulkan satu persoalan yang amat sukar untuk dijawab dengan tepat dan ringkas oleh Yang Berhormat Puan Kamilia iaitu bagaimana hendak melahirkan satu puritan society, yang bersih, itu barangkali menghendaki suatu seminar yang panjang. Kalau sekiranya Yang Berhormat Puan Kamilia sendiri mengatakan agama boleh sebagai asas untuk pembangunan masyarakat yang bersih, yang tidak corrupt, yang tidak akan menyalahgunakan kuasa tetapi kita sendiri telah melihat bagaimana agama itu, apabila nafsu kepada kuasa, agama itu boleh digunakan sehingga kepada menghalalkan perbuatan mencarut dan sebagainya hanya semata-mata untuk kepentingan kuasa, itu pun nafsu, bagaimana?

Jadi, soalnya yang saya rasa secara ringkasnya ialah balik kepada nilai kepada pelajaran itu sendiri dan akhirnya kita melahirkan masyarakat yang berdisiplin, walaupun apa kita katakan tentang masyarakat Amerika itu sendiri kita marah, kotor, tidak bermoral dan sebagainya tetapi sesiapa juga yang mengetahui bahawa masyarakat Barat itu telah melahirkan suatu masyarakat yang pada keseluruhannya memberikan satu sistem check and balance, yang melahirkan masyarakat yang adil, yang mengambil tahu tentang orang tua, yang menguruskan masalah-masalah, yang kita mengatakan masyarakat Amerika, masyarakat Barat telah melupakan orang-orang tua, umpamanya.

Dengan mudah sahaja kita mengambil perbandingan tetapi pada hakikatnya, pengurusan orang-orang tua yang tidak dipedulikan oleh anak-anaknya barangkali mereka lebih baik daripada kita. Hal ini berlaku di kampung-kampung umpamanya, anak-anak yang tidak mempedulikan ibu bapa, meninggalkan ibu bapa yang sudah tua di rumah, bukan sahaja di bandar-bandar, di kampung-kampung kita juga berlaku. Saya tahu, saya pergi ke kampung, ditinggalkan oleh anak-anak, rumah dijual, anak ambil wang daripada rumah itu dan meninggalkan ibu-ibu yang tua, mengharapkan belas kasihan daripada rakan-rakan atau jiran-jiran.

Jadi, hal ini, kalau berbalik kepada soal itu saya rasa susah dan akhirnya balik kepada sistem, balik kepada pelajaran, pelajaran itulah yang akhirnya akan membentuk society yang baik. Walaupun di Amerika kita mengatakan masyarakat itu terlalu tidak bermoral dan sebagainya tetapi dia telah mengganggu-gugat kita dengan kekuatan pelajaran dan sebagainya, dan anak-anak kita terus dihantar ke sana ialah untuk melahirkan suatu society yang saya rasa akan dapat menyakinkan masa hadapan kita.

Jadi, saya ingat jawapan itu tidak boleh kita bincangkan dan sebenarnya pertanyaan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki itu telah mengganggu fikiran saya, bagaimana untuk melahirkan satu puritan society.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Terima kasih, Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya ingat saya setuju dengan Yang Berhormat Datuk Zam, kalau kita hendak bincangkan tentang perkara ini melahirkan puritan society itu memang boleh menjadi satu perdebatan, dia akan bergantung sangatlah kepada apa yang kita percaya yang merupakan fakta-fakta yang penting yang boleh memberikan disiplin diri kepada manusia dalam pelaksanaan tugas-tugasnya. Walau bagaimanapun, saya berpegang teguh bahawa agama adalah satu daripada ciri utama yang menentukan disiplinnya seseorang itu. We left on that.

Jadi saya berbalik pada insiden yang Yang Berhormat Dato' Zuki tanya saya tadi, tetapi Dato' Zuki macam inilah, saya cerita kepada Dato' Zuki di luar Dewan tetapi yang penting hendak saya katakan, saya telah mendapat satu gambaran bahawa di dalam hospital pun ada berlakunya salah guna kuasa dan juga perbuatan rasuah dan kepada Yang Berhormat Puan Karimah tentu sekalilah dislogan 'bersih, cekap, amanah' ini mungkin sekarang ini dilihat sebagai satu slogan dan tidak dapat dilaksanakan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada jentera kerajaan tadi bahawa perkhidmatan awam itu ialah merupakan perkhidmatan yang diperlukan dan dalam kita menghadapi cabaran-cabaran masa depan, cabaran globalisasi, liberalisasi dan seperti juga yang diperuntukkan tadi Yang Berhormat Dato' Gazi juga ada menyentuh tentang 'e-government', dia juga memohon menanya tentang apa dia 'e-sovereignty', saya rasa 'e-kedaulatan', saya pun hendak minta pihak kerajaan terangkan apa dia 'e-kedaulatan', pening juga saya memikirkan, 'e-kedaulatan', yang 'e' lagi satu ialah 'e-perkhidmatan awam', ini adalah merupakan apa dia jenis perkhidmatan awam yang akan kita lihat dalam millennium yang akan datang. Walau bagaimanapun kita percaya yang kerajaan itu penting, kita percaya yang kerajaan itu efektif, kita percaya bahawa kerajaan itu boleh berfungsi untuk melaksanakan kehendak-kehendak rakyat dan ianya juga merupakan satu organisasi yang sebenarnya memberi ekuiti dan peluang yang sama kepada semua. Jadi

jentera kerajaan itu begitu penting dan saya tidak nafikan bahawa perkhidmatan awam telah memberi perkhidmatan yang begitu cemerlang, cuma ada kelemahan-kelemahan yang mungkin perlu juga kita lihat dan perlu kita perbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membuat beberapa komen kepada terus-teras - 11 teras yang telah dikemukakan sebagai teras pembangunan. Saya ingin menyentuh tentang meningkatkan bilangan tenaga manusia mahir dan berpengetahuan. Tadi saya telah sebut tentang pentingnya nilai-nilai murni dan etika kerja dan juga dengan izin, good governance dan saya telah baca dalam akhbar bahawa Ketua Setiausaha Negara telah pun memperkenalkan apa dia konsep good governance, dengan izin, kepada perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun juga di sini ada disebut tentang 'e-dagangan' untuk pelbagaikan, untuk kita menambahkan tenaga manusia mahir dan berpengetahuan ini agar mereka dapat menjadi buruh elektronik yang dapat memastikan mengenai buruh yang optimum dan penyesuaian di antara permintaan dan penawaran buruh. Di sini saya ingin juga mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah yang dimaksudkan dengan buruh elektronik yang dapat memastikan penggunaan buruh yang optimum dan penyesuaian di antara permintaan penawaran buruh.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa perlulah kita mewujudkan R&D, dengan izin, yang dapat sebenarnya memberikan fakta-fakta dan cadangan-cadangan apakah dia yang dilihat oleh Kementerian Sumber Manusia yang dimaksudkan dengan buruh yang akan dapat menepati kehendak-kehendak elektronik atau IT yang pastinya akan kita hadapi dalam millennium 2000. Saya juga ingin mencadangkan bahawa pihak kementerian berkenaan dan juga mungkin Kementerian Pembangunan Usahawan dalam kita berusaha untuk meningkatkan bilangan tenaga manusia mahir dan berpengetahuan ini untuk mempelbagaikan lagi aktiviti-aktiviti yang bermanfaat yang boleh memberikan ganjaran-ganjaran kepada individu-individu tidak kiralah sama ada ianya menjadi pekerja ataupun ianya menjadi usahawan-usahawannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga tentang program polisi perumahan negara iaitu dalam konteks mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Kita dapati bahawa memang banyak program yang telah ditetapkan bagi mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Kemiskinan ini kita tahu ianya relative dan kita juga tahu bahawa kita masih lagi boleh mentakrifkan adanya penduduk-penduduk sama ada di luar bandar atau di dalam bandar yang boleh dikategorikan sebagai miskin. Saya ingin mendapat penjelasan sebenarnya daripada pihak kementerian bagaimanakah sebenarnya atur cara pelaksanaan yang dibuat dalam program-program mengurangkan kemiskinan. Saya hendak tahu tentang rumah-rumah yang didirikan untuk rakyat termiskin. Saya juga hendak tahu apakah dia kriteria yang diberi untuk mereka dapat makanan, siapakah yang diberikan diamanahkan untuk membekalkan makanan-makanan.

Adakah daripada kajian kementerian bahawa matlamat ini telah tercapai dan bagaimanakah kementerian dapat memantau bahawa matlamat-matlamat ini sebenarnya dapat dilaksanakan. Dan apakah sebenarnya rasional bahawa program-program ini sebenarnya akan dapat mengurangkan kemiskinan di kalangan rakyat di luar bandar terutamanya. Sebab saya berpendapat bahawa perlunya ada pendekatan-pendekatan baru dan juga adanya program-program yang mungkin lebih dinamik yang perlu diperkenalkan untuk mengurangkan tahap kemiskinan di luar bandar. Sebab saya berpendapat bahawa kemiskinan ini oleh kerana ianya relative maka perlulah kita sebenarnya memberikan mereka yang dianggap miskin ini satu pembukaan memperluaskan minda mereka agar mereka dapat sebenarnya mengeluarkan diri daripada kongkongan apa yang dikategorikan kemiskinan. Dan saya juga ingin mencadangkan bahawa rakyat ini mungkin tidak perlu diberitahu yang mereka ini dikategori miskin kerana katogerikan itu sendiri menjadikan satu fakta penghalang atau demotivational fact untuk mereka berusaha untuk dapat mempertingkatkan keadaan sosial ekonomi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pendapatan menengah yang lebih mewah adalah juga satu rancangan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, ini juga adalah satu rancangan kerajaan yang juga merupakan salah satu daripada program yang dapat memberikan equitable distribution of wealth di kalangan rakyat di negara ini. Saya mengalu-ngalukan program ini, cumanya saya inginlah mengaitkan tentang pewujudan kelas menengah, golongan yang berpendapatan rendah tentang kategori miskin ini untuk kita lihat dari segi polisi perumahan. Kita dapati sekarang ini, rumah-rumah dikategorikan sebagai rumah kos rendah dan rumah kos sederhana dan juga rumah mewah. Saya dapati ada pemaju-pemaju perumahan yang mendirikan rumah-rumah di mana diasingkan rumah-rumah kos rendah daripada kawasan-kawasan yang menempatkan rumah-rumah mewah ataupun rumah-rumah yang sederhana. Pada hemat saya dalam jangka panjang jikalau semua perancangan perumahan akan mengasingkan mereka yang kelas menengah, mereka yang kelas sederhana dan mereka yang...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Datuk Zainudin minta laluan.

Dato' Zainudin bin Maidin: Adakah Yang Berhormat Puan Kamalia menyedari bahawa pemaju-pemaju perumahan yang mendapat tanah di kawasan Kuala Lumpur menghadapi masalah untuk mendirikan rumah-rumah murah disebabkan bila mereka mendirikan rumah murah di samping rumah mewah yang elitis golongannya dan golongan elit ini tidak mahu membeli rumah-rumah banglow yang besar dan sebagainya. Bagi projek perumahan yang di sampingnya ada rumah murah telah terbengkalai dan tidak laku untuk dijual oleh kerana pengasingan ini adalah satu proses yang normal di man orang berduit tidak mahu meletakkan dirinya bersama-sama orang yang berpendapatan rendah yang menduduki rumah yang murah walaupun terdapat jalan yang indah, teratur di situ. Ini adalah sebagai perkembangan yang akhirnya kita Beverly Hill di Kuala Lumpur dan rancangan perumahan terasing. Apakah langkah yang boleh kita buat kerana sekarang banyak pemaju tidak mahu meneruskan kerana mereka telah disyaratkan supaya meletakkan rumah-rumah murah ini bersama dengan rumah golongan elit.

Puan Kamalia bin Ibrahim: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Zainudin. Sebenarnya saya rasa Yang Berhormat Datuk Zainudin memahami apa yang cuba saya perkatakan iaitu kita tidak mahu mewujudkan satu masyarakat dalam negara ini yang dikelas-kelaskan daripada tempat di mana mereka tinggal.

Saya memang tahu bahawa banyak rumah yang tidak laku kalau adanya rumah-rumah kos rendah. Tetapi apa yang saya hendak cuba tekankan di sini ialah dalam kita membuat perancangan untuk mengeluarkan masyarakat termiskin daripada kategori termiskin dan dalam kita hendak memperbanyakkan lagi kelas menengah ini, kita perlu juga ingat, kita tidak seharusnya dengan dasar yang kita wujudkan, mewujudkan kasta-kasta dalam masyarakat kita.

Sebab saya berpendapat bahawa jikalau kita cuba mengikut kehendak pemaju perumahan tentu sekalilah ia memikirkan keuntungan tetapi perlulah kerajaan beringat bahawa Dasar Perumahan Negara perlu mengambil kira tentang pengasingan kumpulan-kumpulan ini. Walaupun mungkin dasar kerajaan itu ada, dan saya ingin menekankan bahawa kerajaan perlu tegas dan terus menetapkan bahawa syarat mendirikan rumah-rumah itu tidak akan mewujudkan kelompok-kelompok yang boleh dibeza-bezakan dari segi pendapatan mereka. Tentu juga Yang Berhormat Datuk Zainudin tahu bahawa sebenarnya dia bukan hanya mengkatogerikan kelas-kelas pendapatan, ia juga akan menimbulkan perbezaan kaum sebab kita tahu ada kaum yang lebih berkemampuan dan ada kaum yang memang kurang berkemampuan.

Kita juga tidak mahu stigma orang yang duduk di rumah kos rendah itu adalah satu kaum yang tertentu dan stigma yang duduk di rumah yang mahal itu adalah satu kaum yang lain. Walaupun kita perlu mengiktiraf pendapatan yang berbeza, kemampuan yang berbeza, usaha mereka yang berbeza tetapi kita perlulah mengatur dan merancang agar kita tidak dengan dasar kerajaan, dengan perancangan kerajaan itu sendirinya mengekalkan pengwujudan pengasingan tersebut.

Jadi, saya berpendapat bahawa walaupun mungkin rumah itu tidak laku tetapi polisi kerajaan perlulah dilaksanakan sepertimana saya rasa yang telah ditetapkan. Tetapi saya dapati ada pemaju-pemaju perumahan yang dibenarkan untuk meletakkan satu kumpulan rumah kos rendah itu jauh daripada kumpulan

kelas menengah ataupun kelas yang berpendapatan tinggi. Itu mengikut supply and demand tetapi dalam kita menentukan masyarakat membangun ala Malaysia ini kita tidak mahulah Beverly Hills itu begitu ketara, tetapi kita hendakkan sepertimana kerajaan juga telah mengatakan hendakkan kelas menengah yang lebih besar. Jadi, kalau kelas menengah yang lebih besar, yang lebih meluas, jadi maknanya jurang itu tidak sepatutnya wujud begitu besar dan oleh kerana itu, pemaju-pemaju seharusnya tidak mengambil keuntungan yang begitu tinggi kerana apabila harga terlalu tinggi juga, selain daripada mewujudkan golongan-golongan yang berbeza, ia juga memisahkan antara satu kaum dengan satu kaum.

Ini saya dapat buktikan ada satu pemaju yang sebenarnya telahpun berlaku perkara ini sehinggakan hanya satu kaum sahaja yang dapat membeli rumah-rumah yang mahal dan kaum yang lagi satu tidak dapat menikmati rumah-rumah yang berkenaan. Tentu sekali kita tahu kalau dari segi pemaju dia mengambil keuntungan yang begitu besar jikalau rumah-rumah itu merupakan rumah-rumah mewah.

Jadi, saya inginlah meminta kepada pihak kerajaan agar meneruskan dasar polisi yang ada jikalau itulah dasar, dan jikalau tidak; untuk membetulkan dasar dan memikirkan satu dasar agar perpaduan rakyat itu dapat diberi keutamaan. Sebab kita tahu bahawa negara ini rakyatnya majmuk dan kita tidak boleh we cannot afford, dengan izin, mewujudkan perbezaan sama ada dari segi pendapatan, dari segi keadaan kehidupan, dari segi cara hidup dan sebagainya. Kalau boleh kita hendak blend the society supaya ianya mencerminkan keharmonian kaum-kaum di negara ini.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Kamalia, betul atau tidak bahawa hasrat kerajaan hari ini adalah untuk hendak meningkatkan pendapatan rakyat supaya mereka ini hidup senang lenang setaraf dengan pertengahan, setaraf dengan orang-orang yang mempunyai banglo-banglo. Inilah yang kerajaan buat pada masa sekarang tetapi

apabila kerajaan tengah membuat timbul pula kegawatan ekonomi dunia dan negara, hanya Amerika sahaja. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tujuan hasrat murni kerajaan ini untuk menaikkan taraf pekerja-pekerja termasuk Dato' Zainal, tidak sampai masa lagi, insya-Allah, dalam tahun 2020 masanya akan sampai dan masa pun Tuan Yang di-Pertua, sudah cukup dah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tanya, sama ada ini masa soalan tambahan di antara Menteri dengan siapakah? Sebab banyak sangat yang mencelah di antara Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki dengan Yang Berhormat Puan Kamilia, Yang Berhormat Datuk Zainudin pun kadang-kadang ada pula, minta maafilah.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin respon bila Yang Berhormat Puan Kamilia mengatakan bahawa membangun ala Malaysia. Jadi, bila kita sebut membangun ala Malaysia ini, kalau tidak silap saya, untuk membangun rumah kos rendah ini masih lagi kekal dua bilik, kalau tidak silap saya. Masalahnya, kalau seorang yang berpendapatan sesuai yang boleh memiliki rumah ini mempunyai katakanlah empat orang anak; dua lelaki, dua perempuan. Di mana bilik untuk ibu bapa, di mana bilik untuk anak perempuan, di mana bilik untuk anak lelaki. Bagaimana pandangan Yang Berhormat dalam menyelesaikan, memberi pandangan kepada kerajaan supaya perkara ini boleh diatasi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sepatutnya kita minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ya.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, saya minta cadangan dan pandangan Yang Berhormat kepada kerajaan, terima kasih.

Puan Kamalia bin Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya jawab dahulu soalan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki. Memang saya akui bahawa kerajaan memang berusaha meningkatkan pendapatan rakyat. Walau bagaimanapun, saya berpendapat dalam proses kita menunggu pendapatan rakyat bertambah, kita juga perlu mempunyai dasar-dasar yang tidak memecahbelahkan rakyat memastikan wujudnya perpaduan dan tidak wujudnya perbezaan kelas bagi penduduk-penduduk yang membeli rumah-rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju.

Soalan yang telah juga dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Sairin ialah mengenai rumah dua bilik. Sebenarnya perkara ini telah acapkali dibangkitkan kerana ianya adalah merupakan satu masalah dan kerajaan juga yang saya tahu telahpun membuat beberapa dasar yang mana tiap-tiap rumah kos rendah ataupun rumah yang lain tentu saja rumah yang lain itu tentu lebih banyak bilik, perlulah ada tiga bilik, cumanya Yang Berhormat, saya juga hendak menyatakan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan acapkali pemaju hanya melepaskan batuk ditangga sebab bilik yang ketiga itu, sebenarnya ialah bilik setor. Sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri ada, saya inginlah mendapat penjelasan sebab walaupun ada ukuran-ukuran itu tetapi sebenarnya kalau kita lihat rumah kos rendah yang dua bilik itupun adalah sangat menyedihkan. Kadang-kadang kita rasa memang not fit for human habitation because the room is very small dan kadangkala, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini, kita tahu yang tuan punya tanah itu kadang-kadang dia mendapat tanah itu sebagai pemberian. Jadi, saya tidak tahu macam manalah dia sampai hati buat rumah yang begitu kecil untuk apa yang dikatakan satu hadiah kepada setinggan-setinggan yang duduk di atas tanah dia dan dalam masa yang sama mengaut untung dengan membina rumah-rumah yang lebih besar yang dijual dengan harga yang lebih tinggi. Saya masa kecil dahulu selalu melihat kuarters.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup, panjang lagi?

Puan Kamilia bin Ibrahim: Can I just..

Timbalan Yang di-Pertua: Okay.

Puan Kamilia bin Ibrahim: Kuarters yang dibina oleh penjajah British untuk pekerja-pekerja kereta api, guru-guru sekolah, saya pun dahulu duduk di rumah sekolah, memang terlalu kecil, itu saya faham kerana penjajah yang membina rumah-rumah itu tetapi saya sangat tidak faham mengapa rakyat Malaysia sanggup melakukan atau membina rumah-rumah yang sebegitu kecil kepada rakyat Malaysia itu sendiri. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa esok saya sambung. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.